







LAPORAN TAHUNAN 2018

Annual Report 2018

RAC
RAILWAY ASSETS CORPORATION

PERBADANAN ASET KERETAPI
(RAILWAY ASSETS CORPORATION)

Mengungguli Pengurusan Aset Kereta Api Negara
Excellent in National Railway Assets Management

PERBADANAN ASET KERETAPI
(RAILWAY ASSETS CORPORATION)

LAPORAN TAHUNAN 2018
ANNUAL REPORT



CETAKAN PERTAMA 2019

Tidak dibenarkan mengeluar-ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak PERBADANAN ASET KERETAPI.

Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuh IRC, IOI Resort City,
62502 Putrajaya, Sepang, Selangor Darul Ehsan

T: +603 8939 0200 F: +603 8939 0222
Twitter : RailwayAssetsMy
Facebook : Perbadanan Aset Keretapi/Railway Assets Corporation
Laman Sesawang: www.rac.gov.my

VISI, MISI & MOTO
VISION, MISSION & MOTTO

VISI
VISION

Transformasi ke Arah Pengurusan dan Pembangunan Aset Kereta Api Yang Terbilang Menjelang 2020
Transformation Towards Excellent Railway Assets Management and Development by 2020

MISI
MISSION

Mengurus dan Membangunkan Aset Kereta Api untuk Memajukan Semula Infrastruktur Kereta Api Melalui Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Aset Secara Sistematik dan Bernilai Tinggi
Manage And Develop Railway Assets for Railway Infrastructure Redevelopment through Planning and Implemantation of High Value and Systematic Asset Management

MOTO
MOTTO

Mengungguli Pengurusan Aset Kereta Api Negara
Excellent in National Railway Assets Management

PERKHIDMATAN KAMI
OUR SERVICES

PENYEWAAN/PAJAKAN
RENTAL/LEASE

Penyewaan dan pajakan tanah-tanah kereta api di sepanjang koridor bagi tujuan komersial.

Rental and lease of railway land along the corridor for commercial purposes.

PEMBANGUNAN TANAH
LAND DEVELOPMENT

Projek pembangunan berasaskan transit telah digariskan sebagai satu daripada teras strategi dalam usaha RAC meningkatkan pendapatan dan memastikan hasil yang berterusan.

Transit oriented development project has been underlined as one of RAC's strategic thrusts to boost income and ensuring continuous revenue.

PENGIKLANAN
ADVERTISING

Cabang komersial yang akan diperkasakan melalui libat urus secara aktif aktiviti ini di atas tanah-tanah kereta api di sepanjang jajaran.

Commercial arm to be empowered through active public engagement on railway land along the alignment.

PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT

Pengeluaran notis, pengusiran dan pemantauan bagi aktiviti pencerobohan demi keselamatan operasi kereta api.

Issuing notice as well as conducting eviction and monitoring works to ensure railway operational land are safe from illegal occupation and encroachment.

PENTADBIRAN TANAH
LAND ADMINISTRATION

Tadbir urus bagi tanah-tanah kereta api berstatus hak milik dan pewartaan bagi tanah-tanah kereta api di bawah kategori rizab.

Administration of titled railway land and gazetting of railway land under reserve category.

TUMPANG LALU
WAYLEAVE

Kebenaran yang diberikan kepada agensi mana-mana pihak untuk menggunakan tanah kereta api.

Approval to relevant agencies/parties for use of railway land.

PELUPUSAN ASET
DISPOSAL OF ASSETS

Pengurusan aset dilaksanakan secara sistematik untuk menjimatkan perbelanjaan bagi menampung kos penyelenggaraan yang tinggi.

Systematic asset management helps minimise or reduce maintenance costs.

PENYELENGGARAAN ASET
ASSET MAINTENANCE

Memastikan aset dan infrastruktur dipantau, diselenggara dan dibaik pulih supaya ia sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

To ensure assets and infrastructure are monitored, managed and maintained so that they are always in good working order and safe for use.

ISI KANDUNGAN
TABLE OF CONTENTS



Lensa 2018 *2018 Lens*	6
Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Aset Keretapi (RAC) *RAC Chairman's Message*	9
Kata-kata Aluan Pengurus Besar RAC *RAC General Manager's Opening Remarks*	17
SEKSYEN 1 : PROFIL KORPORAT ***SECTION 1 : CORPORATE PROFILE***	
Denotasi Logo RAC *RAC's Logo Denotation*	24
Penubuhan RAC *RAC's Establishment*	25
Punca Kuasa RAC *RAC's Jurisdictions*	28
Bidang Kuasa RAC Mengikut Akta Keretapi 1991 (Akta 463) *RAC's Functions According to Railways Act 1991 (Act 463)*	28
Piagam Pelanggan *Client's Charter*	31
Jenis -Jenis Aset Kereta Api *Types of Railway Assets*	32
Kategori Tanah Kereta Api *Categories of Railway Land*	33

SEKSYEN 2 : PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
SECTION 2 : CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT

Keanggotaan Lembaga Pengarah RAC 36
RAC Board of Directors' Membership

Barisan Ahli Lembaga Pengarah RAC Pada 2018 37
RAC Board of Directors Line-Up in 2018

Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC 2018 44
Meetings of RAC Board of Directors in 2018

Carta Organisasi RAC 2018 45
RAC Organisational Chart 2018

Warga Kerja RAC 46
RAC Staff Line-Up

SEKSYEN 3 : PENGURUSAN HARTANAH YANG HOLISTIK
SECTION 3 : HOLISTIC PROPERTY MANAGEMENT

Penyewaan dan Pajakan Tanah Kereta Api 54
Rental and Lease of Railway Land

Tumpang Lalu 64
Wayleave

Pengiklanan 66
Advertising

Pentadbiran Tanah Kereta Api 71
Administration of Railway Land

Pemantauan dan Koordinasi Penguatkuasaan 76
Monitoring and Enforcement Coordination

Penyelenggaraan dan Pelupusan Aset Kereta Api 87
Maintenance and Disposal of Railway Assets

SEKSYEN 4 : MELONJAKKAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERETA API DAN PENINGKATAN INFRASTRUKTUR SEKTOR REL
SECTION 4 : BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING INFRASTRUCTURE OF RAIL SECTOR

Projek Pembangunan Tanah Kereta Api 94
Railway Development Projects

SEKSYEN 5 : PENGURUSAN ADUAN DAN MENGUTAMAKAN PELANGGAN
SECTION 5 : MANAGING COMPLAINTS AND PRIORITISING CUSTOMERS

Pengurusan Aduan 112
Complaint Management

Majlis Rasmi dan Lawatan 116
Official Events and Visits

Program Turun Padang 118
"Turun Padang" Programme

Siaran Media 122
Media Release

Liputan Media 123
Media Coverage

Memanfaatkan Media Sosial 125
Optimising Social Media

SEKSYEN 6 : MEMPERKASA FUNGSI RAC DAN TINDAKAN PERUNDANGAN
SECTION 6 : EMPOWERING RAC FUNCTIONS AND LEGAL ACTION

Railway Network Access Agreement (RNAA) 128

Tindakan Perundangan
Legal Action 129

Perjanjian-perjanjian Lain
Other Agreements 133

SEKSYEN 7 : PEMANTAPAN TADBIR URUS, PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERKUALITI DAN PEMBUDAYAAN ICT
SECTION 7 : SOLIDIFYING GOVERNANCE, DEVELOPING QUALITY HUMAN RESOURCES AND INCULCATING ICT

Pengurusan Pentadbiran dan Peningkatan Modal Insan
Management of Office and Human Resources 136

Pembudayaan ICT
Inculcating ICT 144

SEKSYEN 8 : PENGURUSAN KEWANGAN YANG EFISIEN
SECTION 8 : EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT

Pengurusan Kewangan dan Akaun
Financial and Accounts Management 146

Penubuhan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi
Establishment of Railway Assets Corporation Fund 148

Analisis Prestasi Kewangan
Financial Performance Analysis 149

Sumber Hasil RAC
RAC's Source Of Revenue 149

Perbelanjaan
Expenditure 157

Aset dan Liabiliti Semasa RAC
RAC's Current Assets and Liabilities 160

Pembayaran Balik Hutang
Repayment of Debts 162

SEKSYEN 9 : LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018
SECTION 9 : AUDITOR-GENERAL'S REPORT ON RAC'S FINANCIAL STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018 165

LENSA 2018
2018 LENSE



12 JANUARI JANUARY 2018

Majlis Amanat Pengurus Besar dan Perhimpunan Bulanan 2018

General Manager's Speech and Monthly Gathering 2018

30 JANUARI JANUARY 2018

Majlis Amanat Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan YBhg. Datuk Seri Hj Saripuddin Hj Kasim

Speech by the Secretary-General of the Ministry of Transport YBhg. Datuk Seri Hj Saripuddin Hj Kasim





3 MAC MARCH 2018

Program Kelestarian Warisan Alam anjuran Pertubuhan Warisan Alam Sekitar Malaysia (WASM) dengan kerjasama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) di bekas tapak Stesen Kereta Api Bukit Berapit

Heritage Conservation and Environment Sustainability Programme organised by the Pertubuhan Warisan Alam Sekitar Malaysia (WASM) with cooperation of Railway Assets Corporation (RAC) at the site where Bukit Berapit station once stood

16 APRIL APRIL 2018

Lawatan Lembaga Pengarah RAC ke Stesen Kereta Api Tanjung Malim, Perak

RAC Board of Directors' visit to Tanjung Malim Railway Station, Perak





2-3 MEI MAY 2018


Program Tanggungjawab Sosial (CSR) di Sekolah-Sekolah Daerah Bentong, Pahang Sempena Fiesta NBOS Mesra Rakyat 2018 – Sek Keb Tuanku Fatimah Bentong, Pahang

Corporate Social Responsibility Programme (CSR) at District Schools of Bentong, Pahang in conjunction with Fiesta NBOS Mesra Rakyat 2018 – Sek Keb Tuanku Fatimah Bentong, Pahang

25 JUN JUNE 2018

Lawatan Kerja Menteri Pengangkutan YB Tuan Loke Siew Fook ke Perbadanan Aset Keretapi

Working Visit by the Minister of Transport YB Tuan Loke Siew Fook to the Railway Assets Corporation (RAC)





24 JULAI *JULY* 2018

Lawatan Ahli Jawatankuasa Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) RAC ke Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Dusun Tua (IKTBN)

Visit by RAC's Public Sector Conducive Ecosystem (EKSA) Committee Members to Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Dusun Tua (IKTBN)

2 OGOS *AUGUST* 2018

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) Di Antara RAC dan UniKL

Memorandum of Understanding (MoU) Signing Ceremony Between RAC and UniKL



Majlis Perpisahan Pengurus Besar RAC YBrs. Dr Kang Tong Hum

Farewell Ceremony for RAC's General Manager YBrs. Dr Kang Tong Hum





9 OGOS *AUGUST* 2018

Pelantikan Pengurus Besar RAC yang baharu YBrs. En Azhar Ahmad

Appointment of RAC's New General Manager YBrs. Azhar Ahmad

28 OGOS *AUGUST* 2018

Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan Di Antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) & AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd

Lease Signing Ceremony Between Railway Assets Corporation (RAC) & AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd





1 NOVEMBER *NOVEMBER* 2018

Majlis Perasmian Stesen Keretapi Abdullah Hukum oleh Menteri Pengangkutan YB Tuan Loke Siew Fook

Launching Ceremony of Abdullah Hukum Railway Station by Minister of Transport YB Tuan Loke Siew Fook

26-28 DISEMBER *DECEMBER* 2018

Lawatan Pengurus Besar RAC ke Sektor Utara

RAC General Manager's Visit to Northern Sector





DATUK SERI HJ. SARIPUDDIN BIN HJ. KASIM
PENGERUSI
CHAIRMAN

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
CHAIRMAN'S MESSAGE



PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) terus mengorak langkah maju ke hadapan sejak ditubuhkan pada 1 Ogos 1992 melalui Akta Keretapi 1991 (Akta 463). Sepanjang tempoh itu, RAC dapat melaksanakan peranannya dalam membantu meningkatkan jumlah penumpang rel melalui usaha-usaha memperkasakan sektor pengangkutan awam khususnya melibatkan sektor rel di negara ini.

Walaupun berdepan pelbagai cabaran sepanjang 2018, Perbadanan ini mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan peranan yang diamanahkan kepadanya dapat dilaksanakan dengan baik. Sebagai Badan Berkanun Persekutuan, RAC memikul tanggungjawab yang cukup penting dalam menyokong dasar-dasar Kerajaan khususnya untuk memperkukuhkan industri pengangkutan sektor rel. Melalui sokongan pihak Kementerian Pengangkutan, RAC berada di landasan yang baik untuk meneruskan tanggungjawab dan fungsinya bagi membangun dan mengurus aset-aset serta pembangunan semula infrastruktur perkeretapian di negara ini.

Selaras dengan Seksyen 89 (8) Akta Keretapi 1991, RAC mempunyai peranan yang amat besar atau *very extensive roles* dengan mencakupi peranan sebagai pengurus, pentadbir dan penyelenggara aset dan tanah kereta api selain menjadi pemilik dan penjaga aset perkeretapian. RAC turut memainkan fungsinya dalam dimensi dan hala tuju baharu dengan menceburi sektor perniagaan dengan lebih agresif melalui penyewaan aset dan tanah kereta api serta pembangunan hartanah. Menyoroti perjalanan sepanjang 2018, RAC berjaya meningkatkan hasil pendapatannya selepas mengambil alih semua urusan perniagaan yang melibatkan

The RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC) continues to forge ahead since its establishment on 1 August 1992 under the Railways Act 1991 (Act 463). During the period, the RAC played its role by contributing towards greater ridership in line with efforts to empower the public sector, particularly those related to the nation' s rail industry.

Despite facing various challenges throughout 2018, the RAC undertook numerous proactive measures to ensure that it was able to perform the role entrusted to it effectively. As a Federal Statutory Body, the RAC is entrusted with the vital responsibility of supporting Government policies especially in boosting the railway sector. With the support of the Ministry of Transport, the RAC is on the right track to discharge its responsibilities and functions in developing and managing assets as well as redeveloping the railway infrastructure in the country.

In accordance with Section 89 (8) of the Railways Act 1991, the RAC is entrusted with very extensive roles of managing, administering and maintaining railway assets and land apart from being the owner and caretaker of railway assets. The RAC's aggressive foray in the business sector through rental of railway assets and land as well as property development had created a new dimension in the RAC's corporate direction. Reviewing its journey throughout 2018, the RAC registered a higher revenue after taking over all the business operations involving commercial and property development activities from Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) in 2012.

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
CHAIRMAN'S MESSAGE

aktiviti komersial dan pembangunan hartanah pada 2012 daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Sehubungan dengan itu, bagi pihak Lembaga Pengarah RAC, saya dengan rasa sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RAC yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2018.

PRESTASI KEWANGAN 2018

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan RAC bagi 2018 adalah baik. RAC berjaya mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 62.74 peratus iaitu daripada RM45.88 juta yang direkodkan pada 2017 kepada RM123.17 juta pada tahun semasa.

Peningkatan hasil yang signifikan ini disumbangkan oleh pendapatan yang diperoleh daripada projek-projek pembangunan tanah kereta api secara penswastaan. Antara projek berkenaan ialah projek Penang Sentral dan KL Eco City yang menyumbang sebanyak RM63.81 juta manakala sejumlah RM1.84 juta lagi diperoleh daripada pengambilalihan balik tanah kereta api seluas 2.95 ekar oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan bagi Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat di Tanah Merah, Kelantan. Hasil keseluruhan daripada projek-projek ini menyumbang sebanyak 53.3 peratus iaitu RM65.65 juta daripada jumlah keseluruhan hasil yang dinikmati RAC.

Selain itu, hasil daripada aktiviti tumpang lalu turut menunjukkan peningkatan sebanyak 9.0 peratus di mana pada tahun semasa, hasil yang dicatatkan meningkat kepada RM5.76 juta berbanding RM5.29 juta pada 2017. Lebih membanggakan, penjanaan hasil melalui aktiviti komersial ini menunjukkan trend peningkatan setiap tahun.

Namun begitu, hasil daripada aktiviti penyewaan tanah bagi tanah berstatus hak milik menunjukkan penurunan sebanyak 10

On behalf of the RAC Board of Directors, I am pleased to present the RAC's audited Annual Report and Financial Statement for the financial year ended 31 December 2018.

FINANCIAL PERFORMANCE 2018

Overall, there was improvement in the RAC's financial performance for 2018. The RAC's revenue increased 62.74 percent to RM123.17 million during the current year from RM45.88 million recorded in 2017.

The significant growth in revenue was attributable to income generated from privatised railway development projects. They included Penang Sentral and KL Eco City which contributed RM63.81 million while RM1.84 million were derived the reacquisition of 2.95 acres of land by the Kelantan State JKR for the Elevated T-junction Construction Project in Tanah Merah, Kelantan. These projects contributed 53.3 percent or RM65.65 million to RAC's total revenue.

At the same time, revenue from wayleave services increased 9.0 percent to RM5.76 million during the current year compared to RM5.29 million in 2017. Of significance, there was a steady uptrend in RAC's yearly revenue generated from these commercial activities.

However, revenue from rental of titled land dropped 10 percent while that of reserve land fell 21 percent. Among others, the decline was due to the stalled transaction of railway land along the Gemas to Johor Bahru railway line which were involved in the Electrified Double Tracking construction project. On a positive note, the signing of a leasing agreement with AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd during the current year marked another major milestone for the RAC.

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
CHAIRMAN'S MESSAGE

peratus dan 21 peratus bagi hasil tanah rizab. Faktor penurunan ini antaranya berpunca daripada adanya tanah-tanah kereta api bagi jajaran Gemas ke Johor Bahru, yang terlibat dalam Pembinaan Landasan Berkembar Elektrik, tidak dapat diurusniagakan. Namun, pemeteraian perjanjian pajakan dengan AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd pada tahun semasa adalah adalah antara kejayaan yang cukup bermakna bagi RAC.

Selain itu, pendapatan RAC turut disumbang oleh faedah simpanan tetap sebanyak RM16.35 juta atau 13.27 peratus daripada keseluruhan hasil pendapatan RAC. Turut menyumbang kepada hasil Perbadanan ini ialah pendapatan jualan barangan lusuh termasuk rel dan kayu landasan yang berjumlah RM18.58 juta dan pelbagai pendapatan lain sebanyak RM0.287 juta.

Pada 2018, RAC mencatat lebihan bersih berjumlah RM371.64 juta, yang menurun sebanyak 26 peratus berbanding lebihan bersih pada 2017. Penurunan ini disebabkan oleh perbelanjaan bukan tunai dengan kenaikan peruntukan susut nilai, penyelenggaraan infrastruktur dan penjejasan aset bagi aset bukan semasa RAC yang bernilai RM17.199 bilion. Selain itu, ia juga disebabkan oleh penurunan pelunasan geran bagi hasil yang direkodkan di RAC daripada geran Kerajaan Persekutuan yang diterima bagi projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan.

RAC juga berjaya mengurangkan 13.7 peratus perbelanjaan keseluruhan hasil daripada dasar penjimatan dan perbelanjaan berhemah yang dilaksanakan iaitu sebanyak RM20.61 juta berbanding RM23.89 juta pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM11.43 juta merupakan perbelanjaan pentadbiran, RM8.79 juta bagi perbelanjaan pengurusan aset manakala RM0.39 juta merupakan kerugian atas pelupusan aset.

Besides that, dividend earned from fixed deposit savings contributed RM16.35 million or 13.27 percent of the RAC's total revenue. Other receipts were from the sale of scrap materials such as rail and wooden sleepers totalling RM18.58 million as well as various other income sources of RM0.287 million.

In 2018, the RAC recorded a net surplus of RM371.64 million, which was 26 percent lower compared to a net surplus in 2017. The decrease was attributed to non-cash expenditure due to higher provision for depreciation, infrastructure maintenance and diminution in value for RAC's non-current assets worth RM17.199 billion. Besides that, it was also due to the decrease in the amortisation of Federal Government grants received by the RAC for development projects funded by the Government.

During the year, the Corporation managed to reduce its overall expenditure by 13.7 percent to RM20.61 million compared to RM23.89 million in the previous year, thanks to its cost-saving practices and prudent spending. Of the total, RM11.43 million were for administrative expenditure, RM8.79 million for asset management expenditure while RM0.39 million were for loss on disposal of assets.

Asset management expenditure covers expenses for payment of land tax, assessment tax, evaluation fee as well as maintenance costs which increased 44.83 percent during the current year. This brought the total asset management expenditure to RM8.79 million in 2018 as against RM6.07 million in 2017.

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
CHAIRMAN'S MESSAGE

Perbelanjaan pengurusan aset yang merangkumi bayaran cukai tanah, cukai taksiran, bayaran bagi penilaian aset serta perbelanjaan penyelenggaraan mencatatkan kenaikan sebanyak 44.83 peratus pada tahun semasa. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan pengurusan aset pada 2018 adalah sebanyak RM8.79 juta berbanding RM6.07 juta pada 2017. Peningkatan perbelanjaan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pembayaran cukai berjumlah RM3.91 juta dan peruntukan rosot nilai penghutang berjumlah RM3.50 juta. Selain itu, perbelanjaan berkenaan turut melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan serta pembersihan kawasan berjumlah RM0.624 juta. Perbelanjaan pengurusan aset dibuat selaras dengan peranan dan fungsi RAC selaku pemilik dan pengurus hartanah kereta api bagi memastikan tanah-tanah kereta api ditadbir urus dan diselenggara dengan baik.

Penyata Kewangan RAC berakhir 31 Disember 2018 juga menunjukkan aset semasa RAC adalah melebihi liabiliti semasa dengan kadar 1.48 nisbah 1.00. Ia turut diimbangi dengan jumlah aset tetap RAC berjumlah RM37.33 bilion yang sebahagian besarnya terdiri daripada hartanah, loji dan peralatan serta RM19.47 bilion bagi kerja-kerja dalam pelaksanaan. Jumlah ini menunjukkan kemampanan kewangan RAC untuk kekal relevan dalam melestarikan industri perkeretapian negara.

PEMBANGUNAN TANAH KERETA API DAN PENINGKATAN INFRASTRUKTUR

RAC memiliki aset berjumlah RM17.199 bilion yang antaranya ialah tanah kereta api seluas 12,446 hektar bernilai kira-kira RM8.4 bilion serta bangunan, stesen, depoh, infrastruktur kereta api dan *rolling stock*. Pelaksanaan projek berkonsepkan *Transit Oriented Development* (TOD) merupakan konsep asas yang diterapkan oleh RAC dalam membangunkan tanah-tanah kereta api yang berpontensi dan terletak di lokasi

The higher spending was mainly attributable to tax payment of RM3.91 million and provision for diminution in value of doubtful debts totalling RM3.50 million. Besides that, the expenditure was also for maintenance works and clearing of sites totalling RM0.624 million. The asset management expenditure was carried out in line with the RAC's roles and functions as railway owner and property manager to ensure proper governance and maintenance of the railway land.

According to the RAC's Financial Statement year ended 31 December 2018, the Corporation's current assets exceeded its current liabilities with the current ratio of current assets and liabilities at 1.48 to 1.00. This was balanced by the RAC's fixed assets totalling RM37.33 billion which were largely property, plants and equipment as well as RM19.47 billion for works in progress. The figures reflected RAC's financial sustainability to remain relevant in ensuring a sustainable railway industry for the nation.

DEVELOPMENT OF RAILWAY LAND AND INFRASTRUCTURE IMPROVEMENT

The RAC owned assets totalling RM17.199 billion which included 12,446 hectares of railway land estimated at RM8.4 billion as well as buildings, stations, depots, rail infrastructures and rolling stock. The RAC continued to embrace the Transit Oriented Development (TOD) concept in the development of potential railway land at strategic locations. The TOD concept has clearly shown to have not only brought large benefits to the RAC but also to the surrounding areas.

Such development is not only in tandem with the Government's aspiration that current development projects provide linkages and are easily accessible to the public transportation network, with economic spillover benefits for the local community and to facilitate mobility for the people. In 2018, two (2) railway development projects were still in the

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
CHAIRMAN'S MESSAGE

yang strategik. Konsep TOD ini membawa kepada banyak manfaat bukan sahaja kepada RAC malah kepada kawasan sekitar. Ia selari dengan hasrat Kerajaan yang mahukan projek pembangunan yang mempunyai jaringan pelbagai pengangkutan dan saling berhubung kait serta memberi limpahan ekonomi atau *economic spill-over* dapat dirasai oleh masyarakat setempat melalui peningkatan nilai tanah, aktiviti ekonomi yang rancak serta memudahkan mobiliti penduduk. Pada 2018, terdapat dua (2) projek pembangunan tanah kereta api yang dalam fasa pembinaan iaitu Stesen Keretapi Kajang 2 di Kajang, Selangor dan Menara Pejabat RAC di Brickfields, Kuala Lumpur.

RAC juga berusaha meningkat dan menaik taraf infrastruktur di stesen-stesen kereta api sedia ada dengan melaksanakan inisiatif Park & Ride dan Park Way Drop Zone. Sehingga penghujung 2018, sebanyak 14 tapak Park & Ride dan tiga (3) tapak Park Way Drop Zone dibina. Kedua-dua inisiatif ini memberi faedah kepada pengguna perkhidmatan rel komuter, sekali gus mewujudkan the last-mile connectivity dengan perkhidmatan bas dan teksi bagi menggalakkan lebih ramai pengguna menaiki pengangkutan awam terutamanya sektor rel.

Melihat kepada pencapaian ini, saya yakin RAC kini berada di landasan yang tepat untuk menjadi peneraju dalam pengurusan aset dan infrastruktur kereta api negara. Saya optimis dengan sokongan dan keyakinan berterusan yang diberikan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia, jabatan dan agensi-agensi berkaitan, pihak-pihak berkepentingan serta pemain-pemain industri, RAC mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan baik serta memberi impak yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

construction stage namely Kajang 2 Railway Station in Kajang, Selangor and RAC's Office Tower in Brickfields, Kuala Lumpur.

The RAC continued to undertake efforts to improve and upgrade the infrastructure at existing railway stations through the Park & Ride and Park Way Drop Zone initiatives. As at end-2018, 14 Park & Ride and three (3) Park Way Drop Zone facilities had been constructed. Both initiatives added value to its services for rail commuter passengers, thus providing the last-mile connectivity to buses and taxis to encourage more people to use the public transportation system especially the railway services.

Looking back at these achievements, I am confident that the RAC is on the right track to be a leader in the management of national railway assets and infrastructure. I am also optimistic that with the continued support and confidence provided by the Ministry of Transport, relevant departments and agencies, stakeholders and industry players, the RAC will be able to discharge its duties and responsibilities efficiently as well as provide a significant impact on the nation's economic growth and prosperity for the people.

RAC memiliki aset berjumlah RM17.199 bilion yang antaranya ialah tanah kereta api seluas 12,446 hektar bernilai kira-kira RM8.4 bilion.

The RAC owned assets totalling RM17.199 billion which included 12,446 hectares of railway land estimated at RM8.4 billion.

PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH
CHAIRMAN'S MESSAGE

PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

Pada kesempatan ini, izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan Terima Kasih dan penghargaan kepada YBhg. Dato Adam Bin Sulong yang menamatkan perkhidmatannya sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC pada 16 November 2018. Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Puan Christina anak Dominic Cotter, yang merupakan antara ahli paling lama berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC. Turut mengundur diri sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC mulai 12 September 2018 ialah YBhg. Dato' Teh Kean Ming, yang banyak berkongsi kepakaran dan pengalaman beliau dalam bidang pembangunan hartanah kereta api. Terima kasih juga diucapkan kepada YBrs. Dr Kang Tong Hum yang menamatkan perkhidmatannya sebagai Pengurus Besar pada 8 Ogos 2018. Dalam pada itu, Selamat Datang dan Selamat Bertugas diucapkan kepada Encik Azhar Bin Ahmad yang dilantik sebagai Pengurus Besar RAC yang ke-10.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua rakan-rakan Lembaga Pengarah dan warga kerja RAC atas kegigihan dan kerjasama yang dicurahkan dalam memastikan visi dan misi Perbadanan ini dapat direalisasikan dengan sempurna.


Sekian, terima kasih.

APPRECIATION & THANK YOU

Allow me to express my gratitude and appreciation to YBhg. Dato Adam bin Sulong whose term as a Member of the RAC's Board of Directors ended on 16 November 2018. I would also like to extend my appreciation to Puan Christina Anak Dominic Cotter who is among the RAC's Board of Directors with the longest service. I wish to express my appreciation to YBhg. Dato' Teh Kean Ming who stepped down as Board Member on 12 September 2018. He has contributed enormously to the RAC by sharing his expertise and experience in the railway property development sector. I would also like to thank YBrs. Dr Kong Tong Hum whose term as General Manager ended on 8 August 2018. I am also pleased to welcome Encik Azhar Bin Ahmad who has been appointed RAC's 10th General Manager.

Last but not least to members of the Board of Directors and all staff of RAC, thank you for your hard work and cooperation that you have extended towards achieving the Corporation's vision and mission.

Thank you.



DATUK SERI HJ. SARIPUDDIN BIN HJ. KASIM
PENGERUSI
CHAIRMAN





AZHAR BIN AHMAD
PENGURUS BESAR
GENERAL MANAGER

KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC
GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS



Pada 2018, peningkatan prestasi kewangan RAC daripada segi pendapatan dan pemilikan harta jelas menunjukkan kemantapan daya tahan dan daya bersaingnya untuk terus kukuh dan relevan dalam industri pengangkutan rel di negara ini. Sepanjang tahun semasa itu, RAC berjaya mencatatkan prestasi kewangan tahunan yang baik terutamanya menerusi projek-projek pembangunan tanah selaras dengan moto Perbadanan ini iaitu **Mengungguli Pengurusan Aset Kereta Api Negara.**

Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, jumlah hasil yang diperoleh RAC adalah di tahap yang amat membanggakan. Pencapaian ini adalah hasil usaha gigih seluruh warga RAC dalam menjana pendapatan bagi Perbadanan ini. Jumlah peningkatan hasil sebanyak RM77,281,524.85 yang dicatat pada tahun semasa merupakan pendapatan RAC yang paling tinggi pernah dicatat dalam sejarah penubuhan Perbadanan ini sejak 1992 iaitu berjumlah RM123,166,024.85. Dua (2) *core business* yang menjadi nadi kehidupan RAC iaitu pengurusan dan pembangunan hartanah terus diperkasakan terutamanya melalui pembangunan tanah-tanah kereta api yang berpotensi dengan aktiviti ini menjanjikan pulangan yang lebih tinggi dan berterusan.

Prestasi perbelanjaan yang dicatatkan RAC juga jelas menunjukkan bahawa Perbadanan ini telah melaksanakan amalan penjimatan yang efisien dengan setiap perbelanjaan adalah hanya untuk perkara-perkara yang penting dan mengikut keperluan. Langkah ini penting kerana RAC tidak lagi menerima geran daripada Kerajaan untuk menggerakkan operasinya sejak 2015.

The RAC's improved financial performance in terms of income and property acquisition in 2018 clearly underscores the resilience and competitiveness of the Corporation to consolidate its position and to remain relevant in the national railway industry. Its better financial showing during the year under review was mainly attributable to the land development projects in line with the Corporation's motto ***Excellent In National Railway Assets Management.***

Based on the Auditor-General's Report on the RAC's Financial Statement for the year ended 31 December 2018, the RAC registered an impressive revenue growth buoyed by the relentless efforts of all the staff in generating income for the Corporation. The financial results indicate a revenue increase of RM77,281,524.85 compared to the same period in 2017, bringing in a total of RM123,166,024.85 for the current year, the highest achieved in the Corporation's history since its inception in 1992. Two (2) core businesses, namely Property management and property development, which are the lifeblood of the RAC, were further empowered mainly through the development of potential railway land, with this activity generating higher and sustainable returns for the Corporation.

The RAC's expenditure also showed that the statutory body had adopted prudent and efficient cost-saving practices with each spending driven by its importance and needs. This approach is vital as the RAC has not been receiving its grant from the Government to manage its operation since 2015.

KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC
GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ASET KERETA API

Bagi mendepani pelbagai cabaran untuk meletakkan RAC di landasan yang sebenar, pelbagai inisiatif ke arah mempelbagaikan aktiviti komersial dan pembangunan tanah telah dan sedang dirangka. Oleh yang demikian, Perbadanan ini sedang merancang untuk membangunkan Pelan Perniagaan RAC agar aset-aset kereta api yang berpotensi dan terletak di kawasan strategik dapat dikenal pasti seterusnya dikomersial dan dibangunkan. Walaupun baru menerajui Perbadanan ini, saya melihat aset-aset RAC sangat berpotensi untuk dikomersialkan. Apa yang penting sekarang adalah kaedah yang akan digunakan dalam mengurusniagakan aset-aset ini agar hasilnya kelak dapat memberikan nilai yang tinggi dan seterusnya memberi jaminan pendapatan yang berterusan kepada Perbadanan ini.

Pada tahun semasa, aktiviti tumpang lalu mencatatkan peningkatan yang baik manakala bagi pajakan, satu perjanjian bersama AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd berjaya dimuktamadkan. Sejak kebelakangan ini, RAC amat komited untuk membangunkan tanahtanah kereta api khususnya yang berada di kawasan hab pengangkutan dan hab komersial dengan menggunakan konsep pembangunan berasaskan transit *(Transit Oriented Development* - TOD*)*. Konsep itu, yang mula diterokai di Malaysia sejajar dengan pengoperasian KL Sentral pada 2001, membuktikan bahawa RAC serius dalam merealisasikan hasrat Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan, yang mahukan pelaksanaan projek pembangunan pada masa kini mempunyai jaringan pelbagai pengangkutan dan saling berhubung kait. Sehingga 2018, sebanyak empat (4) projek pembangunan tanah kereta api berjaya dimuktamadkan iaitu projek pembangunan KL Eco City, Kajang 2, Penang Sentral dan Brickfields.

MANAGEMENT AND DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS

To ensure the RAC is on the right track amid challenges, several initiatives toward diversifying the commercial and land development activities are on the drawing board. Towards this end, the Corporation is currently planning to develop the RAC Business Plan aimed at identifying potential railway assets at strategic locations as well as to earmark them for commercialisation and development. While new at the helm, I am of the view that the RAC's assets have great potential for commercialisation. What is important now is to ensure that these transactions are capable of generating higher returns and sustainable income for the Corporation.

During the current year, there was an increase in wayleave activities while as for leasing, an agreement had been reached between the RAC and AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd. Today, the RAC is very committed to developing railway land particularly those located at the transportation and commercial hubs based on the Transit Oriented Development (TOD) concept. The concept, which was first embraced and ventured in Malaysia in conjunction with the launch of KL Sentral in 2001, proves that the RAC is serious in realising the Government's aspiration through the Transport Ministry that current development projects provide linkages to the public transit system. As of 2018, four (4) railway development projects have been finalised, namely KL Eco City development project, Kajang 2, Penang Sentral and Brickfields.

KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC
GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS

Selain itu, inisiatif ke arah memperkasakan pengangkutan awam terus dilaksanakan melalui projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan kereta api yang melibatkan Park & Ride dan Parkway Drop Zone. Pada tahun semasa, projek Park & Ride di Stesen Kereta Api Klang telah memasuki fasa akhir pembinaannya manaka dua (2) projek di bawah inisiatif Parkway Drop Zone iaitu di Stesen Komuter Serdang dan Stesen Komuter Batu Tiga berjaya disiapkan.

At the same time, an initiative to empower the public transportation is being undertaken through infrastructure development projects and the provision of facilities for the rail sector such as Park & Ride and Parkway Drop Zone. During the year, the Park & Ride project at the Klang Railway Station had reached the final stage of construction while two (2) projects under the Parkway Drop Zone initiative, namely Serdang Commuter Station and Batu Tiga Commuter Station, had been completed.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN ICT

RAC juga komited dalam memastikan setiap pegawainya diberikan latihan dalam bidang tugas masing-masing agar kompetensi dan kemahiran dalam menjalankan tugas dapat dipertingkatkan lagi. Bagi tujuan peningkatan kerjaya, RAC memberi penekanan kepada aspek pembangunan kompetensi teras untuk setiap pegawainya yang merangkumi kepimpinan, pengurusan, teknikal dan insaniah. Pada tahun semasa, sebanyak 62 peratus latihan ditumpukan kepada kompetensi pengurusan manakala 28 peratus latihan melibatkan kompetensi teknikal. Pada tahun semasa, seramai tujuh (7) warga kerja RAC menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang berikutan prestasi dan pencapaian baik yang ditunjukkan mereka sepanjang tahun perkhidmatan.

Selain itu, sesi pengauditan terhadap *Railway Assets Intelligence System* (RAILS) telah disempurnakan oleh *Institute of Research Management and Innovation* (IRMI) dari Universiti Teknologi MARA. Sesi pengauditan ini bertujuan untuk mengenal pasti fungsi sistem RAILS yang digunakan adalah menepati skop kerja semasa pegawai di RAC. RAILS merupakan satu daripada inisiatif yang diperkenalkan melalui Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) RAC 2013-2017 bagi membolehkan pengurusan penyewaan aset RAC dibuat melalui dalam talian.

DEVELOPMENT OF HUMAN CAPITAL AND ICT

The Corporation is also committed to ensuring that every staff is given training in their respective areas of work so that their skills and competency can be enhanced. For the purpose of career advancement, the RAC gives emphasis to the aspect of core competency development for each personnel, involving leadership, management, technical and soft skill competency. During the current year, 62 percent of the training programmes focused on management competency while 28 percent was on technical competency. The year also saw seven (7) RAC staff receiving the Excellent Service Awards based on their performance and achievements.

Other than that, an audit session on the Railway Assets Intelligence System (RAILS), had been conducted by the Institute of Research Management and Innovation (IRMI) from Universiti Teknologi MARA. The programme was to ensure the RAILS was implemented in accordance with the scope of work of the RAC staff. RAILS is one of the initiatives introduced under the RAC's 2013-2017 Strategic Information Technology Plan (PSTM) to allow the Corporation's asset rental management to be made online.

KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC
GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS

LAWATAN DAN PROGRAM RASMI

Sepanjang 2018, pelbagai acara rasmi yang melibatkan program dan aktiviti lawatan telah diadakan. Antara program yang signifikan ialah Lawatan Kerja Rasmi Menteri Pengangkutan YB Tuan Loke Siew Fook ke RAC. Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan beberapa amanat penting dalam mencorakkan hala tuju RAC. Selain itu, RAC juga berasa bertuah kerana menerima kunjungan Pengerusi Lembaga Pengarah RAC yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan YBhg. Datuk Seri Hj Saripuddin Hj Kasim pada satu majlis amanat yang dianjurkan. Beberapa majlis yang melibatkan pemeteraian perjanjian juga dibuat dengan beberapa syarikat dan rakan strategik termasuk Universiti Kuala Lumpur dan AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd. Langkah ini bertujuan memperkukuhkan sinergi di antara RAC dan pihak terlibat agar kerjasama dapat dijalinkan demi satu matlamat.

Selain itu, perasmian Stesen Kereta Api Abdullah Hukum yang terletak di dalam kawasan pembangunan KL Eco City membuktikan bahawa RAC komited dan fokus terhadap hasrat Kerajaan untuk melaksanakan projek pembangunan berkonsepkan TOD. Pembangunan Stesen Kereta Api Abdullah Hukum merupakan projek TOD pertama RAC secara penswastaan yang melibatkan pembangunan di kawasan seluas 25 ekar.

Turut dilaksanakan adalah aktiviti turun padang yang merupakan pendekatan terbaik bagi memahami situasi sebenar yang berlaku di peringkat akar umbi. Menerusi pendekatan ini, RAC berpeluang untuk mengalami dan menilai sendiri impak perkhidmatan yang disampaikan sama ada berupaya menepati keperluan golongan sasaran. Selain menyertai aktiviti yang dianjurkan bersama dengan pihak Kementerian Pengangkutan, RAC turut menyertai program yang dianjurkan bersama dengan badan bukan kerajaan dan syarikat swasta.

OFFICIAL VISITS AND PROGRAMMES

Throughout 2018, several official visits and programmes were held. Of significance is the Official Working Visit by YB Tuan Loke Siew Fook, the Minister of Transport to the RAC when he announced several major initiatives that would shape the future of the Corporation. The RAC is also fortunate to have received a visit from the RAC Chairman who is also the Secretary General of the Ministry of Transport YBhg. Datuk Seri Hj Saripuddin Hj Kasim at a 'special message' event. The current year also witnessed the signing of agreements between the RAC and various companies as well as strategic partners including Universiti Kuala Lumpur and AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd. The objective was to reinforce the synergies between the RAC and the respective parties through collaboration for mutual benefit.

Other than that, the launch of the Abdullah Hukum Railway Station sited at the KL Eco City development area is also testament of RAC's commitment to realising the Government's aspiration that current development projects should be implemented based on the TOD concept.The Abdullah Hukum Railway Station is the RAC's first TOD project developed on a 25-acre land via privatisation.

The year under review also saw the RAC organising an outreach initiative or turun padang session to better understand the real situation on the ground. Through this programme, the RAC was able to gain first-hand experience and to seek feedback on its service delivery to ensure that it had fulfilled the needs of the target groups. In addition to events held jointly with the Ministry of Transport, the RAC was also involved in programmes organised in collaboration with non-government organisations and the private sector.

KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC
GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS

PENGHARGAAN KEPADA WARGA KERJA RAC

Jutaan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga kerja RAC atas segala keringat yang dicurahkan demi kesejahteraan dan kecemerlangan Perbadanan ini. Mereka merupakan tunggak utama dan tulang belakang di sebalik kejayaan yang dicapai RAC. Kejayaan RAC pada hari ini adalah hasil daripada pembangunan modal insan yang jitu serta semangat kerja berpasukan yang mantap yang ditunjukkan oleh semua tenaga kerja RAC yang lama dan berpengalaman mahupun kalangan warga kerja yang baharu. Cabaran yang mendepani RAC pada masa hadapan pastinya akan bertambah tetapi saya yakin, peranan dan tanggungjawab RAC sebagai agensi pelaksana dalam memajukan sektor rel negara ini akan dapat direalisasikan. Saya akui Perbadanan ini berdepan dengan pelbagai cabaran yang getir namun, dengan sokongan dan kerjasama daripada barisan Lembaga Pengarah RAC, Kementerian Pengangkutan Malaysia, jabatan dan agensi-agensi yang selama ini berhubung rapat dengan RAC, cabaran ini akan dapat diharungi bersama-sama. Apa yang penting adalah keyakinan, usaha dan komitmen yang berterusan daripada warga kerja RAC bagi mencapai visi dan misi yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

MENGUNGGULI PENGURUSAN ASET KERETA API NEGARA

APPRECIATION FOR RAC EMPLOYEES

A million thanks over to all the staff for their untiring efforts in building a more prosperous future and achieving excellence for the RAC. They are the key pillars and the backbone for the Corporation. The success achieved by the RAC today is a result of a strong and dedicated workforce ranging from long-serving to new employees, who have demonstrated effective teamwork. There will be various challenges that lie ahead for the RAC, but I am confident that the Corporation's role and responsibility as an implementing agency for the development of the national railway industry can be realised. I am mindful of the tough environment faced by the RAC, but with the support and cooperation provided by the RAC's Board of Directors, the Ministry of Transport, departments and agencies which have been working closely with the Corporation all these years, it will be able to deal with these challenges that arise proactively. What is important is the confidence, continuous efforts and commitment of the RAC staff to achieve its vision and mission.

Thank you.

EXCELLENT IN NATIONAL RAILWAY ASSETS MANAGEMENT




AZHAR BIN AHMAD
PENGURUS BESAR
GENERAL MANAGER





SEKSYEN 1 :
PROFIL KORPORAT
SECTION 1 : CORPORATE PROFILE



DENOTASI LOGO RAC
RAC'S LOGO DENOTATION

WARNA BIRU
Melambangkan sikap dinamik, profesional, kestabilan dan kepercayaan warga kerja RAC

BLUE
Symbolising the dynamism, professionalism, stability and trustworthiness of RAC staff

WARNA OREN
Melambangkan sikap warga kerja RAC yang tegas, proaktif dan gigih semasa menjalankan tugas.

ORANGE
Symbolising the firm, proactive and hardworking attitude of RAC staff in discharging their duties



AKRONIM RAC
Melambangkan prinsip RAC yang sentiasa ingin maju, efisien dan proaktif dalam melaksanakan fungsinya sebagai *caretaker* kepada aset dan infrastruktur kereta api di negara ini

RAC ACRONYM
Symbolising RAC's principles of always being progressive, efficient and proactive in performing its functions as the caretaker of the railway assets and infrastructure in the country

FON
Reka bentuk fon Italic yang mengikut hala tuju kereta api direka secara ringkas dengan dua jalur melambangkan dua perniagaan teras RAC iaitu pengurusan dan pembangunan aset serta infrastruktur kereta api

FONT
The italic font following the direction of the train was designed simply using two lines that symbolise RAC's two core businesses, namely management and development of railway assets and infrastructure

PENUBUHAN RAC
RAC'S ESTABLISHMENT

Perbadanan Aset Keretapi (yang dahulu dikenali dengan akronim PAK) atau RAC merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. Ia ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) melalui Warta Kerajaan P.U (B) 401/1992 bertarikh 1 Ogos 1992. Perbadanan ini mula beroperasi secara rasminya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992 serentak dengan pengkorporatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) menjadi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Penubuhan RAC sebagai agensi Kerajaan bertujuan membantu industri kereta api di Malaysia berkembang maju dan berdaya saing serta setanding dengan industri kereta api di negara-negara maju. Hasrat ini dilaksanakan melalui penggubalan Akta Keretapi 1991 dan pemansuhan Ordinan Keretapi 1948.

Melalui penggubalan akta tersebut, segala aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletakhak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu KTMB.

Selain bertindak sebagai pengurus dan pentadbir bagi aset-aset kereta api, RAC turut mengambil alih semua liabiliti yang ditanggung oleh pentadbir KTM bagi membolehkan syarikat pengganti beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang. Ini bermakna, RAC berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan untuk menjaga dan menterjemahkan aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan kepada Kerajaan. Keputusan Kerajaan untuk mengkorporatkan KTM menjadi KTMB adalah bagi mengurangkan kebergantungan sepenuhnya industri kereta api negara terhadap Kerajaan.

The Railway Assets Corporation (formerly known by the acronym PAK) or the RAC is a federal statutory body under the Ministry of Transport. It was established under the Railways Act 1991 (Act 463) through the Government Gazette PU (B) 401/1992 on 1 August 1992. The Corporation became fully operational as an organisation on 1 August 1992, the same time the Malayan Railway Administration (KTM) was corporatised as Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). In other words, the RAC was established as a Government agency to help develop the railway industry in Malaysia to be at par with developed nations. This aspiration was realised with the formulation of the Railways Act 1991 and the revocation of the Railways Ordinance 1948.

Through the enforcement of the Act, KTM was dissolved, and all its property and assets, as well as railway land under the Federal Land Commissioner (PTP) were vested in the RAC, while the railway service operations were taken over by the successor company, KTMB.

Apart from being the manager and administrator of railway assets, the RAC also took over all KTM's assets and liabilities to enable KTMB to operate without having to carry the burden of past debts. This means that the RAC now functions as the caretaker and business planner to govern and interpret railway assets into valuable property capable of generating continuous income for the Government. The decision to corporatise KTM as KTMB was made to reduce the national railway industry's dependency on the Government.

PENUBUHAN RAC
RAC'S ESTABLISHMENT

Bagi menonjolkan keterampilan RAC, imej dan wajah baharu Perbadanan ini dilaksanakan semasa Program Bulan Transformasi PAK pada 2015. Pelaksanaan jenama baharu itu bertujuan menampilkan imej korporat dan sifat global RAC agar ia bersesuaian dengan fungsi dan peranan Perbadanan ini yang semakin mencabar terutamanya dalam aspek memperkasakan sektor rel di Malaysia.

Selaras dengan itu, RAC melakukan penjenamaan semula dengan mewujudkan logo, nama panggilan dan warna korporat baharu bagi menyesuaikan Perbadanan ini dengan peranannya. Kesemua identiti korporat ini mula digunakan secara rasminya pada 19 November 2015.

In 2015, the Corporation embarked on a rebranding exercise with a new look and image under the RAC Transformation Month Programme 2015. The initiative reflected the corporate image and global nature of the RAC to suit its functions and ever-challenging roles, particularly in terms of empowering the railway sector in the country.

In this regard, the Corporation had created a new logo, acronym and corporate colours to match its roles and functions. The new identity of the Corporation was officially put into use on 19 November 2015.

Ordinan Keretapi 1948 Dimansuhkan
Revocation of Railway Ordinance 1948

Perbadanan Aset Keretapi ditubuhkan (1 Ogos 1992)
Establishment of Railway Assets Corporation (1 August 1992)



TEAM

Penggubalan Akta Keretapi 1991
Formulation of Railways Act 1991

Penjenamaan semula PAK Kepada RAC (19 November 2015)
Rebranding of PAK as RAC (19 November 2015)

PENGGUBALAN AKTA KERETAPI 1991

- Semua harta kereta api di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api di bawah PTP terletak hak kepada RAC
- Operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti
- Semua liabiliti yang ditanggung oleh KTM diambil alih RAC bagi syarikat pengganti beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang

FORMULATION OF RAILWAYS ACT 1991

- *All property and rights of KTM and railway land held by the Federal Land Commissioner (PTP) are vested in RAC*
- *Railway service operations are taken over by the successor company*
- *All KTM's liabilities are taken over by RAC to enable the former to operate without having to carry the burden of past debts*

Rajah 1: Kronologi penubuhan RAC
Diagram 1: Chronology of RAC's establishment

PENUBUHAN RAC
RAC'S ESTABLISHMENT

Tugas dan tanggungjawab RAC adalah seperti berikut:

RAC's duties and responsibilities are as follows:

Meletakkan pengurusan aset, hak dan liabliti Pentadbiran KTM sebelum 1 Ogos 1992 kepada RAC supaya syarikat pengganti (iaitu KTMB) bebas daripada tanggungan hutang dan kos-kos bukan operasi yang membebankan.

To manage all assets, rights and liabilities of KTM Administration before 1 August 1992 so that the new company KTMB, is free from the burdening past debts and non-operational costs.

Membiayai pembangunan infrastruktur kereta api yang telah dipertanggungjawabkan melalui sumber-sumber yang diperolehi daripada aktiviti penyewaan, pajakan dan peruntukan Kerajaan.

To finance the development of railway infrastructure using sources gathered from various activities such as rental and lease as well as government allocation.

Melaksanakan tanggungjawab memaju dan memajukan semula infrastruktur kereta api supaya syarikat pengganti iaitu KTMB dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada operasi dan perkhidmatan kereta api di negara ini.

To carry out its responsibility of developing and redeveloping railway infrastructure so that KTMB will be able to focus on its operation and provide excellent railway service in the country.

Rajah 2: Tugas dan tanggungjawab RAC
Diagram 2: RAC's duties and responsibilities



PUNCA KUASA RAC
RAC'S JURISDICTIONS

Punca kuasa RAC seperti yang termaktub dalam Akta Keretapi 1991 (Akta 463) adalah seperti berikut :

i. Memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih [Seksyen 89 (1)]
ii. Penubuhan, Keanggotaan, Fungsi [Seksyen 89(2) dan 89(8)]
iii. Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif [Seksyen 90(1)]
iv. Peletakhakkan harta daripada Pentadbiran KTM kepada Perbadanan ini [Seksyen 92(2)]
v. Peletakhakkan harta daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada Perbadanan ini [Seksyen 93]
vi. Segala liabiliti yang dikuatkuasakan terhadap Perbadanan ini atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) (Seksyen 95)
vii. Pelantikan kakitangan [Seksyen 96(1)]
viii. Penubuhan Kumpulan Wang RAC [Seksyen 98(1) – 98 (4)]
ix. Mengurusniagakan harta tak alih (Seksyen 103)

RAC's jurisdictions stipulated under the Railways Act 1991 (Act 463) are as follows:

i. Acquire and enjoy movable and immovable property [Section 89 (1)]
ii. Establishment, Membership and Functions [Section 89(2) and 89(8)]
iii. Appointment of Chief Executive Officer [Section 90(1)]
iv. Vesting of KTM property in the RAC [Section 92(2)]
v. Vesting of property acquired by Federal Land Commissioner in the RAC [Section 93]
vi. Liabilities enforceable against the RAC or Federal Land Commissioner (Section 95)
vii. Appointment of staff [Section 96(1)]
viii. Establishment of RAC Fund [Section 98(1) – 98 (4)]
ix. Deal with any immovable property (Section 103)

BIDANG TUGAS RAC MENGIKUT AKTA KERETAPI 1991 (AKTA 463)

PENUBUHAN, KEANGGOTAAN DAN FUNGSI PERBADANAN ASET KERETAPI:

SEKSYEN 89 (8)

a) Untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggarakan:-
   i. Segala harta dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 92 adalah terletak pada Perbadanan;

FUNCTIONS OF RAC ACCORDING TO RAILWAYS ACT 1991 (ACT 463)

ESTABLISHMENT, MEMBERSHIP AND FUNCTIONS OF RAILWAY ASSETS CORPORATION:

SECTION 89 (8)

a) To manage, administer and maintain:-
   i. All property and rights of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance which by virtue of Section 92 are vested in the Corporation;

ii. Segala harta yang terletakhak pada, atau diperoleh oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 93 adalah terletakhak pada Perbadanan dan untuk mengurus

dan mentadbir segala liabiliti berkenaan dengannya;

b) Untuk mengusahakan projek-projek bagi pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan kereta api; dan

c) Untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

PEMBUBARAN PENTADBIRAN KERETAPI TANAH MELAYU DAN PELETAKHAKAN HARTANYA PADA PERBADANAN:

SEKSYEN 92:

1) Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang wujud di bawah Ordinan termansuh adalah dibubarkan;

2) Segala harta, hak dan liabiliti Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, terletakhak pada Perbadanan tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan dan segala sebutan mengenai "Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu", "Keretapi Tanah Melayu", atau "Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu" berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hak milik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

ii. All property vested in, held or acquired by the Federal Land Commissioner under the repealed Ordinance which by virtue of Section 93 are vested in the Corporation, and to manage

and administer all liabilities in respect thereof;

b) To promote and undertake projects for the development or redevelopment of any railway infrastructure or facilities; and

c) To carry out and perform such other functions as may be prescribed by the Minister under this Act.

DISSOLUTION OF MALAYAN RAILWAY ADMINISTRATION AND VESTING OF ITS PROPERTY IN THE CORPORATION:

SECTION 92:

1) The Malayan Railway Administration in existence under the repealed Ordinance is dissolved;

2) All property, rights and liabilities of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance shall, upon commencement of this Act, vest in the Corporation without any conveyance, assignment or transfer whatsoever and all references to "Malayan Railway Administration", "Malayan Railway" or "General Manager, Malayan Railway" in relation to such property and any instrument, deed, title, document or written law shall be construed as if all such references were references to the "Railway Assets Corporation".

PUNCA KUASA RAC
RAC'S JURISDICTIONS

PELETAKHAKAN HARTA PADA PERBADANAN

SEKSYEN 93

Segala harta yang terletakhak pada, dipegang atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh hendaklah terletakhak pada Perbadanan di bawah Akta ini tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan bagi hakmilik, estet, atau kepentingan yang serupa dan selama pemegangan serupa sebagaimana ia telah terletakhak atau dipegang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan segala sebutan mengenai "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

VESTING OF PROPERTY IN THE CORPORATION

SECTION 93

All property vested in, held or acquired by the Federal Land Commissioner under the repealed Ordinance shall vest in the Corporation under the Act without any conveyance, assignment or transfer whatsoever for the like title, estate, or interest and on the like tenure as the same was vested or held immediately before the commencement of this Act and all references to the "Federal Land Commissioner" in relation to such property in any instrument, deed, title, document or written law shall be construed as if all such references were references to the "Railway Assets Corporation".

PERBADANAN BOLEH MELUPUSKAN HARTA TAK ALIH YANG TERLETAK HAK PADANYA

SEKSYEN 103

Perbadanan boleh menjual, memindahhakkan, memindahkan, memajakkan, menyerahhakkan, menyerah balik dan memulangkan, menggadai janji, menggadaikan, memindahhakkan semula, menyerahhakkan semula atau seliaannya mengurusniagakan mana-mana harta tak alih yang disebut dalam Seksyen 93 atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

THE CORPORATION MAY DISPOSE OF IMMOVABLE PROPERTY VESTED IN IT

SECTION 103

The Corporation may sell, convey, transfer, lease, assign, surrender and yield up, mortgage, charge, reconvey, reassign, or otherwise deal with any immovable property referred to in Section 93 upon such terms and condtions as the Minister deems fit.

PIAGAM PELANGGAN
CLIENT'S CHARTER

Dalam memenuhi keperluan sektor kereta api di Malaysia, RAC sentiasa peka dengan semua perkembangan berkaitan dan berusaha membantu Kerajaan membangunkan infrastruktur kereta api negara. Selaras dengan tujuan ini, RAC memastikan:

RAC is always concerned over the needs and requirements of the railway sector and will strive to help the Government to develop railway infrastructure in the country. For this purpose, the RAC will ensure that:



PEROLEHAN DAN PELUPUSAN ASET
ACQUISITION AND DISPOSAL OF A ASSETS

Perolehan dan pelupusan aset-aset infrastruktur kereta api melalui tender dan sebut harga diproses dalam 180 hari.

Acquisition and disposal of railway infrastructure assets through tenders and quotations will be processed within 180 days.

PENYEWAAN DAN TUMPANG LALU
RENTAL AND WAYLEAVE

Permohonan sewaan tanah kereta api dan tumpang lalu akan diproses dalam tempoh 60 hari.

Application for rental of railway land and wayleave will be processed within 60 days.

PEMBANGUNAN
DEVELOPMENT

Perolehan dan pelupusan aset-aset infrastruktur kereta api melalui tender dan sebut harga diproses dalam 180 hari.

Application for development on railway land will be processed within 180 days.


PAJAKAN
LEASE

Permohonan pajakan tanah kereta api diproses dalam tempoh 90 hari.

Application for lease of railway land will be processed within 90 days.


Rajah 3: Piagam Pelanggan
Diagram 3:Client's Charter

JENIS-JENIS ASET KERETA API
TYPES OF RAILWAY ASSETS



Rajah 4: Jenis-jenis aset kereta api
Diagram 4: Types of railway assets

KATEGORI TANAH KERETA API
CATEGORIES OF RAILWAY LAND



TANAH OPERASI
OPERATION LAND

Tanah kereta api yang terlibat sepenuhnya dengan operasi kereta api seperti landasan.
Jumlah keluasan:
26,532.41 ekar

Land totally involved in railway operations such as the railway tracks.
Total size:
26,532.41 acres

TANAH SURPLUS
SURPLUS LAND

Tanah yang bercantum dengan kawasan operasi kereta api seperti di kawasan stesen dan sekitar
Jumlah keluasan:
2,791.16 ekar

Land attached to railway operational areas, such as the stations and surrounding areas.
Total size:
2,791.16 acres

TANAH POKET
POCKET LAND

Tanah kereta api yang terpisah daripada operasi kereta api. Pernah digunakan sebagai tapak kuarters atau kawasan kuari / yad.
Jumlah keluasan:
1,431.84 ekar

Land separated from railway operations. Once used as quarters sites or as quarry/ yard.
Total size:
1,431.84 acres

Carta 1: Peratusan keluasan mengikut kategori tanah kereta api
Chart 1: Percentage of area by railway land category





SEKSYEN 2 :
PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT
SECTION 2 : CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT



KEANGGOTAAN LEMBAGA PENGARAH RAC
RAC BOARD OF DIRECTORS' MEMBERSHIP

KOMPOSISI

Akta Keretapi 1991 di bawah tajuk Penubuhan, Keanggotaan dan Fungsi Perbadanan Aset Keretapi antara lain menetapkan:

a) Pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah RAC adalah selaras dengan Seksyen 89(2) Akta Keretapi 1991 (Akta 463) yang mana ia perlu dilantik oleh Menteri Pengangkutan mengikut kapasiti seperti berikut:

COMPOSITION

The Railways Act 1991 under the subtopic of Establishment, Membership and Functions of the Railway Assets Corporation, among others provides for:

a) The appointment of members of RAC's Board of Directors shall be done by the Minister of Transport in accordance with Section 89(2) of the Railways Act 1991 (Act 463) and shall consist of:



- Seorang wakil Kementerian Pengangkutan;
- Seorang wakil Perbendaharaan;
- Seorang wakil Unit Perancang Ekonomi;
- Pesuruhjaya Tanah Persekutuan;
- Pengurusan Besar Perbadanan Aset Keretapi hendaklah menjadi anggota *ex-office*; dan
- Tidak lebih daripada dua orang anggota lain.

- *a representative of Ministry of Transport;*
- *a representative of Treasury;*
- *a representative of Economic Planning Unit;*
- *Federal Land Commissioner;*
- *General Manager of RAC who shall be an ex-officio member; and*
- *not more than two other members.*

Rajah 5: Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah RAC
Diagram 5: Membership of RAC's Board of Directors

b) Menteri hendaklah melantik seorang dari kalangan anggota Perbadanan untuk menjadi Pengerusi;

c) Pengerusi dan empat anggota lain hendaklah membentuk korum dalam sesuatu mesyuarat Perbadanan.

b) Minister must appoint one of the members to become the Chairman of the Board;

c) Chairman and four other members shall form the quorum at any Board meeting.

BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC
MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS



PENGERUSI
CHAIRMAN


YBHG. DATUK SERI HJ SARIPUDDIN BIN HJ KASIM

Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan
Secretary General, Ministry of Transport
15 Januari 2016 – 14 Januari 2019
15 January 2016 – 14 January 2019

Dilahirkan pada 9 November 1959, beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan Korporat) daripada University of Hartford, Connecticut, Amerika Syarikat. Sepanjang perkhidmatannya, beliau diberi kepercayaan menerajui beberapa agensi penting termasuk Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang , Jabatan Pedana Menteri, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta Kementerian Sumber Manusia sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Pengangkutan. Di atas jasa baik dan bakti yang dicurah dalam perkhidmatan, beliau dianugerahkan Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) pada 2009, Darjah Setia Diraja Kedah pada 2014 dan Darjah Seri Mahkota Wilayah pada 2015. Beliau juga dikalungkan sebagai Felo Kehormat daripada Ikhtisas Kelautan Malaysia pada 2018.

Born on 9 November 1959, he holds a Master's degree in Business Administration (Corporate Finance) from University of Hartford, Connecticut, the United States of America. Throughout his service, he has been entrusted to helm the Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism as well as the Ministry of Human Resources prior to his appointment as Secretary General of the Ministry of Transport. In recognition of his dedicated service, he was awarded the Darjah Dato' Panglima Sirajuddin Jamalullail (DPSJ) in 2009, Darjah Setia Diraja Kedah in 2014 and Darjah Seri Mahkota Wilayah in 2015. Other awards he received include Honorary Fellow of Malaysia's Maritime Professionals in 2018.

BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC
MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS



AHLI
MEMBER

YBHG. DATO' SRI DR SALEHUDDIN BIN ISHAK

Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
Director General Federal Land And Mines
Ministry of Natural Resources and Environment
14 Disember 2015 – 7 Januari 2019
14 December 2015 – 7 January 2019

Dilahirkan pada 28 April 1962, anak jati kelahiran Raub, Pahang ini berkelulusan Doktor Falsafah (Ph.D) dari Universiti Glasgow, Scotland. Memulakan perkhidmatan pada 1989, beliau telah berkhidmat di pelbagai agensi dan kementerian termasuk Pejabat Tanah dan Galian Pahang, Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Atas jasa dan budi yang dicurahkan sepanjang perkhidmatan, beliau dianugerahkan darjah kebesaran Sri Sultan Ahmad Shah Pahang, Sri Indera Mahkota Pahang dan Darjah Indera Mahkota Pahang.

Born on 28 April 1962 in Raub, Pahang, he holds a Doctorate of Philosophy (Ph.D) from Glasgow University, Scotland. Since joining the civil service in 1989, he has served various agencies and ministries, including Pahang Land and Mines Office, Temerloh District and Land Office as well as the Ministry of Natural Resources and Environment. In appreciation of his dedicated service, he was conferred the Sri Sultan Ahmad Shah Pahang, Sri Indera Mahkota Pahang and Darjah Indera Mahkota Pahang awards.

BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC
MEMBERS OF RAC'S BOARD OF DIRECTORS



AHLI
MEMBER

YBHG. DATO'
ADAM BIN SULONG

Pengarah, Seksyen Bajet Pembangunan
Unit Perancang Ekonomi,
Jabatan Perdana Menteri
Director, Development Budget Section
Economic Planning Unit,
Prime Minister's Department
17 November 2017 – 16 November 2018
17 November 2017 – 16 November 2018

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), Universiti Malaya ini memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1984 di Kementerian Kewangan. Dilahirkan pada 2 September 1959, anak jati Setiu, Terengganu ini pernah dilantik sebagai Timbalan Pengarah, Urusetia Majlis Ekonomi (EC), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Pengarah, Seksyen Bajet Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau kini menyandang jawatan Pengarah, Bahagian Bajet Pembangunan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi mulai 12 Disember 2011. Selain RAC, beliau pernah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di beberapa agensi Kerajaan termasuk TEKUN Nasional, Lembaga Kemajuan Terengganu dan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT).

A Bachelor of Economics (Honours) graduate from Universiti Malaya, he started his career in the civil service as Administrative and Diplomatic Officer in 1984 at the Ministry of Finance. Born on 2 September 1959 in Setiu, Terengganu, he has held the posts of Deputy Director, Economic Council (EC), Economic Planning Unit (EPU), Prime Minister's Department and Deputy Director, Development Budget Section of EPU. He is currently Director of the Development Budget Section at the Ministry of Economic Affairs, a position which he held since 12 December 2011. Prior to joining RAC, he has served on the Boards of Directors at several Government Agencies including the National Entrepreneur Group Economic Fund (Tekun Nasional), the Terengganu Development Board and the Terengganu State Economic Development Corporation (PMINT).

BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC
MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS



AHLI
MEMBER

YBRS. PUAN
CHRISTINA ANAK DOMINIC COTTER

Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun,
Kementerian Kewangan
Principal Assistant Secretary Statutory Body
Strategic Management Division, Ministry of Finance
12 Disember 2014 – 11 Disember 2018
12 December 2014 – 11 December 2018

Anak kelahiran Sarawak ini merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti Teknologi MARA dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Universiti Tenaga Nasional. Dilahirkan pada 1975, beliau menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 2006. Peminat sukan lasak ini terutamanya aktiviti menyelam juga pernah berkhidmat di beberapa kementerian dan jabatan antaranya Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Born in Sarawak in 1975, she holds a Bachelor of Accountancy from Universiti Teknologi MARA and Master's degree in Business Administration from Universiti Tenaga Nasional. She started her career in the civil service as Administrative and Diplomatic Officer in 2006. An extreme sports enthusiast especially in diving activities, she has served in several ministries and departments including the Treasury, the Ministry of Foreign Affairs, the Ministry of Women, Family and Community Development as well as the Department of Social Welfare.

BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC
MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS



PENGURUS BESAR
GENERAL MANAGER
YBRS. ENCIK
AZHAR BIN AHMAD
Pengurus Besar, Perbadanan Aset Keretapi
General Manager, Railway Assets Corporation
8 Ogos 2018 – kini
8 August 2018 – present

Beliau dilantik sebagai Pengurus Besar RAC bagi menggantikan YBrs. Dr Kang Tong Hum yang menamatkan perkhidmatannya di RAC pada 31 Julai 2018. Pemegang LL.B (Hons) daripada London ini memulakan kerjayanya di Malaysia Industrial Development Finance Group dan Kumpulan Guthrie Berhad dalam bidang perundangan. Anak jati Georgetown, Pulau Pinang ini kemudian mengembangkan kerjaya di beberapa syarikat terkemuka termasuk MMC Corporation Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad sebelum dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif di Rapid Penang Sdn Bhd pada 2007 dan Ketua Pegawai Operasi di Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat mulai 2011. Berikutan pengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk pengangkutan, logistik, perbankan dan hartanah, beliau dilantik menerajui Kumpulan Pos Malaysia Berhad sebagai Ketua Kumpulan Pegawai Operasi mulai Januari 2014 sehingga Januari 2017.

He was appointed as RAC General Manager to succeed Ybrs. Dr Kang Tong Hum whose term with RAC had ended on 31 July 2018. The LL.B (Hons) holder from London started his career at Malaysia Industrial Development Finance Group and Kumpulan Guthrie Berhad in the legal field. Born in Georgetown, Pulau Pinang, he then advanced his career in several well-known companies including MMC Corporation Berhad and Bank Muamalat Malaysia Berhad prior to his appointment as Chief Executive Officer of Rapid Penang Sdn Bhd in 2007 and Chief Operating Officer of the Land Public Transport Commission in 2011. Given his extensive experience in various fields including transportation, logistics, banking and property, he was appointed to helm Pos Malaysia Berhad as Group Chief Operating Officer from January 2014 till January 2017.

BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC
MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS



AHLI
MEMBER

YBHG. TAN SRI
KHALID BIN RAMLI

17 November 2017 – 16 November 2018
17 November 2017 – 16 November 2018

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya dan Ijazah Sarjana dari University of Southern California dan Oxford University, anak kelahiran Kelantan ini menyertai perkhidmatan awam dengan berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1972. Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Bersama Lembaga Pengarah Petroleum Malaysia/ Thailand dan Ahli Lembaga Pengarah di beberapa agensi dan badan berkaitan Kerajaan termasuk Petronas, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang disandangnya mulai 2011. Kewibawaan beliau semasa menerajui LADA terserlah apabila dikenali sebagai penggerak dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Pelancongan Langkawi, yang bermatlamat menjadikan pulau legenda itu sebagai antara 10 destinasi pulau pelancongan terbaik di dunia.

Born in Kelantan, he holds a bachelor's degree from University of Malaya and master's degrees from University of Southern California and Oxford University. Since joining the civil service as an Administrative and Diplomatic Officer in 1972, he has served as State Secretary to Penang State Government, Director General of the Implementation Coordination Unit, Prime Minister's Department and Chairman/Chief Executive Officer of the Malaysian Communications and Multimedia Commission. Previously, he was Joint Chairman of Malaysia/ Thailand Petroleum Authority and has served on the boards of several agencies and government linked corporations including Petronas, Penang Port Commission and Universiti Sains Malaysia. His last post was as Chief Executive Officer of the Langkawi Development Authority (LADA), a post he held since 2011. He displayed his leadership prowess since helming LADA and was known for spearheading the implementation of the Langkawi Tourism Blueprint which was developed with the objective of transforming the legendary island into one of the world's top 10 tourist destinations.

BARISAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC
MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS



AHLI
MEMBER
YBHG. DATO'
TEH KEAN MING
13 September 2016 – 12 September 2018
13 September 2016 – 12 September 2018


Beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan JKG Land Bhd pada 1 Julai 2015. Graduan daripada University of New South Wales, Australia ini pernah dilantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan IJM mulai 1 April 2001 hingga 31 Disember 2004 dan Pengarah Urusan IJM Properties Sdn Bhd dari 1 Januari 2005 hingga 10 Jun 2009. Beliau menyertai Lembaga Pengarah IJM sebagai Pengarah Gantian pada 1 September 2005 dan merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan IJM dari 1 Julai 2008 hingga 31 Disember 2010. Beliau kemudian dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan IJM mulai 1 Januari 2011. Sebelum itu, beliau pernah menyandang jawatan pengarah di beberapa syarikat lain termasuk Scomi Group Berhad, ERMS Berhad dan Road Builder (M) Holdings Berhad.

He was appointed as JKG Land Bhd Managing Director on 1 July 2015. A graduate from University of New South Wales, Australia, he has held the post of General Manager of IJM Group from 1 April 2001 to 31 December 2004 and Managing Director of IJM Properties Sdn Bhd from 1 January 2005 to 10 June 2009. He joined the IJM Board of Directors as the Alternate Director on 1 September 2005 and served as Deputy Chief Executive Officer & Deputy Managing Director of IJM from 1 July 2008 to 31 December 2010. He was subsequently appointed as the Chief Executive Officer & Managing Director of IJM from 1 January 2011. Prior to that, he has served as director of several companies including Scomi Group Berhad, ERMS Berhad and Road Builder (M) Holdings Berhad.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH RAC
MEETINGS OF RAC BOARD OF DIRECTORS

Sepanjang 2018, Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC telah bersidang sebanyak tujuh (7) kali iaitu pada:

Throughout 2018, the RAC Board of Directors had convened seven (7) meetings with details as follows:



Rajah 6: Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC
Diagram 6: Number of RAC's Board Meetings

CARTA ORGANISASI RAC 2018
RAC ORGANISATION CHART 2018



Rajah 7: Carta organisasi RAC secara pentadbiran
Diagram 7: RAC administrative organisational chart

WARGA KERJA RAC
RAC STAFF LINE-UP



PEJABAT PENGURUS BESAR
GENERAL MANAGER'S OFFICE

1 **Azhar bin Ahmad**
Pengurus Besar
General Manager
JUSA C

UNIT HAL EHWAL KORPORAT
CORPORATE AFFAIRS UNIT

2 **Ane Salfarizan binti Mispani**
Pegawai Perhubungan Awam
Public Relations Officer
S44

UNIT UNDANG-UNDANG
LEGAL UNIT

3 **Mohd Faiz bin Mat Zin**
Pegawai Undang-Undang
Legal Officer
L41/44

UNIT PERANCANGAN STRATEGIK
STRATEGIC PLANNING UNIT

4 **Mohd Ridzuan bin Rosman**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41



WARGA KERJA RAC
RAC STAFF LINE-UP



BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH
PROPERTY DEVELOPMENT DIVISION

5 **Mohd Faizal bin Jantan**
Jurutera Kanan
Senior Engineer
44 (T)



UNIT PENGURUSAN PROJEK
PROJECT MANAGEMENT UNIT

6 **Nurain binti A Razak**
Jurutera (Awam)
Engineer (Civil)
J41

7 **Hafizuddin bin Othman**
Jurutera (Elektrikal)
Engineer (Electrical)
J41

UNIT KONTRAK & UKUR BAHAN
CONTRACT & QUANTITY SURVEYING UNIT

8 **Azlina binti Basri**
Juruukur Bahan
Quantity Surveyor
J41

WARGA KERJA RAC
RAC STAFF LINE-UP



BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
PROPERTY MANAGEMENT DIVISION

9 **Kasim bin Muhamad**
Pengurus Kanan Hartanah
Senior Property Manager
52 (T)



UNIT PENGURUSAN HARTANAH
LAND MANAGEMENT UNIT

10 **Mohd Ghazali bin Aman**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N44

11 **Mohamad Firdaus bin Kamaruzzaman**
Juruukur Tanah
Surveyor
J41

12 **Mohd Fakhrulrazi bin Shamsudin**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41

UNIT PENGURUSAN HARTANAH
FACILITY MANAGEMENT UNIT

13 **Norizam binti Abd Kadir**
Jurutera
Engineer
44



14 **Nurussalehin bin Ibrahim**
Akauntan
Accountant
W41/44

15 **Mohd Khairi bin Mohd Taib**
Jurutera (Mekanikal)
Engineer (Mechanical)
J41



16 **Abdul Wafiy Hadana bin Abd Hadi**
Jurutera (Awam)
Engineer (Civil)
J41

WARGA KERJA RAC
RAC STAFF LINE-UP



UNIT PERANCANGAN PEMBANGUNAN HARTANAH
LAND DEVELOPMENT PLANNING UNIT

17 **Tan Lai Kum**
Arkitek Landskap
Landscape Architect
J41/44

18 **Nazarisah binti Md Resat**
Pegawai Perancang Bandar
Urban Planning Officer
J41

19 **Mohamad Azizi bin Ahmad Adzhar**
Arkitek
Architect
J41

20 **Mohd Faizal bin Ahmad Helme**
Juru Geospatial
Geospatialist
J41

WARGA KERJA RAC
RAC STAFF LINE-UP



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
MANAGEMENT SERVICES DIVISION



21 **Noraliah binti Nawawi**
Pengurus Pentadbiran & Kewangan
Administration & Finance Manager
48 (T)

UNIT SUMBER MANUSIA
HUMAN RESOURCE UNIT

22 **Shela binti Saari**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N44

UNIT PENTADBIRAN
ADMINISTRATION UNIT

23 **Nabilah binti Zainuddin Nazri**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41

UNIT PEROLEHAN
PROCUREMENT UNIT

24 **Mohd Shahir bin Elias**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41

UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT
INFORMATION MANAGEMENT UNIT

25 **Akhmal Hisham bin Mishani**
Pegawai Teknologi Maklumat
Information Technology Officer
F41/44

UNIT KEWANGAN
FINANCE UNIT

26 **Muzieana binti Mohid@Mohamad**
Akauntan
Accountant
W44

WARGA KERJA RAC
RAC STAFF LINE-UP



BAHAGIAN KOMERSIAL
COMMERCIAL DIVISION

27 **Tunku Mohammed Nazarin bin Dato' Tunku Yusoff**
Pengurus Hartanah
Property Manager
44 (T)



28 **Nur Syamsinar binti Sharifuddin**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41



29 **Mohamad Roashaaree bin Ab Rahim**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41



30 **Siti Mariam binti Md Isa**
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
N41

UNIT HASIL
REVENUE UNIT

31 **Noraini binti Sulaiman**
Pegawai Penilaian
Valuation Officer
W41/44





SEKSYEN 3 :
PENGURUSAN HARTANAH SECARA HOLISTIK
SECTION 3 : HOLISTIC MANAGEMENT OF PROPERTY



PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE

TERMA DAN SYARAT

Memandangkan RAC tidak lagi menerima peruntukan belanja mengurus daripada Kerajaan sejak 2015, Perbadanan ini perlu menggalakkan aktiviti penyewaan dan pajakan bagi menjadi penyumbang utama kepada hasil pendapatannya. Sumber pendapatan daripada aktiviti berkenaan akan digunakan untuk mentadbir urus organisasi ini yang merangkumi kerja-kerja pengurusan hartanah, penyelenggaraan dan pembangunan aset serta infrastrukur kereta api.

Bagi membolehkan pengurusan penyewaan dan pajakan dibuat dengan lebih mudah, selamat dan efisien, RAC telah memperkenalkan *Railway Assets Intelligence System (RAILS)* secara rasmi mulai 1 Ogos 2017. Inisiatif ini merupakan pendekatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) yang dibangunkan RAC untuk membolehkan permohonan penyewaan dan pajakan serta pembayaran dibuat secara dalam talian.

RAC menawarkan dua (2) jenis penyewaan kepada pelanggan iaitu Penyewaan Jangka Masa Pendek dan Penyewaan Jangka Masa Panjang (atau disebut sebagai Pajakan). Berikut jadual yang menunjukkan perbezaan terma dan syarat bagi penyewaaan dan pajakan.

TERMS AND CONDITIONS

As the RAC no longer received operating expenditure allocation from the Government since 2015, the Corporation had to generate revenue mainly from rental and lease activities. This source of income will be used for the organisation's governance, which include property management works, maintenance and development of railway assets and infrastructure.

To enable the management of rental and lease be made more easily, safely and efficiently, the RAC officially introduced the Railway Assets Intelligence System (RAILS) on 1 August 2017. This initiative is an ICT approach developed to enable rental and lease applications and payments to be made online.

Two (2) types of rentals are offered to clients by RAC, namely Short Term Rentals and Long Term Rentals (Leases). Below is a table showing the differences in terms and conditions for rental and lease:

PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE

PERKARA *DETAILS*	PENYEWAAN *RENTAL*	PAJAKAN *LEASE*
PEMOHON ***APPLICANT***	Individu / Syarikat / Pertubuhan/ Sekolah/ Rumah Ibadat *Individual / Company / Organisation/ School/ House of Worship*	
TEMPOH PENYEWAAN/ PAJAKAN ***DURATION OF RENTAL/LEASE***	Maksimum lima (5) tahun *Maximum of five (5) years*	Enam (6) tahun hingga maksimum 30 tahun *From six (6) to a maximum of 30 years*
TUJUAN ***PURPOSE***	Aktiviti komersial dan bukan komersial termasuk pertanian *Commercial and non-commercial activities including agriculture*	Pembangunan dan aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan kereta api *Railway-related development and commercial activities*
PROSES KELULUSAN ***APPROVAL PROCESS***	Mesyuarat Penyewaan & Pajakan Tanah-Tanah RAC *RAC Land Rental and Lease Meeting*	i. Mesyuarat Penyewaan dan Pajakan Tanah-Tanah RAC ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC iii. Mesyuarat Jemaah Menteri *i. RAC Land Rental and Lease Meeting* *ii. RAC Board of Directors Meeting* *iii. Cabinet Meeting*
STRUKTUR ***STRUCTURE***	Sementara atau separa kekal *Temporary or semi-permanent*	Kekal *Permanent*
LOKASI PILIHAN ***PREFERRED LOCATIONS***	i. Sepanjang jajaran kereta api tertakluk pada jarak keselamatan melebihi 40 kaki dari landasan ii. Bangunan (gudang/ kiosk / kuarters) *i. Along railway alignment but subject to safety distance of 40 feet from the tracks* *ii. Building (warehouse/kiosk/ quarters*	Tanah-tanah poket atau tanah surplus yang berpotensi bagi pembangunan berskala besar *Pocket land or surplus land with potential for large-scale development*
PERMOHONAN PENYAMBUNGAN ***EXTENSION APPLICATION***	Enam (6) bulan sebelum tamat *Six (6) months before contract expires*	Satu (1) tahun sebelum tamat *One (1) year before contract expires*
NOTIS PENAMATAN ***NOTICE OF TERMINATION***	30 hari sebelum tamat *30 days before contract expires*	Enam (6) bulan sebelum tamat *Six months before contract expires*

Jadual 1: Perbezaan terma dan syarat bagi penyewaan dan pajakan
Table 1: Differences in terms and conditions for rental and lease

PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE

PERKARA *DETAILS*	PENYEWAAN *RENTAL*	PAJAKAN *LEASE*
KADAR SEWA ***RATES***	Bayaran secara pukal, sewa bulanan atau sewa tahunan berdasarkan nilai pajakan yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) *Lumpsum, monthly or annually rental payment based on value assessed by Valuation and Property Services Department (JPPH)*	
KELULUSAN ***APPROVAL***	Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan *Rental and Lease Committee Meeting*	

Jadual 2: Perbezaan terma dan syarat bagi penyewaan dan pajakan
Table 2: Differences in terms and conditions for rental and lease

Semua permohonan penyewaan bagi tujuan komersial tertakluk kepada ulasan teknikal daripada KTMB bagi tapak yang berada di dalam kawasan operasi termasuk kiosk persendirian. Bagaimanapun, pengecualian ini tidak tertakluk kepada kiosk sedia ada yang terletak di dalam bangunan stesen.

Namun, berdasarkan ketetapan yang diputuskan melalui Dasar Penyewaan/ Pajakan Tanah Kereta Api/ Ruang Stesen/ Kuarters dan Gudang Milik RAC, Perbadanan ini boleh menolak mana-mana permohonan penyewaan di sepanjang landasan kereta api yang terletak dalam jarak keselamatan iaitu kurang 40 kaki tanpa perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah-tanah RAC.

Walaupun tanah-tanah rizab kereta api ditetapkan sebagai zon pengangkutan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kebanyakan aktiviti penyewaan yang diluluskan RAC adalah bagi tujuan komersial. Oleh itu, ulasan daripada PBT perlu diperoleh sebelum sesuatu permohonan penyewaan dipertimbangkan bagi memudahkan penyewa mendapatkan kebenaran merancang untuk membina struktur (separa kekal) dan memohon bekalan utiliti seperti air dan elektrik ke tapak sewaan. Ulasan daripada agensi-agensi lain seperti Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Veterinar juga diperlukan, sekiranya berkaitan.

All rental applications for commercial purposes in railway operation areas, including private kiosks, are subject to technical review from KTMB, with exemption given to existing kiosks located inside station buildings.

RAC's policy in rental/lease of its railway land, station, quarters and warehouse states that the Corporation may directly reject any rental application on sites located within the safety distance of 40 feet without going through the RAC Land Rental and Lease Committee Meeting.

Although the railway reserve land has been zoned as a transportation zone by the Local Authorities, most of the approved rental activities are for commercial purposes. Therefore, a review from the relevant Local Authority needs to be obtained before a rental application can be considered for the applicants to get the planning approval to build a structure (semi permanent) and to apply for utility supply to the rental site. Reviews from other agencies such as the Department of Environment and the Department of Veterinary will be required if it is relevant.

PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE

PENAMATAN SEWA / PAJAKAN

Sesuatu permohonan sewa boleh ditamatkan serta merta sekiranya:

- Tunggakan maksimum dua (2) bulan;
- Melanggar syarat-syarat yang ditetapkan di dalam perjanjian sewaan; dan
- Melanggar undang-undang dan peraturan perundangan semasa negara.

TERMINATION OF TENANCY / LEASE

Each rental contract can be terminated immediately if:


- *Maximum rental arrears of two (2) months;*
- *Violation of terms and conditions stated in the rental agreement; and*
- *Violation of regulations and laws in force.*

KATEGORI PENYEWAAN / PAJAKAN YANG TIDAK DIBENARKAN

RAC berhak menolak permohonan penyewaan yang bertujuan seperti berikut tanpa perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah Perbadanan ini.

UNALLOWED PURPOSE OF RENTAL / LEASE

RAC has the right to reject rental applications made for the following purposes without having to refer to the RAC Land Rental and Lease Committee.



Rajah 8: Penyewaan yang tidak dibenarkan
Diagram 8: Unallowed purpose of rental

PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE

STATISTIK STATUS PERMOHONAN PENYEWAAN


Berikut adalah jumlah dan status permohonan pada 2018:

STATISTICS OF RENTAL APPLICATION STATUS

Following are the number and status of rental and lease applications in 2018:

NEGERI *STATE*	PERMOHONAN *APPLICATION*	LULUS *APPROVED*	TOLAK *REJECTED*
Perlis	7	6	1
Kedah	14	10	4
Pulau Pinang	24	17	7
Perak	36	29	7
Selangor	70	55	15
Kuala Lumpur	46	42	4
Negeri Sembilan	37	26	11
Melaka	6	4	2
Johor	9	1	8
Pahang	20	15	5
Kelantan	76	53	23
JUMLAH ***TOTAL***	**345**	**258**	**87**

Jadual 2: Jumlah dan status permohonan sewa mengikut negeri pada 2018
Table 2: Number and status of rental applications according to states in 2018



Graf 1: Perbandingan jumlah dan status permohonan sewa mengikut negeri pada 2018
Graph 1: Comparison of number and status of rental applications according to states in 2018

PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE

Berdasarkan jadual dan graf yang ditunjukkan, RAC menerima dan memproses sebanyak 345 permohonan penyewaan pada 2018 dengan Kelantan mencatatkan jumlah permohonan tertinggi iaitu sebanyak 76, diikuti oleh Selangor (70), Kuala Lumpur (46), Negeri Sembilan dan Perak dengan masing-masing mencatatkan 37 dan 36 permohonan. Lain-lain negeri iaitu Pulau Pinang mencatatkan jumlah permohonan sebanyak 24, Pahang (20), Kedah (14), Johor (9), Perlis (7) dan Melaka (6).

Graf juga menunjukkan sebanyak 258 permohonan diluluskan manakala 87 permohonan ditolak. Berikut adalah faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu permohonan itu tidak diluluskan:

i. Tidak mendapat sokongan daripada KTMB atas faktor keselamatan operasi kerana jarak tapak yang terlalu hampir dengan landasan.
ii. Pemohonan yang tidak disokong oleh PBT - tidak selaras dengan pengezonan yang ditetapkan seperti berhampiran dengan zon kediaman.
iii. Permohonan bertindih dengan tapak yang ditawarkan untuk penyewaan kepada pihak lain.
iv. Tujuan penyewaan yang tidak dibenarkan seperti permohonan untuk mendirikan kediaman dan menjalankan aktiviti pertanian bagi tanaman kekal.

According to the table and graph above, RAC received and processed a total of 345 applications in 2018 with Kelantan recording the highest number of applications at 76, followed by Selangor (70), Kuala Lumpur (46), Negeri Sembilan and Perak each with 37 and 36 applications. Other states such as Pulau Pinang received 24 applications, Pahang (20), Kedah (14), Johor (9), Perlis (7) and Melaka (6).

The graph also shows that a total of 258 applications were approved while 87 were rejected. The applications were not approved due to the following factors:

i. Not supported by the KTMB due to safety reasons as the proposed site is too close to the tracks;
ii. Application not supported by the local authority – as it does not comply with the stipulated zoning system, such as being too close to residential zone;
iii. Overlapping applications on sites which have already been offered for rental to other parties;
iv. Unallowed purpose of rental such as for construction of residences and agricultural activities for permanent crop.

TAHUN *YEAR*	PERMOHONAN *APPLICATION*	LULUS *APPROVED*	TOLAK *REJECTED*
2016	561	470	91
2017	332	274	58
2018	345	258	87

Jadual 3: Perbandingan jumlah dan status permohonan sewa bagi tempoh 2016 – 2018
Table 3: Comparison of number and status of rental applications for the year 2016 - 2018

PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE

Jadual 3 menunjukkan perbandingan jumlah keseluruhan statistik penyewaan yang diterima RAC dari 2016 hingga 2018. Pada tahun semasa, RAC mencatatkan sedikit peningkatan dalam permohonan sewa iaitu kira-kira tiga (3) peratus menjadikan jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 345 permohonan berbanding 332 permohonan yang diterima pada 2017. Kadar peningkatan yang rendah ini disebabkan oleh pelaksanaan projek pemulihan landasan kereta api dan pembinaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru yang menyebabkan tanah-tanah kereta api tidak dapat disewakan. Selain itu, ketiadaan penganjuran Program Hari Bertemu Pelanggan, yang sebelum ini menjadi *platform* kepada orang ramai mengetahui dengan lebih lanjut mengenai peluang perniagaan bersama RAC, turut menyumbang kepada statistik ini.

Bagi meningkatkan jumlah penyewaan ke atas tanah-tanah kereta api, RAC sedang dalam proses membangunkan Pelan Perniagaan RAC 2019-2021 dengan mengenal pasti tiga pendekatan sebagai fokus utama bagi meningkatkan hasil pendapatannya iaitu:

i. Pelaksanaan Projek Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) secara besar-besaran bagi mendapatkan pulangan yang optimum;
ii. Meningkatkan aktiviti-aktiviti komersial bagi menjana pendapatan berterusan; dan
iii. Persediaan bagi melaksanakan *Railway Network Access Agreement* (RNAA)

Melalui pendekatan ini, beberapa aktiviti komersial dicadangkan bagi tujuan menambah hasil pendapatan RAC. Antaranya ialah:

i. Pajakan jangka panjang bagi fasiliti gudang; dan
ii. Mengenal pasti tanah-tanah yang berpotensi bagi tujuan membina menara telekomunikasi, industri agrikultur dan pembinaan *solar farm*.

Table 3 shows a comparison of the overall number of rental applications received by the RAC from 2016 to 2018. In the current year, the RAC recorded 345 applications, a three (3) percent increase from 332 in 2017. The marginal increase was due to the implementation of a railway track repair project and the Gemas-Johor Bahru Electric Double Tracking Rail project, which affected rental of railway land. Besides that, the absence of the Meet-the-Customer Day Programme, previously used by the public as a platform to seek business opportunities with the RAC, also contributed to the shortfall.

To boost rental of railway land, RAC is in the process of developing a Business Plan 2019-2021 by identifying three approaches as its main focus to generate income, namely:

i. The implementation of a large-scale Transit Oriented Development (TOD) project to generate optimum returns;
ii. Increasing commercial activities to generate continuous income; and
iii. Preparing the implementation of the Railway Network Access Agreement (RNAA).

Under this initiative, several commercial activities were proposed to boost RAC's revenue. They include:

i. Long term lease for warehouse facilities; and
ii. Identifying potential land for the construction of a telecommunication tower, developing the agriculture industry and building a solar farm.

PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE



Penyewaan tapak bagi tujuan pembinaan hotel sementara di Kuala Kangsar, Perak

Rental of site for the construction of a temporary hotel in Kuala Kangsar, Perak



Penyewaan tapak bagi tempat simpanan kontena di Seberang Perai, Pulau Pinang

Rental of site for container storage in Seberang Perai, Pulau Pinang

Penyewaan tapak bagi pameran perabot di Port Dickson, Negeri Sembilan

Rental of site for a furniture exhibition in Port Dickson, Negeri Sembilan





Penyewaan di sebahagian ruang Stesen Komuter Subang Jaya Selangor

Rental space at Subang Jaya Commuter Station, Selangor

Penyewaan ruang bangunan di Stesen Kereta Api Segamat Johor

Rental of space at Segamat Railway Station, Johor





Penyewaan tapak bagi tujuan tanaman sayur-sayuran di Tanah Merah, Kelantan

Rental of site for cultivation of vegetables in Tanah Merah, Kelantan

Rajah 9: Sebahagian daripada penyewaan yang diluluskan sepanjang 2018
Diagram 9: Some of the approved rental applications throughout 2018

PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE

PAJAKAN

Pada 2018, RAC tidak menerima sebarang permohonan pajakan. Oleh itu, jumlah permohonan pajakan yang diterima sejak 2015 hingga 2018 kekal sebanyak tujuh (7) seperti dalam jadual berikut.

LEASE

In 2018, RAC did not receive any application for lease. As such, the total number of applications received since 2015 till 2018 remained at seven (7) as in the table below:

PEMOHON *APPLICANT*	LOKASI *LOCATION*	TUJUAN *PURPOSE*	TEMPOH PAJAKAN *LEASE DURATION*	STATUS TANAH *LAND STATUS*
ASH Development Sdn. Bhd.	Lot 48652, Pelabuhan Klang, Selangor	Tapak bangunan komersial *Commercial building*	15	Hak milik *Titled*
AsPac Lubricants (M) Sdn. Bhd.	Lot 197 (ii), 197 (iii), 14473 (ii), 14473 (iv), 16887 & 17793, Pelabuhan Klang, Selangor	Kilang pengeluar dan menyimpan minyak pelincir *Lubricant manufacturing plant and storage site*	30	Rizab *Reserve*
Asian Global Business Sdn Bhd (AGB)	Bangunan Georgetown Dispensary dan gudang milik RAC di atas Lot 286, Seksyen 23, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Aktiviti komersial *Commercial activity*	30	Hak milik *Titled*
Nestle Manufacturing (M) Sdn. Bhd.	Sebahagian Lot 3 dan 5, Seksyen 15, Shah Alam, Selangor	Laluan jalan berturap dan kawasan parkir kenderaan *Paved road and parking areas*	30	Rizab *Reserve*
Nestle Manufacturing (M) Sdn. Bhd.	Di Jalan 205, Off Jalan Tandang, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	Kawasan parkir kenderaan pekerja dan tapak landskap *Employees parking spaces and landscape*	30	Rizab *Reserve*
Fazlim Service Station	Sebahagian Lot 815, Mukim Jelai, Daerah Jempol, Pekan Bahau, Negeri Sembilan	Stesen minyak *Petrol station*	30	Rizab *Reserve*
Ruby Steel Metal Industry (M) Sdn Bhd	Sebahagian Lot 1820, Mukim Bandar Teluk Intan, Daerah Hilir Perak, Perak	Kilang membuat logam & perkakas dapur *Stainless steel kitchen utensil manufacturing plant*	30	Rizab *Reserve*

Jadual 4: Senarai pemohon pajakan dari 2015 hingga 2018
Table 4: List of lease applicants from 2015 to 2018

PENYEWAAN DAN PAJAKAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND RENTAL AND LEASE

Namun, pada tahun semasa, terdapat satu (1) permohonan pajakan yang diluluskan iaitu **Pajakan Tanah Rizab Keretapi di atas Lot 197, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor kepada Syarikat AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd.** Berikut adalah butiran lanjut mengenai pajakan tersebut:

i. Pajakan yang diluluskan kepada AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd meliputi sebahagian tanah di Lot 197, Mukim Klang, Daerah Klang dengan keluasan 49,704.03 meter persegi.

ii. AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd tidak boleh memindah milik pajakan, mencagarkan, memberi sewa dan memajak kecil atau apa-apa bentuk urus niaga ke atas pajakan tersebut tanpa persetujuan bertulis daripada RAC;

iii. Segala urusan berkenaan cukai, caj bayaran, kebenaran merancang serta lain-lain melibatkan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah di bawah tanggungjawab AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd; dan

iv. Terma dan syarat-syarat dirunding serta dimuktamadkan di antara RAC dan AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd.


However, in the current year, one (1) lease application was approved, that is, ***Lease for Railway Reserve Land at Lot 197, Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor to AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd.*** *Below are details of the leased land:*

i. Approval for lease to AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd covers part of land at Lot 197, Mukim Klang, Daerah Klang, measuring an area of 49,704.03 sq metres.

ii. AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd is not allowed to transfer lease ownership, mortgage, rent out and sub lease or conduct any transactions on the leased land without the written approval of the RAC;

iii. All activities related to taxes, payment charges, planning permission as well as other matters involving the State Government and the Local Authority are under the purview of AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd; and

iv. Terms and conditions are negotiable and finalised between the RAC and AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd.



Gambar 1: Tapak kilang pengeluar dan menyimpan minyak pelincir milik AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd yang dibina di atas tanah RAC melalui proses pajakan

Picture 1: Lubricant manufacturing plant and storage site owned by AsPac Lubricants (M) Sdn Bhd was built on RAC land through lease process

TUMPANG LALU
WAYLEAVE

Tumpang lalu merupakan kebenaran yang diberikan oleh RAC kepada agensi mana-mana pihak untuk menggunakan tanah kereta api sama ada secara merentasi, selari atau sebarang bentuk penggunaan tanah kereta api. Setiap tahun Perbadanan ini menerima banyak permohonan tumpang lalu yang dikemukakan oleh Kerajaan/swasta/syarikat/individu bagi pelbagai tujuan antaranya Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TMB), Gas Malaysia Berhad (GMB), Maxis Broadband Sdn Bhd (MAXIS), Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS) dan lain-lain.

Permohonan yang diterima meliputi pelbagai lokasi sama ada di dalam kawasan tanah rizab dan tanah hak milik yang melibatkan kawasan operasi mahu pun di kawasan luar operasi, serta secara melintasi atau selari dengan landasan kereta api bagi tujuan membina jalan, menanam paip (air, gas dan pembetungan) dan merentang kabel (elektrik dan telekomunikasi).

Berikut adalah jadual perbandingan jumlah dan status permohonan tumpang lalu pada 2018, 2017 dan 2016:

Wayleave is the approval given by the RAC to the relevant agencies/parties to use the railway land, whether across it, on it or any usage on railway land. Every year the Corporation receives many wayleave applications from the Government/private sector/companies/individuals for various purposes such as Public Works Department (JKR), Department of Irrigation and Drainage (JPS), Sewerage Services Department (JPP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia Berhad (TMB), Gas Malaysia Berhad (GMB), Maxis Broadband Sdn Bhd (MAXIS), Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS) and others.

The applications covering various locations on reserve and titled land involved operational and non-operational areas whether across or on railway tracks for road construction, laying of pipes (water, gas and sewerage) and stretching of cables (electricity and telecommunication).

Below is the comparison of the number and status of wayleave applications in 2018, 2017 and 2016:

TAHUN *YEAR*	JUMLAH PERMOHONAN *TOTAL APPLICATIONS*	LULUS *APPROVED*	TOLAK *REJECTED*	ULASAN/ TIDAK LENGKAP *REVIEW/ INCOMPLETE*
2016	62	19	3	40
2017	67	20	4	43
2018	54	7	1	46

Jadual 5: Perbandingan jumlah dan status permohonan tumpang lalu dari 2016 hingga 2018
Table 5: Comparison of number and status of wayleave applications from 2016 to 2018

TUMPANG LALU
WAYLEAVE

Setiap permohonan tumpang lalu yang diterima oleh RAC akan dikemukakan kepada KTMB, selaku operator, bagi mendapatkan ulasan teknikal sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Sewaan dan Pajakan RAC untuk kelulusan. Sepanjang 2018, sebanyak 54 permohonan diterima dan diproses. Daripada jumlah itu, sebanyak tujuh (7) permohonan diluluskan berbanding 20 permohonan pada 2017 dan 19 permohonan pada 2016.

Berikut adalah antara permohonan tumpang lalu yang diluluskan:

Every wayleave application received by the RAC will be submitted to KTMB, as railway operator, for technical review before it is brought before the RAC Rental and Lease Committee Meeting for approval. Throughout 2018, a total of 54 applications were received and processed. Of the total, seven (7) applications were approved compared to 20 in 2017 and 19 in 2016.

Following are the approved wayleave applications:



Gambar 2: Kerja-kerja merentang kabel elektrik 500KV di atas landasan kereta api di KM44, Jempol, Negeri Sembilan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Picture 2 : Stretching of 500KV electricity cables at KM44 railway tracks in Jempol, Negeri Sembilan by Tenaga Nasional Berhad (TNB)



Gambar 3: Kerja-kerja membina jejantas besi untuk laluan motosikal melintasi atas landasan kereta api di KM9.515 – KM9.582, Petaling Jaya, Selangor oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)
Picture 3: Construction of steel bridge crossing railway tracks at KM9.515 – KM9.582, Petaling Jaya, Selangor by Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)



Gambar 4: Tumpang lalu bagi menanam kabel elektrik 33KV di bawah landasan kereta api di KM19.910, Batu Tiga, Shah Alam, Selangor oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB)
Picture 4: Wayleave for laying of 33KV electricity cables under railway tracks at KM19.910, Batu Tiga, Shah Alam, Selangor by Tenaga Nasional Berhad (TNB).


PENGIKLANAN
ADVERTISING

Melalui rancangan Pelan Perniagaan RAC 2019-2021, pengiklanan merupakan antara cabang komersial yang akan diperkasakan melalui aktiviti libat urus secara aktif di atas tanah-tanah kereta api milik RAC.

Menurut *Outdoor Advertising Association Malaysia* (OAAM), yang mewakili 65 peratus daripada syarikat pengiklan luar di Malaysia, papan iklan luar didefinisikan sebagai paparan yang mengiklankan barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan dibuat. Jenis struktur paparan iklan yang boleh dipasang di atas tanah atau merentasi tanah kereta api milik RAC adalah seperti berikut:

Under the RAC Business Plan 2019-2021, advertising is among its commercial activities to be strengthened through active public engagement on RAC-owned railway land.

According to the Outdoor Advertising Association of Malaysia (OAAM), which represented 65 per cent of outdoor advertisers in Malaysia, billboard is defined as a large outdoor board that advertises goods, activities or services that are not necessarily for sale where the advertising is made. The types of outdoor advertising structure that can be erected on or across railway land belonging to the RAC are as follows:



Rajah 10: Jenis-jenis pengiklanan
Diagram 10: Types of advertisements

Permohonan untuk mendirikan papan iklan di atas tanah milik RAC adalah tertakluk kepada Seksyen 85A Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) iaitu:-

Applications to put up billboards on RAC-owned land are subject to the Road Transport Act 1987, Section 85A (Act 333), and they are:

PENGIKLANAN
ADVERTISING

Pembinaan struktur bagi iklan dan sebagainya, Seksyen 85A.

a) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya (dalam seksyen ini disebut "Menteri" kemudian daripada ini) berhubungan dengan mana-mana jalan rizab yang bersempadanan dengan jalan Persekutuan atau pihak berkuasa yang berkenaan berhubungan dengan mana-mana jalan rizab yang lain, di dalam kawasan pihak berkuasa itu, boleh, tertakluk kepada subseksyen (2), jika jalan rizab itu tidak digunakan pada masa itu bagi maksud yang baginya ia dirizabkan, memberikan hak pendudukan bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian jalan rizab itu kepada mana-mana orang bagi maksud mendirikan struktur bagi iklan atau pengumuman awam lain bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat, termasuk caj pendudukan, sebagaimana yang Menteri atau pihak berkuasa itu menentukan.

b) Tiada hak pendudukan sedemikian boleh diberikan melainkan jika pelan yang mengandungi perincian penyusunan atur struktur itu (termasuk butir-butir yang ditetapkan) telah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh menghendaki supaya dibayar deposit jaminan dan dibeli insurans liabiliti awam, bagi apa-apa jumlah wang yang Menteri atau Perbadanan Aset Keretapi itu memikirkan patut, oleh pemohon sebagai sebahagian daripada syarat bagi kelulusan.

c) Menteri atau pihak Perbadanan Aset Keretapi yang berkenaan mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat kaedah-kaedah untuk mengawal selia dan mengawal pembinaan struktur itu.

Permohonan papan iklan luar dibuat melalui Borang PAK (H-03) selain permohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen lain sebagaimana yang disenaraikan. Tempoh maksimum bagi mendirikan struktur iklan adalah selama tiga (3) tahun.

Construction of structures for advertisement, etc under Section 85A:

a) The Minister charged with the responsibility for works (in this section hereinafter referred to as "Minister") in relation to any road reserve bordering on a Federal road or the appropriate authority in relation to any other road reserve, within the area of such authority, may, subject to subsection (2), if the road reserve is for the time being not being used for the purpose for which it is reserved, grant a right of occupation of the whole or any part of the road reserve to any person for the purpose of erecting structures for advertisement or other public announcement for such duration and on such terms and conditions, including occupancy charges, as the Minister or the appropriate authority may determine.

b) No such right of occupation may be granted unless plans containing details of the layout of the structure (including such particulars as may be prescribed) have been submitted to and approved by the Minister or the appropriate authority, as the case may be, who may require the payment of security deposit and the purchase of public liability insurance, of such sum as the Minister or the appropriate authority thinks fit, by the applicant as part of the condition for the approval.

c) The Minister or the appropriate authority, as the case may be, may make rules to regulate and control the construction of the structures.

Applications for outdoor advertising are made through Form PAK (H-03) and that applicants must submit other documents as listed. The maximum period for the display is for three (3) years.

PENGIKLANAN
ADVERTISING

KADAR BAYARAN

Bagi setiap permohonan untuk mendirikan paparan iklan, RAC mengenakan bayaran seperti berikut:

CHARGES FOR BILLBOARD

Each application to put up a billboard on railway land will be charged with the fees below:



Rajah 11: Bayaran yang dikenakan bagi tujuan pengiklanan
Diagram 11: Payment charged for advertising purposes

i. Yuran Proses

Yuran proses yang perlu dijelaskan semasa mengemukakan borang permohonan adalah sebanyak RM500.00 bagi setiap permohonan untuk setiap lokasi. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

ii. Bayaran Kadar Sewa

Secara asasnya, bayaran kadar sewa yang dikenakan untuk paparan iklan adalah mengikut penilaian daripada JPPH. Namun begitu, jenis paparan iklan dan lokasi turut memainkan peranan penting dalam penentuan kadar sewa tersebut. Berikut adalah syarat-syarat yang perlu dipatuhi:

i. Processing Fee

The processing fee to be paid by the applicant after submitting the form is RM500 for each application for every location. The payment is non-returnable.

ii) Rental Fees

In principle, the rental fees charged for advertisement are based on JPPH's assessment. However, the types of outdoor advertising structure and location play an important role in determining the rental rates. The following are the conditions that must be complied with:

a) Bayaran kadar sewa yang dikenakan adalah secara tahunan;
b) Bayaran perlu dijelaskan oleh pemohon selepas mendapat surat kelulusan daripada RAC;
c) Bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) bulan selepas surat kelulusan dikeluarkan; dan
d) Bagi penyewaan yang tempohnya melebihi satu tahun, pemohon perlu membayar kadar sewaan untuk tahun berikutnya dua (2) bulan sebelum berakhirnya tempoh tahun semasa.

iii. Deposit Bayaran Sewa

Pemohon yang berjaya hendaklah mengemukakan deposit bayaran sewa mengikut kadar sewaan yang dikenakan sebagai jaminan terhadap perkara-perkara berikut:

a) Penyewa gagal memenuhi atau melanggar syarat-syarat kelulusan;
b) Penyewa gagal menurunkan struktur papan iklan setelah tamat tempoh; dan
c) Penyewa gagal menyelenggara struktur paparan iklan tersebut.

iv. Insurans Tanggungan Awam

a) Pihak pengiklan hendaklah mengambil Insurans Tanggungan Awam bagi melindungi pihak Kerajaan/RAC/ PBT dan KTMB daripada sebarang tuntutan oleh pihak ketiga akibat daripada pembinaan struktur iklan tersebut.
b) Perlindungan ini terpakai sepanjang tempoh paparan iklan tersebut dipasang bermula daripada peringkat pembinaan, pengiklanan dan pelupusan struktur tersebut.
c) Had tuntutan maksimum ialah RM1,000,000.00 bagi setiap papan iklan yang didirikan.

a) Rental rates are charged annually;
b) Payment must be settled by the applicant upon obtaining approval from RAC;
c) Payment must be made within two (2) months after the approval letter has been issued;
d) For rental exceeding one year, the applicant must pay the fees for the next two (2) months before the end of the current year.

iii. Rental Deposit

The successful applicant has also to fork out the rental deposit based on the rental fees which are imposed as guarantee in the event that:

a) The advertiser fails to comply with the terms for approval;
b) The advertiser fails to remove the advertising structure on display after its expiry date; and
c) The advertiser fails to maintain the advertising structure on display.

iv. Public Liability Insurance

a) The advertiser should provide a Public Liability Insurance to protect the Government/RAC/Local Authority and KTMB from any claims from a third party arising from the billboard being put up for display.
b) The coverage is applicable from the time the advertisement is on display to the time the structure is removed.
c) The claims are limited to a maximum of RM1,000,000.00 for each advertising structure.

PENGIKLANAN
ADVERTISING

STATISTIK PERMOHONAN PAPARAN IKLAN LUAR DAN STATUS
NUMBER AND STATUS OF BILLBOARD APPLICATIONS

TAHUN *YEAR*	JUMLAH *TOTAL*	LULUS *APPROVED*	TOLAK *REJECTED*	ULASAN *REVIEW/*
2016	22	18	0	4
2017	43	18	15	10
2018	24	11	5	8

Jadual 6: Jumlah dan status permohonan untuk paparan iklan luar dari 2016 - 2018
Table 6: Number and status of billboard applications from 2016 - 2018

Sepanjang tahun semasa, sebanyak 24 permohonan papan iklan diterima dan jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 19 permohonan berbanding 43 permohonan yang diterima pada 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 permohonan diluluskan, sebanyak lima (5) permohonan ditolak dan lapan (8) ditangguhkan kerana masih dalam peringkat mendapatkan ulasan teknikal daripada agensi-agensi terlibat.

Throughout the current year, a total of 24 billboard applications were received and this was a drop of 19 applications compared to 43 received in 2017. Of the total, 11 applications were approved, five (5) rejected and eight (8) pending technical review from the relevant agencies.

Berikut merupakan papan iklan yang ditawarkan dan diluluskan oleh RAC pada 2018:

The following are advertising structures offered and approved by the RAC in 2018:



Gambar 5: Papan iklan jenis unipole di KM16.850 yang dipasang di atas sebahagian Plot B, Mukim Subang Jaya, Daerah Petaling, Selangor
Picture 5: Unipole billboard advertisement at KM16.850 displayed on a section of Plot B, Mukim Subang Jaya, Daerah Petaling, Selangor



Gambar 6: Papan iklan jenis free-standing di atas sebahagian Lot 1265, Jalan Bahasa Kapur, Mukim Port Dickson, Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan
Picture 6: Free-standing billboard advertisement on a section of Lot 1265, Jalan Bahasa Kapur, Mukim Port Dickson, Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan.



Gambar 7: Papan iklan jenis free-standing di atas sebahagian Lot/Plot 2073, di antara Jalan Kebun Teh – Jalan Aba, Mukim Kempas, Daerah Johor Bahru, Johor
Picture 7: Free-standing billboard on a section of Lot/ Plot 2073, between Jalan Kebun Teh – Jalan Aba, Mukim Kempas, Daerah Johor Bahru, Johor.

PENTADBIRAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND ADMINISTRATION

Selain pengurusan tanah-tanah kereta api yang melibatkan penyewaan, pajakan, tumpang lalu dan pembangunan, RAC perlu mentadbir urus dengan baik tanah-tanah kereta api yang seluas 12,638 hektar terutamanya yang melibatkan proses perletakhakan kepada RAC bagi tanah-tanah kereta api berstatus hak milik dan pewartaan bagi tanah-tanah kereta api di bawah kategori rizab.

Urus tadbir tanah merupakan tanggungjawab yang penting bagi mengelakkan RAC daripada berdepan dengan pertikaian berkaitan status tanah dengan pihak ketiga pada masa akan datang. Selain itu, ia bagi memudahkan urusan penyewaan/pajakan, tumpang lalu, cadangan pembangunan, tujuan perekodan di dalam RAILS dan memudahkan urusan pengambilan dan pelepasan tanah serta penyelenggaraan.

Pengurusan hal ehwal pentadbiran tanah-tanah kereta api adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang berikut:

In addition to managing rental, lease, wayleave and development activities, the 12,638-hectare wide of railway land must also be well-administered, especially in the process of vesting in the RAC the titled railway land and the gazetting of railway land which are under the reserve category.

Land administration is important to prevent the RAC from having to face disputes relating to land status with a third party in the future. It also serves to facilitate matters pertaining to land rental/lease, wayleave and development; to record information in RAILS; and to facilitate acquisition and release as well as maintenance of land.

The management of land administration affairs is subject to provisions under these laws:



PENTADBIRAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND ADMINISTRATION

STATISTIK PENTADBIRAN TANAH BAGI 2018

Tanah Hak Milik merupakan tanah-tanah kereta api yang diberi hak milik kepada RAC melalui geran. Jumlah tanah kereta api berstatus hak milik mengikut negeri pada 2018 adalah seperti berikut:

STATISTICS FOR LAND ADMINISTRATION FOR 2018

Titled Land is railway land owned by the RAC as stated in the land titles. The total number of RAC's titled land according to states in 2018 are as follows:

NEGERI *STATE*	JUMLAH LOT *NUMBER OF LOTS*
Pulau Pinang	128
Perak	42
Selangor	8
Kuala Lumpur	21
Negeri Sembilan	6
Kedah	36
Melaka	2
Johor	8
Pahang	2
Kelantan	80
Perlis	5
JUMLAH *TOTAL*	**338**

Jadual 7: Jumlah tanah kereta api berstatus hak milik mengikut negeri pada 2018
Table 7: Number of state owned railway land by state in 2018

Sehingga penghujung Disember 2018, masih terdapat 30 lot lagi tanah yang masih dalam proses peletakhakkan oleh RAC. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 29 lot adalah tanah di Pulau Pinang dan satu (1) lot terletak di Kuala Lumpur.

Selain daripada tanah hak milik, terdapat juga tanah-tanah kereta api berstatus rizab yang sebahagian besarnya digunakan bagi operasi kereta api. Jumlah tanah rizab kereta api mengikut negeri adalah seperti berikut:

As of December 2018, 30 lots of railway land were in the process of vesting in the RAC. Of the total, 29 lots of land were located in Pulau Pinang and one (1) lot in Kuala Lumpur.

In addition to titled land, there were also railway reserve land which were largely used for railway operation. The number of railway reserve land lots according to states is as follows:

PENTADBIRAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND ADMINISTRATION

NEGERI *STATE*	JUMLAH LOT *NUMBER OF LOTS*
Perlis	1
Kedah	1
Pulau Pinang	0
Perak	161
Selangor	225
Kuala Lumpur	70
Negeri Sembilan	421
Melaka	26
Johor	123
Pahang	73
Kelantan	0
JUMLAH *TOTAL*	**1,101**

Jadual 8: Jumlah tanah rizab kereta api yang diwartakan mengikut negeri
Table 8: Number of railway reserve land lots gazetted for railway purposes according to states

Pada 2018, RAC melaksanakan projek untuk mewartakan semua tanah-tanah rizab kereta api secara berfasa. Fasa pertama pewartaan melibatkan jajaran dari Stesen Keretapi Gemas, Negeri Sembilan ke Stesen Keretapi Ipoh, Perak. Fasa kedua pula merangkumi jajaran dari Stesen Keretapi Ipoh ke Stesen Keretapi Padang Besar, Perlis. Projek tersebut dijangka siap sepenuhnya pada 2020. Fasa perwartaan seterusnya akan dilaksanakan untuk tanah-tanah rizab kereta api dari Stesen Keretapi Gemas ke Stesen Keretapi Johor Bahru dan dari Stesen Keretapi Gemas ke Stesen Keretapi Mentara Baru, Pahang.

Di samping melaksanakan urusan pentadbiran tanah-tanah kereta api, aduan yang melibatkan pembersihan dan penyelenggaraan tanah kereta api turut diambil tindakan. Sepanjang 2018, RAC telah memberi maklum balas kepada 21 aduan berhubung kerja-kerja pembersihan dengan melaksanakan tindakan sewajarnya yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM303,694.75.

In 2018, RAC embarked on a project to gazette all railway reserve land in stages. Phase one involved a stretch from Gemas Railway Station, Negeri Sembilan to Ipoh Railway Station, Perak. Phase two involved a stretch from Ipoh Railway Station to Padang Besar Railway Station, Perlis. The project is expected to be fully completed in 2020. The next phase of the gazetting exercise will be executed on railway reserve land from Gemas Railway Station to Johor Bahru Railway Station and from Gemas Railway Station to Mentara Baru Railway Station, Pahang.

Besides administering railway land, the RAC also acted on complaints related to cleanliness and maintenance of railway land. Throughout 2018, a total of 21 complaints were received involving cleaning works with a cost of RM303,694.75. Details on the complaints received and costs involved as follows:



Gambar 8 : Semak samun di Kampung Tok Sirun, Alor Setar, Kedah
Picture 8: Bushes in Kampung Tok Sirun, Alor Setar, Kedah



Gambar 9: Pembersihan semak samun di Jalan Permai 1, Bedong, Kuala Muda, Kedah
Picture 9: Cleared Bushes at Jalan Permai 1, Bedong, Kuala Muda, Kedah

PENTADBIRAN TANAH KERETA API
RAILWAY LAND ADMINISTRATION



Gambar 10: Pembersihan semak samun di Jalan Railway 1/2, Petaling Jaya, Selangor berhampiran jejantas laluan motosikal

Picture 10: Cleaning the undergrowth on Jalan Railway 1/2, Petaling Jaya, Selangor near the motorcycle track

PELEPASAN TANAH HAK MILIK RAC SECARA PENGAMBILAN

Seluas 2.95 ekar tanah hak milik RAC yang melibatkan Lot 154 (2.76 ekar) dan Lot 1057 (0.19 ekar) di Tanah Merah, Kelantan terlibat dalam Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat (Elevated T-Junction). Projek itu dilaksanakan oleh JKR Negeri Kelantan bagi menyuraikan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut. Selain dua lot tanah berkenaan, terdapat beberapa aset milik RAC turut terlibat iaitu tempat letak kenderaan, pondok pengawal dan 17 unit kuarters KTMB. Nilai pampasan bagi tanah dan aset berkenaan yang diterima RAC adalah berjumlah RM3,490,436.

Bagaimanapun, semakan RAC mendapati nilai pampasan tersebut tidak mengikut kadar yang bertepatan. Oleh yang demikian, Perbadanan ini telah melantik panel peguam dan syarikat penilaian harta bagi mengemukakan bantahan terhadap kadar pampasan yang diterima itu kepada Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Kelantan.

RELEASE OF RAC-OWNED LAND THROUGH ACQUISITION

Total of 2.95 acres of RAC-owned land on Lot 1057 and Lot 154 in Tanah Merah, Kelantan was involved the Elevated T-Junction construction project. The project was undertaken by the Kelantan State JKR to address traffic congestion in the area. Additionally, several RAC-owned assets were also affected such as parking space as well as guard house and 17 KTMB quarters. Compensation for land and assets received by the RAC amounted to RM3,490,436. However, a review by the RAC showed that the compensation assessment was inaccurate.

As such, the Corporation had appointed a panel of lawyers and a property valuation company to register its objection to the compensation sum it received before the Kota Bharu High Court, Kelantan.

PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION

PEMANTAUAN TANAH-TANAH KERETA API DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN

Bagi memastikan tanah kereta api seluas 12,638 hektar termasuk tanah operasi di sepanjang jajaran sejauh 1,560 kilometer terhindar daripada kegiatan pencerobohan dan pendudukan secara tidak sah, beberapa tindakan proaktif seperti pengeluaran notis bertempoh, pengusiran, perobohan dan pemantauan berkala dibuat supaya aktiviti ini tidak berulang. Bagi memperkukuh fungsi ini, tiga (3) jawatankuasa ditubuhkan iaitu:

MONITORING OF RAILWAY LAND AND ENFORCEMENT COORDINATION

In a bid to ensure the 12,638 hectares including the operational land involving a distance of 1,560 kilometres were safe from illegal occupation and encroachment, periodical monitoring and enforcement have been undertaken. To strengthen this function, three (3) committees were set up,namely:



Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penguatkuasaan Setinggan dan Rumah Ibadat
Technical Committee on Enforcement of Squatters and House of Worship Meeting

- Melaporkan kegiatan dan kes pencerobohan (pendudukan setinggan, rumah ibadat, aktiviti pertanian, komersial dan lain-lain) yang berada di atas tanah kereta api;
  To report enforcement activities and cases (occupation of squatters, house of worship, agricultural commercial and other activities) taking place on railway land;
- Membincangkan perkara-perkara berkaitan pencerobohan dan seterusnya memutuskan tindakan yang sewajarnya; dan
  To discuss matters related to enforcement and to decide on the appropriate action to be taken; and
- Menyedia dan membentangkan keperluan Dasar Penguatkuasaan, SOP dan perundangan.
  To prepare and to present the basis for the Enforcement Policy, SOP and legistation.



Mesyuarat Jawatankuasa Koordinasi Penguatkuasaan
Enforcement Coordination Committee Meeting

- Menyelaras aktiviti penguatkuasaan dengan jabatan/agensi lain yang terlibat;
  To coordinate enforcement with other relevant departments/agencies;
- Memastikan semua peraturan, notis diserah kepada mereka yang terlibat;
  To ensure all regulations, notices are handed over to those involved;
- Menyediakan dan menyelaras keperluan anggota penguat kuasa termasuk keperluan peralatan dan logistik; dan
  To prepare and coordinate the needs of enforcement personnel including equipment and logistics; and
- Memantau tapak tersebut daripada pencerobohan semula
  To monitor the site against repeated enforcement.

PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION

Mesyuarat Pemantauan Tanah-tanah Kereta Api
Railway Land Monitoring Meeting

- Menyediakan jadual aktiviti pemantauan tanah-tanah rizab, tanah hak milik dan operasi kereta api (jajaran aktif);
  To prepare the schedule of monitoring activities on reserve land, titled land and railway operation land;
- Menyediakan laporan berkaitan pencerobohan, kerosakan kepada harta kereta api seperti pagar, bangunan, landasan dan sebagainya – untuk tujuan pembaikan; dan
  To prepare reports related to enforcement, damages to railway property such as gate, building, track, etc - for the purpose of repairs;
- Membincangkan keperluan untuk menambah baik keselamatan operasi kereta api seperti papan tanda keselamatan dan sebagainya.
  To discuss the needs to improve the railway security operations such as security signages, etc; and
- Membuat siasatan aduan dan menyediakan laporan untuk tindakan.
  To conduct investigation and prepare a report for action.

BANCIAN SETINGGAN

RAC melaksanakan aktiviti bancian dengan merekod data setinggan bermula pada 2010 berdasarkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan yang dijalankan dari semasa ke semasa. Sehingga penghujung 2018, sejumlah 4,581 unit setinggan direkodkan di sembilan (9) negeri dengan Kelantan mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 2,386 unit. Sebanyak 596 unit setinggan pula direkodkan di Johor, Pahang (493 unit) dan Pulau Pinang (304 unit).

Dari semasa ke semasa, data ini akan dikemas kini bagi mengenal pasti sebarang penambahan jumlah setinggan baharu yang menduduki tanah RAC serta setinggan yang dikeluarkan.

SQUATTERS' CENSUS

RAC data of squatters was first recorded in 2010 as a result of periodical monitoring and enforcement activities undertaken. As at end-2018, a total of 4,581 squatter units were recorded in nine (9) states with Kelantan having the highest number at 2,386 units. A total of 596 units were found in Johor while Pahang and Pulau Pinang recorded 493 units and 304 units respectively.

The data is periodically updated to identify if there is any increase in the number of new squatters occupying RAC land as well as squatters evicted.




Gambar 11: Aktiviti bancian setinggan yang dilakukan pada 2018
Picture 11: Squatting census activity in 2018

PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION

Maklumat daripada bancian ini akan digunakan sebagai asas oleh pihak Kementerian Pengangkutan, RAC, Kerajaan Negeri serta jabatan/agensi lain yang berkaitan bagi merancang tindakan yang boleh diambil ke atas pendudukan setinggan secara tidak sah di atas tanah-tanah kereta api. Tindakan ini bagi memastikan Dasar Pelaksanaan Penguatkuasaan Ke Atas Pendudukan Secara Tidak Sah Di Atas Tanah-Tanah Kereta Api dapat dilaksanakan dengan berkesan di samping memastikan operasi kereta api dapat dijalankan dengan selamat. Buat masa ini, pengusiran setinggan-setinggan ini dibuat melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan tanah dan peningkatan infrastruktur serta kemudahan kereta api.

Information gathered from the census will be used as the basis for the Ministry of Transport, RAC, the State Government as well as other relevant departments/agencies to plan further action against squatters' illegal occupation of railway land. This is to ensure the Policy on Enforcement on Illegal Occupation of Railway can be effectively carried out as well as ensuring the railway operation can run safely. At present, squatters are evicted from RAC-owned land to make way for land development projects as well as railway infrastructure.

JUMLAH SETINGGAN KEDIAMAN MENGIKUT NEGERI PADA 2018
NUMBER OF SQUATTER UNITS ACCORDING TO STATES IN 2018



Graf 2 : Jumlah keseluruhan unit setinggan yang menduduki tanah RAC pada 2018
Graph 2: Number of squatter units occupying RAC land in 2018

PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION





Gambar 12: Aktiviti bancian setinggan yang dilakukan sepanjang 2018
Picture 12: Census activities conducted in 2018

AKTIVITI PENGUATKUASAAN


Tindakan penguatkuasaan ke atas penceroboh tanah kereta api dibuat selepas serahan notis secara pentadbiran dikeluarkan oleh RAC atau notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) oleh Pentadbir Tanah Daerah (PTD). Notis pentadbiran akan diserahkan kepada pemilik mengikut keperluan tempoh sama ada 'SERTA MERTA' atau bertempoh iaitu untuk tujuh (7) hari atau 14 hari atau 21 hari atau 30 hari atau 90 hari mengikut kes. Sekiranya pemilik gagal mematuhi notis yang dikeluarkan, pihak RAC akan memohon notis pengosongan untuk tujuan penguatkuasaan daripada Pentadbir Tanah Daerah (bagi tanah Kerajaan) melalui Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN).

Kesalahan menduduki tanah Kerajaan di bawah seksyen ini, sekiranya disabitkan kesalahan, boleh didenda sebanyak RM500,000.00 (Pindaan September 2016) atau penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-keduanya sekali.

ENFORCEMENT ACTIVITIES

Enforcement action against railway land intruders is usually taken after an administration notice is issued by the RAC or a notice under Section 425 of the National Land Code from the District Land Administrator. The notice will be issued to the owner (intruder) for a certain period where applicable either "IMMEDIATE' or for a certain period, and is usually valid for seven (7), 14 or 21 or 30 or 90 days according to the case. If the owner (intruder) fails to abide by the notice to vacate the land, the RAC will submit a notice of application under Section 425 of the National Land Code from the District Land Administrator (for Government land) for enforcement purposes.

Under the section, it is an offence to illegally occupy Government land and failing to comply could result in a RM500,000.00 (Amendment Act, September 2016) fine or a jail sentence not exceeding five (5) years or both, if convicted.



Dasar Penguatkuasaan Tanah dan Rumah Ibadat tidak membenarkan pembinaan kediaman, rumah ibadat, tanaman kekal dan ternakan dilakukan.

Policy of Enforcement on Land and Houses of Worship prohibits the construction of residences, houses of worship, permanent crop cultivation and livestock breeding.

PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION

Selain itu, penetapan Dasar Penguatkuasaan Tanah dan Rumah Ibadat yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC pada 1 Februari 2012 membolehkan tindakan terus diambil untuk menghalang pembinaan kediaman baharu, rumah ibadat baharu, tanaman kekal dan aktiviti ternakan yang berada di dalam kawasan operasi kereta api. RAC mendapati pendudukan secara tidak sah boleh menyebabkan gangguan kepada kawasan operasi kereta api, yang melibatkan keselamatan penumpang dan operasi kereta api.

Berikut adalah gerak kerja penguatkuasaan yang dilaksanakan sepanjang 2018.

i. Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas Ke Johor Bahru (PLBEG-JB)

Melalui *Statement of Need* (SON) Klausa 1.8 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan bagi Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas ke Johor Bahru (PLBEG-JB), RAC diberi tanggungjawab untuk mengeluarkan semua halangan (setinggan) yang berada di dalam tapak projek. Terdapat empat (4) daerah di Johor yang terlibat dalam gerak kerja ini iaitu Segamat, Kluang, Kulai dan Johor Bahru. Sebanyak 1,306 unit setinggan pelbagai kategori dikenal pasti terlibat dengan projek ini dan perlu dikeluarkan. Berikut adalah pecahan jumlah setinggan mengikut daerah:

In addition, the adoption of the Policy on Enforcement on Land and Houses of Worship which was approved at the RAC Board of Directors Meeting on 1 February 2012 allows actions to be taken to prevent the construction of new residences, houses of worship, permanent crop cultivation and livestock breeding activities in the railway operation areas. RAC has found that illegal occupation can disrupt railway operational areas, affect the safety of passengers and the safe operation of the railway.

Following are the enforcement actions taken throughout 2018:

i. Gemas-Johor Bahru Electrified Double Tracking Project (PLBEG-JB)

Through a Statement of Need (SON) Clause 1.8 issued by the Ministry of Transport on the Gemas-Johor Bahru Electrified Double Tracking Project (PLBEG-JB), RAC was given the responsibility to remove all obstructions (squatters) at the project site. The monitoring activities were mounted in four (4) districts in Johor, namely Segamat, Kluang, Kulai and Johor Bahru. A total of 1,306 squatter units of various categories were identified as obstructions to the project and had to be removed. Below is a breakdown in the number of squatters according to districts:

DAERAH *DISTRICT*	JUMLAH SETINGGAN *NUMBER OF SQUATTERS*
Segamat	212
Kluang	675
Kulai	384
Johor Bahru	35
JUMLAH *TOTAL*	**1,306**

Jadual 9: Pecahan dan jumlah setinggan yang terlibat dengan Projek PLBEG-JB mengikut daerah di Johor
Table 9: Breakdown and number of squatters obstructing the PLBEG-JB project according to district in Johor

PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION

Proses pengeluaran setinggan ini bermula pada 2010 melalui kerja-kerja bancian dan penyampaian notis. Pada 2012, kerja-kerja mengeluarkan semua setinggan dan halangan dari tapak projek mula dilaksanakan. Sehingga akhir 2018, masih ada sebilangan kecil penduduk yang menambah struktur kediaman sehingga memasuki tanah rizab kereta api namun, keadaan ini tidak mengganggu pelaksanaan projek.

Sepanjang 2018, RAC meneruskan aktiviti penguatkuasaan ke atas struktur-struktur yang menjadi halangan kepada pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru. Halangan ini termasuk pagar, jalan kampung dan setinggan (kediaman, komersial, rumah ibadat dan awam). Berikut adalah data setinggan yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan mengikut daerah pada 2018.

Eviction of squatters started in 2010 through census and issuing of notices. In 2012, eviction of all squatters and obstacles from project sites was first carried out. As at end-2018, a small number of squatters were still occupying the railway land with additional residential structures encroaching into the reserve land, but was no obstacle to the project.


Enforcement activities continued throughout 2018 on squatters' structures obstructing the implementation of the Gemas-Johor Bahru Electrified Double Tracking Project. The obstacles include fences, village roads and squatters (residential, commercial, houses of worship and public). The following are data on squatters involved in the enforcement activities according to districts in 2018:

Lokasi Bancian *Location of Census*	JENIS SETINGGAN / *TYPES OF SQUATTERS*								
	Kediaman *Residential*	Komersial *Commercial*	Kediaman/ Komersial *Residential/ Commercial*	Awam *Public*	Rumah Ibadat *House of Worship*			Lain-lain *Others*	Jumlah *Total*
					Surau	Kuil *Temple*	Tokong *Shrine*		
Daerah Segamat *Segamat District*	10	35	0	0	0	1	0	2	48
Daerah Kluang *Kluang District*	33	0	16	0	0	3	0	3	55
Daerah Kulai *Kulai District*	19	7	0	4	0	2	1	0	33
Daerah Johor Bahru *Johor Bahru District*	33	7	0	0	1	5	0	8	54
JUMLAH *TOTAL*	**95**	**49**	**16**	**4**	**1**	**11**	**1**	**13**	**190**

Jadual 10: Jumlah setinggan mengikut daerah dan kategori yang terlibat dengan aktiviti penguatkuasaan pada 2018

Table 10: Number of squatters involved in the enforcement activities according to district and category in 2018

PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION



Graf 3: Graf menunjukkan jumlah setinggan mengikut kategori yang berada di atas tanah kereta api yang terlibat dengan PLBE Gemas – Johor Bahru

Graph 3: Graph above shows the number of squatters by category on railway land obstructing the PLBE Gemas- Johor Bahru project







Gambar 13: Setinggan dan halangan yang terlibat dengan PLBE Gemas - Johor Bahru

Picture 13: Squatters and obstacles to PLBE Gemas to Johor Bahru project

ii. Projek Pembinaan Depoh KTMB di Padang Tengku

ii. Construction of KTMB Depot at Padang Tengku

DEPOH KTMB DI PADANG TENGKU
KTMB DEPOT AT PADANG TENGKU

Projek bermula pada 17 April 2017
Project kicked off on 17 April 2017

Melibatkan 43 unit setinggan yang menduduki tanah RAC
Involving 43 squatter units occupying RAC land

2018 : 31 unit setinggan dikosongkan dan dirobohkan manakala baki 12 unit masih dalam proses
2018 : 31 squatter units removed and demolished while the remaining 12 units are in the process of eviction

Selain pembinaan depoh, projek naik taraf lima (5) stesen kereta api juga dijalankan iaitu di Stesen Keretapi Kemayan, Stesen Keretapi Triang, Stesen Keretapi Mentakab, Stesen Keretapi Padang Tengku dan Stesen Keretapi Kuala Lipis
Besides the construction of depots, five (5) stations are being upgraded namely at Kemayan Station, Triang Station, Mentakab Station, Padang Tengku Station and Kuala Lipis Station





Gambar 14: Aktiviti meroboh unit setinggan yang menduduki tanah keretapi bagi memberi laluan kepada pembinaan depoh
Picture 14: Squatters' units on railway land being demolished to make way for the construction of a depot

iii. Projek pembinaan Stesen Komuter baharu dan kemudahan *Park & Ride* di Jalan Udang Gantung, Kepong

iii. Construction of New Commuter Station and Park & Ride Facility at Jalan Udang Gantung, Kepong

STESEN KOMUTER BAHARU DAN KEMUDAHAN *PARK & RIDE* DI JALAN UDANG GANTUNG, KEPONG
NEW COMMUTER STATION AND PARK & RIDE FACILITY AT JALAN UDANG GANTUNG, KEPONG

Hasil bancian yang dilaksanakan pada Ogos 2016, sejumlah 28 unit halangan iaitu lapan (8) unit setinggan kediaman dan 20 unit struktur tambahan dikenal pasti terlibat dengan projek

Following a census conducted in August 2016, 28 structures namely eight (8) squatter homes and 20 additional structures were identified as obstructing to the project

Pada 6 Februari 2018, penguatkuasaan untuk merobohkan sebahagian struktur tersebut dilakukan bersama oleh Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

On 6 February 2018, demolition of the partial structures was jointly undertaken by the Federal Territory Land Office and Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



Gambar 15: Aktiviti meroboh struktur tambahan kediaman yang terlibat dengan projek pembinaan stesen komuter baharu di Jalan Udang Gantung, Kepong

Picture 15 : Demolition of additional residential structures obstructing construction of the new commuter station at Jalan Udang Gantung, Kepong

PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION

iv. Projek Pembinaan Depoh KTMB di Tumpat, Kelantan

iv. Construction of KTMB Depot in Tumpat, Kelantan

DEPOH KTMB DI TUMPAT, KELANTAN
KTMB DEPOT IN TUMPAT, KELANTAN

Projek ini bermula pada 1 Ogos 2018
Project kicked off on 1 August 2018

Pada 24 Julai 2018, pemilik-pemilik setinggan menerima notis pentadbiran RAC untuk mengosongkan tapak tersebut dalam tempoh 30 hari.
On 24 July 2018, squatters received RAC administration notice to vacate the land within 30 days

Pemilik setinggan akur dengan arahan tersebut dan berpindah keluar bagi memberi laluan kepada pelaksanaan projek.
Abiding by the law, squatters moved out of their homes to make way for the project



Gambar 16: Unit setinggan yang terlibat dengan Projek Pembinaan Depoh KTMB di Tumpat, Kelantan
Picture 16: Squatter homes obstructing the KTMB Depot Construction Project in Tumpat, Kelantan

PEMANTAUAN DAN KOORDINASI PENGUATKUASAAN
MONITORING AND ENFORCEMENT COORDINATION


AKTIVITI PEMANTAUAN

Selain penguatkuasaan, aktiviti pemantauan tanah-tanah kereta api turut diadakan secara berkala dan *ad hoc* sekiranya terdapat aduan atau makluman daripada pihak-pihak berkaitan. Bagi tujuan pemantauan secara berkala, tanah-tanah kereta api dibahagikan kepada tiga zon iaitu Zon Satu (Kuala Lumpur, Selangor), Zon Dua (Kelantan, Pahang, Kedah, Perlis) dan Zon Tiga (Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Perak). Sepanjang 2018, sebanyak 20 aktiviti pemantauan dilakukan di Zon 1 memandangkan kawasan tersebut melibatkan banyak jajaran aktif selain kerap menerima aduan. Sebanyak 18 aktiviti pemantauan juga dilakukan di Zon 2 manakala 15 aktiviti pemantauan dibuat di Zon 3.

ENFORCEMENT ACTIVITIES

Apart from enforcement, ad hoc and periodical monitoring activities had also been carried out on railway land, especially if there was a report or complaints from any relevant quarters. For periodical monitoring purposes, railway land were divided into three (3) zones, namely Zone One (Kuala Lumpur, Selangor), Zone Two (Kelantan, Pahang, Kedah, Perlis) and Zone Three (Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Perak). Throughout 2018, a total of 18 monitoring activities were mounted in Zone 2 and 15 in Zone 3.

PROJEK PEMBINAAN DEPOH KTMB DI PADANG TENGKU
CONSTRUCTION OF KTMB DEPOT AT PADANG TENGKU



Graf 4 : Kekerapan aktiviti pemantauan yang dilakukan sepanjang 2018
Graph 4 : Frequency of monitoring activities conducted throughout 2018





Gambar 17: Lawatan pemantauan dengan menaiki troli
Picture 17: Monitoring visit on a trolley

PENYELENGGARAAN DAN PELUPUSAN ASET KERETA API
MAINTENANCE AND DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

PENYELENGGARAAN DAN PELUPUSAN ASET SERTA INFRASTRUKTUR KERETA API

Sebagai pemilik aset dan infrastruktur kereta api, RAC bertanggungjawab dalam memastikan aset dan infrastruktur tersebut dipantau, diselenggara dan dibaik pulih supaya ia sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Buat masa ini, kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan dan baik pulih aset dan infrastruktur kereta api yang terlibat dengan operasi adalah di bawah tanggungjawab KTMB manakala bagi kawasan luar daripada operasi tugas tersebut dilakukan oleh RAC.

Kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan dan pelupusan dilaksanakan untuk:

MAINTENANCE AND DISPOSAL OF ASSETS AS WELL AS RAILWAY INFRASTRUCTURE

As an asset and infrastructure owner, RAC is responsible for ensuring that all railway assets are monitored, well-managed and maintained so that they are always in good working order and safe to use. At present, monitoring, managing and maintenance of operational railway assets and infrastructure are under KTMB's purview while RAC handles non-operational areas.

Monitoring, maintenance and disposal works are undertaken for the purposes below:




Rajah 12: Tujuan kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan dan pelupusan dilaksanakan
Diagram 12: The purpose of monitoring, maintenance and disposal works is carried out

PENYELENGGARAAN DAN PELUPUSAN ASET KERETA API
MAINTENANCE AND DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

Selain itu, aset dan infrastruktur kereta api yang rosak dan tidak ekonomi untuk dibaik pulih akan menjalani proses pelupusan oleh RAC mengikut Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012). Infrastruktur dan aset kereta api yang dipantau dan dilupuskan pada tahun semasa adalah seperti berikut:

Apart from that, damaged railway assets and infrastructure which are no longer economical for repair, will go through RAC's disposal process in accordance with the Government Immovable Asset Management Procedure (General Order No. 2 Year 2012). Railway infrastructure and assets monitored and disposed of during the current year are as follows:




Rajah 13: Aset dan infrastruktur kereta api yang dibuat pemantauan prestasi dan dilupuskan
Diagram 13: Railway assets and infrastructure monitored for performance evaluation and disposal

Pada tahun semasa, sebanyak 30 aktiviti pemantauan terhadap aset kereta api melibatkan depoh, kuarters, stesen dan infrastruktur kereta api dilakukan dengan 23 kes telah diselesaikan. Sebahagian besar aktiviti pemantauan dilakukan berikutan aduan yang diterima. Bagi kes-kes yang masih dalam tindakan, terdapat keperluan bagi RAC untuk mendapatkan ulasan teknikal daripada pihak-pihak berkepentingan seperti pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) dan lain-lain.

During the current year, 30 monitoring activities on railway assets involving depots, quarters, stations and railway infrastructure were conducted, with 23 cases resolved. Most of the monitoring activities were carried out following complaints received. For cases which were being resolved, there was a need for the RAC to obtain technical review from the relevant parties such as the Public Works Department (PWD), Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), and others.

PENYELENGGARAAN DAN PELUPUSAN ASET KERETA API
MAINTENANCE AND DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS



Graf 5 : Jumlah aktiviti pemantauan dan penyelenggaraan yang dilaksanakan pada 2018
Graph 5 : Number of monitoring and maintenance activities conducted in 2018



Gambar 18 : Aktiviti pemantauan aset yang dilaksanakan pada 2018
Picture 18 : Asset monitoring activities conducted in 2018

PENYELENGGARAAN DAN PELUPUSAN ASET KERETA API
MAINTENANCE AND DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

PEROLEHAN *PROCUREMENT*	JAJARAN/ KAWASAN KERETA API *RAILWAY AREA/ ALIGNMENT*	KONTRAKTOR PELUPUSAN *DISPOSAL CONTRACTOR*	JENIS MATA BENDA TERPAKAI *TYPES OF USED ITEMS*	NILAI *VALUE* (RM)
SEBUT HARGA *QUOTATION*	KVDT Lembah Klang	Ace International (M) Sdn. Bhd.	Rel Landasan & Pelbagai *Rail Track & Various*	559,500.00
TENDER	Yad Mentakab, Pahang	A.D. Metal & Trading Sdn Bhd.	Rel Landasan *Rail Track* (BS80A & UIC54kg)	12,301,742.40
	Yad Pinang Tunggal, Pulau Pinang			
	Yad Taiping, Perak			
	Yad Tanjung Rambutan, Perak			
JUALAN KEPADA KONRAKTOR PROJEK DI BAWAH SELIAAN MOT *SALES TO PROJECT CONTRACTORS UNDER MOT SUPERVISION*		SIPP-YTL JV	Pelbagai *Various*	3,536,228.00
		SCHB Engineering Sdn. Bhd.	Rel Landasan *Rail Track*	2,052,800.00
JUALAN RUNCIT *RETAIL SALES*		Pelbagai *Various*	Penggalas Kayu *Wooden Bearing Pads*	25,750.00
JUMLAH *TOTAL*				**18,476,020.40**

Jadual 11: Nilai mata benda terpakai yang dilupuskan sehingga 31 Disember 2018
Table 11: Value of used items disposed of as at 31 December 2018

Jadual di atas menunjukkan jumlah hasil yang diterima RAC daripada aktiviti pelupusan aset dan infrastruktur kereta api yang berjumlah RM18,476,020.40 sepanjang 2018. Sebagaimana lazim, aset-aset yang dilupuskan terdiri daripada aset yang dikategorikan pada Gred C dan D, yang tidak lagi sesuai digunakan untuk tujuan operasi.

Bagi aset yang dikategorikan sebagai gred C, pelupusan terbesar yang dilaksanakan oleh RAC pada 2018 adalah melalui proses tender terbuka yang melibatkan pelupusan rel lusuh dan terpakai jenis BS80A serta UIC54kg di Yad Mentakab, Pahang, Yad Pinang Tunggal, Pulau Pinang, Yad Taiping, Pulau Pinang, dan Yad Tanjung Rambutan, Perak, yang mendatangkan nilai hasil sebanyak RM12,301,742.40 kepada RAC. Selain itu, pelupusan aset bagi Gred C turut dibuat bagi aset-aset yang disimpan di

The table above shows revenue received by the RAC from railway asset and infrastructure disposal activities totalling RM18,476,020.40 throughout 2018. Generally, assets disposed of are categorised under Grade C and D, which are no longer suitable for operational purposes.

For assets categorised under Grade C, the largest disposal carried out by the RAC in 2018 was via the open tender process involving disposal of obsolete and used inventory type BS80A as well as UIC54kg at Yad Mentakab, Pahang, Yad Pinang Tunggal, Pulau Pinang, Yad Taiping, Perak and Yad Tanjung Rambutan, Perak, which contributed total revenue of RM12,301,742.40 to RAC. Besides that, asset disposal for Grade C was also undertaken for those kept at Yad

PENYELENGGARAAN DAN PELUPUSAN ASET KERETA API
MAINTENANCE AND DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

Yad Serendah, Selangor. Aset-aset tersebut terdiri daripada rel dan pelbagai aset lain hasil daripada Projek Menaik Taraf Landasan Sektor Lembah Klang (KVDT).

Bagaimanapun, terdapat juga pelupusan yang dibuat pada tahun semasa melibatkan kategori aset Gred B. Pelupusan ini adalah secara jualan kepada kontraktor projek bagi kegunaan projek. Merujuk kepada jadual, pelupusan aset ini dibuat bagi kegunaan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas–Johor Bahru dan Projek Perolehan Kerja-Kerja Tambahan Menaik Taraf Di Kawasan 'Gorge Line' Antara Stesen Halogilat (KM111) Ke Stesen Tenom (KM137.9) bagi Jabatan Kereta Api Negeri Sabah. Pelupusan yang dibuat melalui kaedah ini telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

Selain itu, terdapat juga aktiviti pelupusan aset yang dibuat melalui permohonan oleh individu dalam kuantiti sedikit melibatkan penggalas kayu (wooden slepper) bagi tujuan pembinaan landskap dan hiasan.

Serendah, Selangor. The assets comprised railway and various assets generated from the Klang Valley Double Track (KVDT) project.

However, the RAC also disposed of assets under Grade B category during the current year. The disposal was undertaken through sales to contractors for project use. With regards to the schedule, asset disposal was used for the Gemas-Johor Bahru Electrified Double Tracking Railway Project and upgrading works at the Gorge Line area between the Halogilat (KM111) and Tenom railway stations (KM137.9) for Sabah State Railway Department. The disposal procedure has received the approval from the Ministry of Finance.

Other asset disposal activities were carried out through applications from individuals for small quantities of wooden sleepers for landscaping and decoration purposes.





Gambar 19 : Sesi taklimat dan lawatan tapak bagi tender terbuka pelupusan rel lusuh dan terpakai milik RAC
Picture 19 : Briefing session and site visit for open tender disposal of RAC's scrap materials

PENYELENGGARAAN DAN PELUPUSAN ASET KERETA API
MAINTENANCE AND DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS



Gambar 20: Pembekalan mata benda terpakai bagi kegunaan projek-projek di bawah selian Kementerian Pengangkutan

Picture 20: Supply of used railways assets for projects under the Ministry of Transport's supervision



SEKSYEN 4 :
MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN KEMUDAHAN SEKTOR REL

SECTION 4:
BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING INFRASTRUCTURE OF RAIL SECTOR



PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS

Bagi mendukung hasrat Kerajaan memperkasa sektor pengangkutan awam negara, RAC sentiasa komited dalam melaksanakan pembangunan projek-projek berkaitan rel serta meningkatkan kemudahan dan infrastruktur sedia ada di stesen-stesen kereta api. Hasrat ini direalisasikan menerusi usaha pemajuan dan pemajuan semula infrastruktur atau kemudahan kereta api seperti yang termaktub di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463).

In support of the Government's aspiration to empower the country's public transportation sector, the RAC is committed to implementing rail-related development projects as well as to improving existing facilities and infrastructure at railway stations. The aspiration was realised through the development and re-development of railway infrastructure or facilities as stipulated under the Railways Act 1991 (Act 463).

PROJEK USAHA SAMA DENGAN SWASTA

Dalam membangunkan tanah-tanah kereta api, kajian daripada aspek pulangan kepada RAC, teknikal, daya maju cadangan projek pembangunan, *Need Statement* sesuatu projek dan analisis kewangan perlu dibuat sebelum projek pembangunan tersebut dilaksanakan. Pertimbangan yang diambil kira meliputi perancangan zon kegunaan tanah, impak kepada industri kereta api, masyarakat dan alam sekitar.

Berikut adalah jenis-jenis pulangan yang boleh dipertimbangkan oleh RAC dalam melaksanakan projek usaha sama dengan pihak swasta sebelum perancangan sesuatu projek dimuktamadkan.

JOINT VENTURE WITH PRIVATE SECTOR

In developing railway land, a study on the aspects of returns to the RAC, the feasibility of the proposed development project, a Need Statement for a particular project and a financial analysis need to be carried out before the proposed project is finalised. Matters that should be taken into consideration include the planning of land zones, impact on the railway industry, the local community and the environment.

The following are the types of returns that could be considered by the RAC for joint venture projects with the private sector before any project plan is finalised.



Rajah 14: Jenis pulangan yang dinikmati RAC hasil usaha sama dengan pihak swasta
Diagram 14: Types of returns enjoyed by RAC as a result of joint ventures with the private sector

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS

Berdasarkan rancangan Pelan Perniagaan RAC 2019-2021, projek pembangunan tanah kereta api telah digariskan sebagai satu daripada teras strategik dalam usaha Perbadanan ini meningkatkan pendapatan sekali gus memastikan hasil yang berterusan.

Sehingga Disember 2018, RAC memiliki aset berjumlah RM17 bilion yang meliputi tanah seluas 12,446 hektar, bangunan, stesen, depoh, infrastruktur kereta api dan *rolling stock*. Satu daripada aset berkenaan iaitu tanah kereta api merupakan aset terbesar yang dimiliki Perbadanan ini yang bernilai kira-kira RM8.4 bilion daripada jumlah keseluruhan aset yang dimiliki.

Pembangunan tanah-tanah kereta api milik RAC telah dimulakan pada 2009 dengan projek pertama merupakan Cadangan Pembangunan Komersial Dan Kemudahan Tempat Letak Kereta Di Atas Tanah Rizab Kereta Api di Lot 853, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor secara pajakan selama 60 tahun. Pada ketika itu, perancangan projek pembangunan kereta api diproses berdasarkan cadangan permohonan yang diterima daripada syarikat-syarikat yang berminat dalam memajukan tanah-tanah kereta api.

Pada 2018, sebanyak lapan (8) permohonan cadangan diterima oleh RAC. Berikut adalah jumlah permohonan pembangunan tanah yang diterima dari 2016 hingga 2018:

Under the RAC Business Plan 2019-2021, development of railway land has been underlined as one of the Corporation's strategic thrusts to boost income and ensuring sustainable revenue.

As of December 2018, RAC owns assets worth RM17 billion, which include 12,446 hectares of land, buildings, stations, depots, railway infrastructure and rolling stocks. The Corporation's largest asset is railway land with an estimated value of RM8.4 billion.

Development of RAC railway land started since 2009 with the first project being the proposed commercial development and car park facilities on railway reserve land at Lot 843, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor on 60-year lease. During that time, planning of development projects was based on proposals received from private companies which were interested in developing railway land.

In 2018, eight (8) applications were received by RAC. Following are the total applications for land development received from 2016 to 2018:

TAHUN *YEAR*	JUMLAH CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN YANG DITERIMA (RUNDINGAN) *NUMBER OF DEVELOPMENT PROPOSALS RECEIVED (IN NEGOTIATION)*
2018	8
2017	9
2016	8

Jadual 12: Jumlah cadangan permohonan projek pembangunan yang diterima (rundingan) dari 2016 hingga 2018
Table 12: Number of applications for railway land development received (in negotiation) from 2016 to 2018

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS

Berdasarkan proses memuktamadkan cadangan projek pembangunan yang dibuat sebelum ini, kertas cadangan pembangunan yang diterima akan dibawa ke Jawatankuasa Kerja Pembangunan RAC dan Lembaga Pengarah RAC untuk dinilai daripada segi pulangan yang diterima oleh RAC dan kesesuaian projek yang akan dibangunkan.

Cadangan pembangunan tersebut seterusnya diperhalusi di peringkat Kementerian Pengangkutan, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), KTMB dan jabatan serta agensi lain yang berkaitan sebelum dibawa untuk pertimbangan dan kelulusan YB Menteri dan Jemaah Menteri.

Namun begitu, kesemua rundingan bagi cadangan projek pembangunan ini tidak dapat diteruskan berikutan pertukaran pentadbiran dan hala tuju Kerajaan baharu pada Mei 2018. Hanya satu (1) cadangan projek yang diterima pada 2017 telah diberi kelulusan prinsip iaitu cadangan pembangunan di atas Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur. Bagi dua (2) lagi projek, status masing-masing masih belum dimuktamadkan. Projek-projek tersebut adalah:

i. Cadangan pembangunan bercampur di atas Lot 20924 dan Lot 20925 Mukim Damansara, Petaling Jaya, Selangor. Cadangan pembangunan ini diterima pada tahun 2010; dan

ii. Cadangan pembangunan tanah di atas Lot 310, Lot 311, Lot 353 dan Lot 355, Bangsar, Kuala Lumpur.

Sejak penubuhan RAC, setiap projek pembangunan yang dilaksanakan Perbadanan ini menitikberatkan penggunaan konsep pembangunan berorientasikan transit. Konsep pembangunan ini selari dengan hasrat Kerajaan yang mahukan projek pembangunan yang dilaksanakan pada masa kini mempunyai jaringan pelbagai pengangkutan dan saling berhubung kait. Konsep pembangunan seperti ini juga akan mewujudkan perbandaran

Any proposal received by the RAC will be reviewed by the RAC Development Working Committee and the RAC Board of Directors based on the criteria as previously practised, in terms of its returns to the Corporation and the feasibility of the project to be developed.

The proposal will be scrutinised further by The Ministry of Transport, Public-Private Partnership Unit (UKAS), Land Public Transport Commission (SPAD), KTMB and other relevant Government departments and agencies until it is presented to the Minister and the Cabinet for consideration and approval.

However, all negotiations for the proposed development projects could not be carried out due the change of administration and the directions of the new Government in May 2018.

Only one (1) proposal received in 2017 was approved in principle, that is the proposed development on Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur. For two (2) other projects, the status for each project had not been finalised. The projects are:


i. Proposed mixed development on Lot 20924 and Lot 20925 Mukim Damansara, Petaling Jaya, Selangor was received in 2010; and

ii. Proposed land development on Lot 310, Lot 311, Lot 353 and Lot 355, Bangsar, Kuala Lumpur.

Since RAC's inception, every development project undertaken by the Corporation is based on Transit Oriented Development (TOD). This concept is in line with the Government's aspiration that current development projects provide linkages to the public transit system offering various modes of transportation. Such a concept will also create a sustainable city, lower greenhouse gas emissions, alleviate traffic congestion and reduce air pollution.

mampan serta membantu mengurangkan pengeluaran karbon hasil daripada penurunan penggunaan kenderaan persendirian, sekali gus mengurangkan kesesakan trafik dan pencemaran udara. Situasi ini diakui oleh Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dalam dokumen bertajuk Masa Depan Pembangunan Berorientasikan Transit yang diterbitkan pada Januari 2017 iaitu apabila projek pembangunan bercampur terletak di stesen transit, ia dapat memaksimumkan penumpang pengangkutan awam, menyokong perniagaan tempatan dan menjadikan kawasan kejiranan sebagai tempat yang sesuai untuk hidup dan bekerja.

Cognisant of the situation, the Malaysian Industrial Development Berhad (MIDF) has in its document titled The Future of Transit Oriented Development (issued in January 2017) stated that when a mixed development project is located close to a transit station, it can maximise public transport ridership, support local businesses and make the neighbourhood a vibrant place to live and work in.




Rajah 15: Amalan terbaik Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)
Diagram 15: Transit Oriented Development (TOD) best practices

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS

Berikut adalah faedah yang boleh dinikmati hasil daripada pembangunan berorientasikan transit (TOD):

Following are benefits to be enjoyed from a transit oriented development (TOD):



Rajah 16: Infografik Konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)
Diagram 16: Infographic on Transit Oriented Development (TOD) concept

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS

Sehingga 2018, sebanyak empat (4) projek pembangunan tanah kereta api berjaya dimuktamadkan iaitu projek pembangunan KL Eco City, Kajang 2, Penang Sentral dan Brickfields. Sebanyak tiga (3) projek iaitu KL Eco City, Penang Sentral dan Brickfields sudah diproses dan dirunding di peringkat Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebelum diluluskan oleh Jemaah Menteri. Bagi Kajang 2, projek pembangunan ini diluluskan oleh Jemaah Menteri selepas diperhalusi oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC memandangkan status projek ini melibatkan pajakan tanah. Keempat-empat projek ini memberi pulangan minimum kepada RAC sebanyak RM284.67 juta yang merangkumi pembayaran secara one-off atau berperingkat. Ringkasan projek-projek berkenaan adalah seperti berikut:

As of 2018, four (4) railway land development projects were finalised namely Eco City, Kajang 2, Penang Sentral and Brickfields. Three (3) projects, KL Eco City, Penang Sentral and Brickfields have been processed and negotiated at the Public-Private Partnership Unit (UKAS) and Prime Minister's Department's levels before obtaining approval from the Cabinet. For Kajang 2, the development project was approved by the Cabinet after being scrutinised by the RAC Board of Directors Meeting as the status involved leased land. All four projects generate minimum returns of RM284.67 million for the RAC consisting of one-off or gradual payment. A summary of the projects is as follows:

PROJEK *PROJECT*	NAMA SYARIKAT *NAME OF COMPANY*	JENIS PULANGAN *TYPES OF RETURNS*	TARIKH PERJANJIAN *DATE OF AGREEMENT*	STATUS *STATUS*
Kajang 2	Srijang Kemajuan Sdn. Bhd.	*In Kind* dan Tunai *In Kind and Cash*	12 Oktober 2012 *12 October 2012*	Dalam pembinaan *Under construction*
KL Eco City	KL Eco City Sdn. Bhd.	*In Kind* dan Tunai *In Kind and Cash*	5 Mac 2013 *5 March 2013*	Siap *Completed*
Penang Sentral	Penang Sentral Sdn. Bhd.	Tunai *Cash*	11 Mac 2014 *11 March 2014*	Siap *Completed*
Menara Pejabat Brickfields *Brickfields Tower Office*	Arah Asas Sdn. Bhd.	*In Kind*	7 Mac 2016 *7 March 2016*	Dalam pembinaan *Under construction*

Jadual 13: Senarai projek pembangunan tanah kereta api yang dimuktamadkan oleh RAC sehingga 2018
Table 13: List of railway development projects finalised by the RAC as of 2018

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS

Berikut adalah butiran lanjut mengenai projek pembangunan yang dilaksanakan sehingga 2018:

Following are details on the development projects which were implemented as of 2018:

STESEN KERETA API KAJANG 2
STESEN KERETA API KAJANG 2



Projek:
Pajakan 60 tahun di atas tanah rizab kereta api di Lot 853, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor bagi tujuan pembangunan komersial dan kemudahan tempat letak kereta.

Pulangan kepada RAC:
Pembinaan stesen komuter yang baharu; dan Pemberian hasil pulangan tunai setiap tahun untuk tempoh 60 tahun.

Luas pembangunan:
4,868.13 mp

Kemudahan:
Stesen kereta api, kiosk, pusat penerangan pelancongan dan sebagainya.

Status:
53 peratus

Project:
60-year lease on railway reserve land at Lot 853, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor for commercial development and carpark facility.

Returns to RAC:
Construction of new commuter station; and annual cash returns for 60 years.

Project size:
4,868.13 sqm

Facilities:
Railway station, kiosk, tourism information centre, etc.

Status:
53 per cent

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS

STESEN KERETA API ABDULLAH HUKUM
ABDULLAH HUKUM RAILWAY STATION





Projek:
Cadangan tambahan dan pengubahsuaian Stesen LRT Abdullah Hukum sedia ada dan cadangan pembangunan sebuah stesen komuter tiga tingkat di atas sebahagian tanah rizab kereta api yang diintegrasikan dengan Stesen LRT Abdullah Hukum sedia ada.

Pulangan kepada RAC:
Stesen kereta api baharu dan ruang pejabat seluas 12,279 kps (diserahkan kepada RAC pada Oktober 2016).

Status:
Stesen siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada 28 Oktober 2018.

Project:
Extension and renovation of the existing Abdullah Hukum LRT Station and construction of three-storey commuter station on part of railway reserved land to be integrated with the existing Abdullah Hukum LRT Station.

Returns to RAC:
New railway station and office space measuring 12,279 sq ft (had been handed over to the RAC in October 2016)

Status:
The station was fully completed and became operational on 28 October 2018.





PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS



MENARA SENTRAL RAC

Projek:
Cadangan penswastaan pembangunan tanah milik Perbadanan Aset Keretapi di PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur.

Pulangan kepada RAC:
Menara pejabat di Brickfields merangkumi ruang pejabat kira-kira 158,091 kaki persegi; dan ruang komersial tidak kurang 8,000 kaki persegi serta kemudahan lain.

Status:
Keputusan muktamad Jemaah Menteri diperoleh pada 30 Oktober 2015.

Kronologi:
- Perjanjian ditandatangani pada 7 Mac 2016.
- Perintah Pembangunan diperoleh pada 27 Oktober 2017.
- Kelulusan Pelan Bangunan dijangka diperoleh pada Januari 2019

Project:
Proposed privatisation of Railway Assets Corporation-owned land development on PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur.


Returns to RAC:
Offer tower in Brickfields comprising office space measuring not less than 158,091 sq ft; and commercial space not less than 8,000 sq ft as well as other facilities.

Status:
Final decision from the Cabinet was obtained on 30 October 2015.

Chronology:
- *Agreement signed on 7 March 2016.*
- *Development Order was obtained on 27 October 2017.*
- *Application for Building Plan expected to be obtained in January 2019*

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS

PENANG SENTRAL



Projek:
Cadangan Pembangunan Terminal Pengangkutan Bersepadu, Penang Sentral oleh Penang Sentral Sdn Bhd.

Pulangan kepada RAC:
Tunai berjumlah RM41.19 juta.

Status:
Selesai sepenuhnya.

Project:
Proposed Development of Integrated Transportation Terminal, Penang Sentral by Penang Sentral Sdn Bhd.

Returns to RAC:
Total cash of RM41.19 million.

Status:
Fully completed.

Pada 2018, terdapat dua projek pembangunan yang masih dalam peringkat rundingan bagi memuktamadkan perjanjian iaitu:

In 2018, two development projects were still in the agreement stage of negotiation, namely:

SEREMBAN SENTRAL



Projek:
Pembangunan Seremban Sentral, Seremban, Negeri Sembilan

Pulangan kepada RAC:
- Hab pengangkutan;
- Penggantian 55 unit kuarters ; dan
- Tunai.

Kelulusan Jemaah Menteri diterima pada 25 Februari 2015.

Status:
Pembinaan Fasa 1, PR1MA

Project:
Development of Seremban Sentral, Seremban, Negeri Sembilan

Returns to RAC:
- *Transportation hub;*
- *Replacement of 55 units of quatters ; and*
- *Cash.*

Cabinet approval received on 25 February 2015.

Status:
Phase 1, PR1MA under construction

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS



STESEN KERETA API SEGAMBUT DALAM
SEGAMBUT DALAM RAILWAY STATION

Projek:
Pembinaan Stesen Komuter KTM baharu dua (2) tingkat di atas tanah rizab kereta api di KM379.32 dilengkapi kemudahan *Park & Ride* diintegrasikan dengan pembangunan bercampur di atas Lot 438 dan kawasan perumahan sedia ada melalui pembinaan sebuah jejantas pejalan kaki di tingkat satu merentasi tanah rizab kereta api dan laluan pejalan kaki berbumbung di Mukim Batu, Kuala Lumpur.

Pulangan kepada RAC:
Pembinaan stesen komuter baharu dan kemudahan *Park & Ride.*

- Kelulusan dan kebenaran merancang diperoleh pada 5 Januari 2016.

Status:
Dalam peringkat memeterai perjanjian.

Project:
Construction of a new double-storey commuter station on railway reserve land at KM379.32 to be equipped with Park & Ride facility and integrated with the mixed development on Lot 438 and the existing residential area through the construction of a pedestrian bridge between the railway reserve land and covered walkway at Mukim Batu, Kuala Lumpur.

Returns to RAC:
New commuter station with Park & Ride Facility.

- *Approval and planning permit had been obtained on 5 January 2016.*

Status:
In agreement signing process.

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API
RAILWAY DEVELOPMENT PROJECTS

Selain daripada memproses permohonan pembangunan yang diterima, RAC turut menerima permohonan ulasan terhadap cadangan pembangunan bagi tanah-tanah bersebelahan dengan tanah kereta api daripada pihak PBT atau pemilik projek pembangunan tersebut. Tindakan ini adalah selaras dengan Seksyen 21 (6), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, di mana, adalah menjadi hak RAC selaku pemunya tanah berjiran untuk mengemukakan bantahan terhadap permohonan pembangunan yang hendak dilaksanakan.

Apart from processing the development applications, the Corporation also received applications for reviews on development proposals for land adjacent to railway land from the local authority or owner of the development project. This action is in accordance with Section 21 (6), of the Town and Country Planning Act 1976 whereby RAC, as the owner of the adjacent land, has the right to submit a protest against the proposed development.

TAHUN *YEAR*	JUMLAH ULASAN TANAH BERSEBELAHAN YANG DITERIMA RAC *NUMBER OF REVIEWS OF ADJACENT LAND RECEIVED BY RAC*
2018	15
2017	23
2016	3

Jadual 14: Jumlah permohonan ulasan pembangunan tanah bersebelahan dari 2016 hingga 2018
Table 14: Number of applications for reviews on development of adjacent land received from 2016 to 2018

Merujuk kepada jadual di atas, terdapat pengurangan dalam jumlah permohonan ulasan bagi pembangunan tanah bersebelahan iaitu sebanyak lapan (8) kes daripada 23 kes pada 2017 kepada 15 kes pada pada tahun semasa. Pengurangan ini disebabkan permintaan pasaran yang rendah terhadap projek-projek pembangunan berikutan kebanjiran lot-lot kedai dan pasaran pejabat yang masih belum terjual. Perkara ini disokong oleh laporan penyelidikan daripada Penasihat Hartanah Knight Frank Malaysia untuk suku kedua 2018, dengan pasaran pejabat dan runcit dijangka kekal mencabar disebabkan paras bekalan yang meningkat.

Dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan kereta api yang lebih cekap dan efektif, RAC dan Kerajaan Persekutuan (melalui Kementerian Pengangkutan) menyediakan peruntukan yang secukupnya bagi melaksanakan projek-projek yang telah dikenal pasti.

Referring to the table above, the number of applications for reviews for proposed development on adjacent land dropped by eight (8) cases from 23 cases received in 2017 to 15 cases in the current year. The decline was due to the fall in demand for development projects as a result of a glut of shop lots and office space which were still unsold. This is supported by a research report from Real Estate Consultant Knight Frank Malaysia for the second quarter 2018, which forecast the office and retail market outlook to remain challenging due to the increasing high supply pipeline.

In a bid to provide a more efficient and effective railway infrastructure and facilities, the RAC and the Federal Government (through the Ministry of Transport) had set aside ample allocation to implement identified projects.


PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KERETA API
RAILWAY INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS

Projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan kereta api yang dilaksanakan RAC merangkumi:

Among the railway infrastructure and facilities development projects undertaken by the RAC are as follows:

i. *PARK & RIDE*

i. PARK & RIDE



Rajah 17: Infografik mengenai Park & Ride
Graph 17: Infographic on Park & Ride

Park & Ride merupakan satu daripada inisiatif yang digariskan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) peringkat Kementerian Pengangkutan bagi memperbaiki kemudahan awam di stesen-stesen komuter. Melalui konsep ini, kawasan tempat letak kereta yang selesa dibina bagi membolehkan penumpang-

Park & Ride is an initiative outlined under the National Key Result Areas (NKRA) for the Ministry of Transport to improve public amenities at commuter/railway stations. Through the Park & Ride concept, more comfortable parking lots were built to enable passengers to park their vehicles at a safe

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KERETA API
RAILWAY INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS

penumpang kereta api meletakkan kenderaan mereka di dalam kawasan parkir yang selamat. Selain tempat letak kereta, kemudahan turut disediakan seperti tandas, lampu jalan, *walkway* dan kemudahan kamera litar tertutup (CCTV).

Dalam hal ini, RAC selaku pemilik aset telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai perunding projek fizikal selaras dengan Arahan 1 Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 3.1: Perolehan Perkhidmatan Perunding.

- ***PARK & RIDE* KLANG**
  Cadangan pembinaan tempat letak kereta di stesen ini merangkumi :

  a) Bangunan tempat letak kenderaan empat (4) tingkat dengan 600 lot parkir;
  b) Tempat letak motosikal dengan 80 lot parkir;
  c) Kawasan mengambil dan menurun penumpang *(drop by zone)* bagi bas, teksi dan kenderaan awam;
  d) Ruang niaga (kiosk);
  e) Kemudahan OKU dan mesra pengguna; dan
  f) Kawalan keselamatan CCTV.

place. Apart from car park, other facilities were also provided, such as toilets, street light, pedestrian walkway and closed circuit television cameras.

In this regard, RAC as the assets owner had appointed the Public Works Department (PWD) as the consultant for the physical projects in line with the Order 1 Malaysian Treasury Circular PK 3.1: Procurement of Consulting Services.

- ***PARK & RIDE KLANG***
  The proposed construction of car park at this station consisted of the following:

  a) A four-storey car park building with 600 parking spaces;
  b) A total of 80 spaces for motorcycles;
  c) Passengers' drop by zone for buses, taxis and private vehicles;
  d) Kiosks;
  e) Facilities for Persons with Disabilities (OKU); and
  f) CCTV surveillance system.


MAKLUMAT PROJEK/ *PROJECT INFORMATION*

Tarikh Masuk Tapak/
***Date of Commencement* :**
15 Jun *June* 2015

Tarikh Dijangka Siap Kerja/
***Expected Date of Completion*:**
24 Julai *July* 2019

Kos Projek/*Project Cost* :
RM28,911,820.33

Kemajuan Kerja Sehingga 31/12/2018/
***Status as at 31/12/2018* :**
84% siap *completed*





Gambar 22: Illustrasi dan keadaan di tapak pembinaan *Park & Ride* Stesen Keretapi Klang
Picture 22: Situation illustration at the construction site of Park & Ride Railway Station, Klang

ii. *PARKWAY DROP ZONE*


Parkway Drop Zone (PDZ) merupakan integrasi perkhidmatan di antara bas dan rel untuk kegunaan pengguna kereta api yang menyediakan kemudahan asas lain agar keselesaan dan keselamatan pengguna, kenderaan dan pengangkutan awam terjamin.

Pembangunan kemudahan ini meliputi penyediaan ruang yang selesa di kawasan lobi dan kemudahan *drop by zone* untuk teksi, bas dan kenderaan awam lain. Kemudahan ini disediakan bagi membolehkan penumpang perkhidmatan rel diturunkan di tempat yang selamat selain mengelak gangguan lalu lintas yang sering berlaku di hadapan stesen komuter.

ii. *PARKWAY DROP ZONE*

Parkway Drop Zone (PDZ) is an integrated bus and rail service providing other basic amenities for the convenience and safety of passengers, their vehicles and the public transport.

The development of this facility includes comfortable waiting area (lobby) and the drop by zone for taxis, buses and other public transport. This is to allow railway users to be dropped off in a safe area and hence, avoid the rampant traffic disruptions in front of the commuter station.



Rajah 18: Infografik mengenai Parkway Drop Zone
Diagram 18: Infographic on Parkway Drop Zone

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KERETA API
RAILWAY INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS

- **PDZ DI STESEN KOMUTER SERDANG**

  Skop projek adalah seperti berikut:

  a) Membina kemudahan *drop by zone* baharu yang bersesuaian untuk pengangkutan awam (bas, teksi, dan kenderaan awam) termasuk kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU).
  b) Menaik taraf ruang lobi stesen yang dihubungkan dengan kawasan *drop by zone*.
  c) Menaik taraf jejantas sedia ada mengikut keperluan dan kesesuaian kepada pengguna termasuk kemudahan untuk OKU.
  d) Cadangan pembangunan adalah mesra pengguna OKU dan mesra penumpang.

- ***PDZ AT SERDANG COMMUTER STATION***

  The scopes of the project are as follows:

  a) To build a new drop by zone suitable for public transport (bus, taxi and public vehicle) as well as facilities for Persons with Disabilities (OKU)
  b) To upgrade the lobby area of the station connected to the drop by zone.
  c) To upgrade existing bridge to meet the requirement of passengers, including OKU.
  d) Development proposed is passenger and OKU-friendly.

MAKLUMAT PROJEK/ *PROJECT INFORMATION*

Tarikh Masuk Tapak
Date of Commencement **:**
4 Januari *January* 2016

Tarikh Dijangka Siap Kerja
Expected Date of Completion**:**
16 Januari *January* 2018

Kos Projek/*Project Cost* :
RM10,619,743.24

Kemajuan Kerja Sehingga 31/12/2018
Status as at 31/12/2018 **:**
Siap sepenuhnya *Fully completed*






Gambar 23: PDZ Stesen Komuter Serdang yang siap dibina
Picture 23: Serdang PDZ which had been completed

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR KERETA API
RAILWAY INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS

- **PDZ DI STESEN BATU 3**

Skop projek adalah seperti berikut:

a) Membina kemudahan *drop by zone* baharu yang bersesuaian untuk pengangkutan awam (bas, teksi, dan kenderaan awam) termasuk kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU).
b) Membina laluan pejalan kaki berbumbung.
c) Membina 15 unit kuarters Kelas H di Klang.

- ***PDZ AT BATU 3 STATION***

The scopes of the project are as follows:

a) To build a new drop by zone suitable for public transportation (bus, taxi and public transport) including facilities for OKU.
b) To build covered pedestrian walkway.
c) To build 15 units of Class H workers' quarters in Klang

MAKLUMAT PROJEK/ *PROJECT INFORMATION*

Tarikh Masuk Tapak
Date of Commencement **:**
4 Januari *January* 2017

Tarikh Dijangka Siap Kerja
Expected Date of Completion**:**
3 September 2018

Kos Projek/*Project Cost*:
RM11,392,116.80

Kemajuan Kerja Sehingga 31/12/2018
Status as at 31/12/2018**:**
98% siap *completed*






Gambar 24: Stesen Komuter Batu 3 yang siap dibina
Picture 24: Batu 3 PDZ which had been completed



SEKSYEN 5:
PENGURUSAN ADUAN DAN MENGUTAMAKAN PELANGGAN

SECTION 5:
MANAGING COMPLAINTS AND PRIORITISING CUSTOMERS



PENGURUSAN ADUAN
COMPLAINTS MANAGEMENT

Pengumuman Kerajaan untuk menukar status Biro Pengaduan Awam (BPA) menjadi Ombudsman Malaysia membuktikan Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan semua aduan awam dapat diselesaikan secara cekap, adil dan berkesan dengan mengenal pasti langkah-langkah yang efektif untuk menangani aduan.

Pengumuman itu dibuat oleh Perdana Menteri YAB Tun Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) pada September 2018. Langkah seterusnya adalah dengan menggubal Akta Ombudsman yang akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang.

Sehubungan dengan itu, RAC sebagai sebuah agensi Kerajaan turut komited dalam menguruskan aduan yang diterima. Selaku agensi yang terlibat secara langsung dengan rakyat berikutan peranannya sebagai pengurus aset dan bertanggungjawab dalam membangunkan infrastruktur kereta api, RAC perlu mengikis sindrom menolak realiti dan bersikap terbuka dalam menerima kritikan masyarakat.

Pengurusan aduan RAC diurus berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2009: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam. Selain melalui borang maklum balas di laman web, RAC turut menerima aduan yang dikemukakan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA), e-mel, media sosial, telefon, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), Surat Kepada Pengarang dan surat rasmi terus kepada Perbadanan ini.

Sepanjang 2018, sebanyak 159 aduan dan cadangan diterima dan diselaraskan, yang daripada jumlah itu, sebanyak 148 kes berjaya diselesaikan dengan jumlah penyelesaian sebanyak 93.08 peratus. Dengan pencapaian tersebut, RAC berjaya melepasi KPI yang ditetapkan Kementerian Pengangkutan dalam penyelesaian aduan iaitu 90 peratus sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 15. Turut dipaparkan adalah kategori dan status aduan berdasarkan jumlah aduan yang diterima sepanjang 2018 seperti berikut.

The Government's decision to change the status of the Public Complaints Bureau to Ombudsman Malaysia shows that the Government is always committed to ensuring that all public complaints can be resolved efficiently, fairly and effectively by identifying effective measures in dealing with complaints.

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad announced the proposed formation of the independent body after chairing a meeting of the Special Cabinet Committee on Anti-Corruption in September 2018. The next step is to formulate the Ombudsman Act, which is expected to be tabled in Parliament by end-2019.

In this regard, the RAC as a Government agency, is also committed in managing complaints. As an agency directly providing services to the people, given its role as asset manager and responsibility in developing railway infrastructure, RAC has to wipe out the syndromes of denial and be more open-minded in accepting public criticisms.

The management of complaints at the RAC is implemented based on Public Administration Circular No.1 Year 2009: Improvement of Public Complaints Management Process. In addition to complaints received through the feedback on its website, RAC also received complaints filed through the Public Complaints Bureau (BPA), emails, social media, telephone, Public Complaint Management System (SISPAA), Letter to the Editor and official letter direct to the Corporation.

Throughout 2018, a total of 159 complaints and recommendations were received and addressed. Of the total, 148 or 93.08 per cent were solved. With this achievement, RAC succeeded in exceeding the Key Performance Indicator (KPI) target of the Ministry of Transport in solving 90 per cent of the complaints as shown in Table 15. Below is the total number of complaints received throughout 2018 according to category and status:

PENGURUSAN ADUAN
COMPLAINTS MANAGEMENT

PERKARA DETAILS	JUMLAH ADUAN/NUMBER OF COMPLAINTS				
	Terima Received	Dalam Tindakan Under Investigation	Dalam Tindakan Under Investigation (%)	Selesai Solved	Selesai Solved (%)
Jumlah Aduan *Number of Complaints*	159	12	6.9	147	93.08

** KPI Penyelesaian Aduan Kementerian Pengangkutan : 90 peratus
Transport Ministry's KPI in Solving Complaints: 90 per cent

Jadual 15 : Jumlah aduan yang diterima dan diselesaikan pada 2018
Table 15 : Number of complaints received and solved in 2018

PERKARA DETAILS	JUMLAH ADUAN SELESAI/NUMBER OF COMPLAINTS			
	Selesai & Berasas Solved & Reasonable	Selesai & Berasas Solved & Reasonable (%)	Tidak Selesai & Berasas Unsolved & Reasonable	Tidak Selesai & Berasas Unsolved & Reasonable (%)
Jumlah *Total*	138	86.79	12	6.9

PERKARA DETAILS	Selesai & Tidak Berasas Solved & Unreasonable**	Selesai & Tidak Berasas Solved & Unreasonable (%)
Jumlah *Total*	10	6.28

** Aduan di luar bidang kuasa RAC
Complaints beyond RAC's purview

Jadual 16 : Kategori, status dan peratusan aduan bagi Januari hingga Disember 2018
Table 16 : Category, status and percentage of complaints for January to December 2018

Jika dibandingkan dengan jumlah aduan yang diterima untuk tiga tahun berturut-turut, jumlah aduan yang diterima pada tahun semasa didapati meningkat sebanyak 30 kes berbanding 129 kes yang diterima pada 2017. Jumlah peningkatan aduan adalah disebabkan oleh penglibatan RAC dalam banyak projek kereta api yang melibatkan pembangunan infrastruktur termasuk penyediaan kawasan tempat letak kereta di stesen kereta api dan kemudahan-kemudahan lain di stesen-stesen kereta api.

Based on the figures over three consecutive years (2016-2018), the number of complaints received by the RAC in the current year has risen by 30 cases compared to 129 cases in 2017. The increased figure was due to RAC's involvement in many railway projects related to infrastructure development including providing parking areas for vehicles and other facilities at railway stations.

PENGURUSAN ADUAN
COMPLAINTS MANAGEMENT

Daripada jumlah itu, sebanyak 12 kes tidak dapat diselesaikan sehingga penghujung 2018 disebabkan:

i. Ketiadaan peruntukan;
ii. Aduan memerlukan ulasan jabatan/ agensi luar yang berkaitan; dan
iii. Penyelesaian aduan melibatkan cadangan pembangunan semula, kajian reka bentuk dan sebagainya.

Of the total, 12 cases remained unsolved as at end-2018 due to the following reasons:


i. No allocation;
ii. Complaints needed comments from departments/agencies which were not under its jurisdiction; and
iii. Complaints to be resolved involved proposed redevelopment, design review, etc.

Aduan-aduan ini dijangka diselesaikan pada 2019. Ringkasan mengenai perbandingan ini boleh dilihat di Jadual 17 di bawah:

These complaints are expected to be solved in 2019. A summary by comparison is shown in Table 17 below:

TAHUN YEAR	STATUS ADUAN/STATUS OF COMPLAINTS			
	Jumlah Aduan Diterima Number of Complaints Received	Jumlah Aduan Selesai Number of Complaints Solved	Jumlah Aduan Tidak Selesai Number of Complaints Unsolved	Aduan Tidak Berkaitan Baseless Complaints
2016	126	123	2	1
2017	129	122	6	1
2018	159	147	12	10

Jadual 17: Perbandingan jumlah dan status aduan pada 2016, 2017 dan 2018
Table 17: Comparison of complaints and status of complaints in 2016, 2017 and 2018



Graf 6 : Perbandingan jumlah dan status aduan pada 2016, 2017 dan 2018
Graph 6 : Comparison of number and status of complaints in 2016, 2017 and 2018

PENGURUSAN ADUAN
COMPLAINTS MANAGEMENT

RAC menyediakan pelbagai saluran aduan bagi membolehkan orang ramai menyalurkan aduan agar ia dapat diselesaikan secara berhemah. Pada tahun semasa, sebanyak enam (6) daripada sembilan (9) saluran aduan dikenal pasti digunakan oleh orang ramai untuk mengemukakan aduan mereka. Daripada data yang dikumpul, borang maklum balas di dalam laman web rasmi RAC atau e-mel pegawai penyelaras aduan merupakan saluran yang menjadi pilihan utama dengan 103 aduan diterima melalui saluran ini.

Aduan yang diterima daripada Biro Pengaduan Awam dan pusat panggilan agensi lain seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan KTMB pula merupakan saluran kedua yang menjadi pilihan pengguna dengan kadar 24.52 peratus. Saluran-saluran lain seperti surat/faksimili, telefon, surat khabar dan media sosial mencatatkan jumlah penerimaan yang sedikit. Ringkasan sumber penerima aduan boleh dirujuk dalam Jadual 4.

Various channels were made available by the RAC for the public to file their complaints so that they can be addressed in a prudent manner. During the current year, six (6) out of nine (9) channels were identified for the public to file their complaints. From the data compiled, the feedback on RAC's official website or emails of complaint handling officers were the most popular choice with 103 complaints received.

Second preferred platform was via the Public Complaints Bureau and other agencies such as the Land Transportation Commission (SPAD) and KTMB with 24.52 per cent received. Other sources included mails/facsimile, telephone, newspapers and social media with only a small percentage of acceptance. A summary of sources of complaints received by the RAC is shown in Table 4.

Sumber *Source*	Jumlah Aduan *Number of Complaints*	Jumlah Aduan *Number of Complaints (%)*
Borang Maklum Balas Laman Web/E-mel *Feedback Form from Website/E-mail*	103	64.77
SMS	-	-
Hari Bertemu Pelanggan/*Meet the Clients Day*	-	-
Hadir Sendiri/*Over the Counter*	-	-
Surat/Faksimili/*Letter/Facsimile*	4	2.51
Telefon/*Telephone*	5	3.14
Surat Khabar/*Newspapers*	2	1.25
Biro Pengaduan Awam / SPAD/ KTMB Call Center *Public Complaints Bureau/ SPAD/ KTMB Call Centre*	39	24.52
Media Sosial/*Social Media*	6	3.77

Jadual 18: Sumber penerimaan aduan bagi Januari hingga Disember 2018
Table 18: Sources of complaints received from January to December 2018

MAJLIS RASMI DAN LAWATAN
OFFICIAL EVENTS AND VISITS

Sepanjang 2018, RAC mengadakan sebanyak tujuh (7) acara rasmi yang melibatkan program dan aktiviti lawatan. Penganjuran program dan acara ini merupakan sebahagian daripada usaha RAC untuk memperkukuh dan mempromosikan jenamanya. Selain itu, Perbadanan ini juga dijadikan rujukan oleh agensi-agensi luar yang mahu mengetahui kaedah yang digunakan dalam pengurusan aset.

Berikut adalah maklumat berkaitan acara tersebut:

In 2018, seven (7) official programmes and visits were held. These activities were organised as part of RAC's efforts to strengthen and promote its brand. At the same time, the Corporation was also a source of reference by external agencies seeking procedures for asset management.

Below are activities held during the year under review:





Section 98 (3) of the Railways Act 1991 clearly stated that "the Fund shall be expended for the purposes of paying any expenditure lawfully incurred by the Corporation for carrying into effect the provisions of this Part and the remuneration of officers and servants appointed and employed by the Corporation, including superannuation allowances, pensions or gratuities."


ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

SUMBER HASIL RAC

Hasil pendapatan RAC dikategorikan seperti berikut:

RAC'S SOURCE OF REVENUE

RAC's revenue is categorised as below:



Rajah 24: Kategori hasil RAC
Diagram 24: Categories of RAC's revenue

Pada 2018, RAC berjaya meningkatkan hasil pendapatannya pada tahap yang membanggakan iaitu kenaikan RM77,281,524.85 menjadikan jumlah hasil keseluruhan yang diterima berjumlah RM123,166,024.85 berbanding RM45,884,500 yang diperoleh pada tahun sebelumnya.


In 2018, RAC reported impressive financial results, with a significant increase of RM77,281,524.85 in the Corporation's revenue, bringing the total to RM123,166,024.85 from RM45,884,500 recorded in the previous year.



ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Kejayaan merekod jumlah hasil yang memberangsangkan ini disumbangkan oleh sebahagian besarnya hasil di bawah kategori keuntungan atas pelupusan aset iaitu sebanyak 53.3 peratus. Pencapaian ini membuktikan bahawa Perbadanan ini berjaya memaksimumkan hasil daripada aset terbesar yang dimilikinya iaitu tanah kereta api. Berikut adalah graf yang menunjukkan jumlah hasil yang diterima Perbadanan ini mulai 2012 hingga 2018.


The impressive performance was mainly attributed to the profits generated from the disposal of assets, which contributed 53.3 per cent of the total revenue. It also underscores the Corporation's ability to maximise revenue from the largest asset it owns, that is railway land. The diagram below shows the total revenue received by the Corporation from 2012 to 2018:



Graf 9: Hasil Pendapatan RAC dari 2012 hingga 2018
Graph 9 : RAC's revenue from 2012 to 2018

Seterusnya, graf 10 menunjukkan pecahan kategori hasil bagi 2018 yang jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar hasil yang diperoleh RAC adalah melalui keuntungan atas pelupusan aset iaitu pelepasan tanah dan pelupusan kuarters dengan jumlah keseluruhan berjumlah RM65.652 juta.

The diagram 10 is the breakdown of RAC's revenue for 2018, which clearly shows that it is largely attributed to profits from disposal of assets involving the sale of land and quarters totalling RM65.652 million.



Graf 10: Pecahan jumlah hasil yang diperoleh oleh setiap kategori hasil dan sub kategori pada 2018
Graph 10: Breakdown of revenue according to category and sub category for 2018

Selain itu, hasil jualan barang lusuh menyumbang sebanyak RM18.589 juta manakala faedah simpanan tetap pula menyumbang pendapatan berjumlah RM16.347 juta. Hasil-hasil lain seperti sewaan tanah iaitu tanah hak milik, tanah rizab dan tumpang lalu masing-masing adalah sebanyak RM3.091 juta, RM13.438 juta dan RM5.760 juta.

a) Sewaan Tanah dan Tumpang Lalu

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 89 (1) Akta Keretapi 1991, peranan RAC sebagai pemilik kepada aset-aset kereta api diperkukuhkan dengan meletakkan pengurusan sewaan tanah, bangunan termasuk kiosk (di dalam kawasan stesen), tempat letak kereta dan tumpang lalu di bawah tanggungjawab RAC sepenuhnya. Bagi memastikan penjanaan hasil yang berterusan kepada RAC, tanah-tanah dan bangunan yang sesuai serta dalam keadaan yang kondusif akan disewakan kepada badan korporat, syarikat-syarikat atau individu-individu berminat, yang bergantung kepada kekosongan dan kesesuaian lokasi.

Apart from that, the disposal of scrap materials generated sales of RM18.589 million while dividends earned from fixed deposits contributed a total income of RM16.347 million. Other sources of revenue are from titled land, reserve land and wayleave with each contributing RM3.091 million, RM13.438 million and RM5.760 million respectively.

a) Rental of Land and Wayleave

In accordance with the provisions of Section 89 (1) of the Railways Act 1991, RAC's role as railway assets owner is reinforced when it was entrusted with full responsibility for the rental of railway land, buildings including kioks (inside train stations), car parks and wayleave services. In a bid to generate continuous revenue for the RAC, railway land and suitable and conducive buildings will be rented out to interested corporate bodies, companies or individuals, depending on site availability and suitability.

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Hasil sewaan merupakan pendapatan sewaan atau pajakan ke atas tanah kereta api sama ada berstatus hak milik dan rizab. Selain sewaan tanah, hasil sewaan juga diperoleh daripada aset-aset yang berada di atas tanah milik RAC seperti bangunan, kuarters, premis perniagaan dan sebagainya. Selain itu, aktiviti tumpang lalu juga merupakan sebahagian daripada sumber hasil kepada RAC. Hasil sewaan dan tumpang lalu yang direkodkan oleh RAC adalah daripada sewaan atau tumpang lalu yang dimeterai oleh RAC dengan penyewa.

Berikut adalah jadual perbandingan hasil sewaan tanah dan tumpang lalu dengan peratus kenaikan dan penurunan.


Rental revenue is income derived from rental or leasing of titled railway land or assets on reserve land. Apart from land rental, rental revenue is also generated from assets on land owned by the RAC such as buildings, workers' quarters, business premises, etc. In addition, wayleave activities also contributed to RAC's revenue. Rental and wayleave revenue recorded and collected by the RAC is based on the rental and wayleave agreement inked between the Corporation and the tenants.

Below is the comparison of RAC's land rental and wayleave revenue with the percentage of increase and decrease.

Hasil Sewaan ***Rental Revenue***	**2018**	**2017**	**Peratus Kenaikan/ (Penurunan)** ***Percentage of Increase/ (Decrease)***
Tanah Milik *Titled Land*	3,091,209	3,422,552	(10%)
Tanah Rizab *Reserve Land*	13,438,169	17,002,282	(21%)
Tumpang Lalu *Wayleave*	5,760,422	5,294,982	9%
JUMLAH ***TOTAL***	**22,289,800**	**25,739,816**	**(13%)**

Jadual 23 : Perbandingan hasil sewaan tanah dan tumpang lalu bagi 2018 dan 2017
Table 23 : Comparison of land rental and wayleave revenue betweeen 2018 and 2017

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS



Graf 11: Perbandingan hasil sewaan tanah (rizab dan hak milik) dan tumpang lalu bagi tempoh 2012 hingga 2018

Graph 11: Comparison of land rental (reserve and titled) and wayleave revenue for the period 2012 to 2018

Daripada jadual dan graf di atas, hasil daripada aktiviti tumpang lalu pada 2018 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan iaitu sebanyak sembilan (9) peratus di mana pada tahun semasa, hasil yang dicatatkan meningkat kepada RM5,760,422 berbanding RM5,294,982 pada 2017. Peningkatan ini didorong oleh pemeteraian tawaran perjanjian dengan beberapa syarikat berkaitan kerajaan dan swasta antaranya Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengurusan Aset Air Berhad, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, DBKL, CELCOM, SGP Industry Building System Sdn Bhd, Amona-Murni Lapisan JV dan Central Spectrum (M) Sdn Bhd. Graf juga menunjukkan bahawa penjanaan hasil melalui aktiviti tumpang lalu mencatatkan peningkatan setiap tahun mulai 2012.

Bagi hasil penyewaan tanah, rekod pada 2018 menunjukkan penurunan hasil sewaan tanah berstatus hak milik sebanyak 10 peratus manakala bagi tanah rizab, penurunan yang dicatatkan adalah sebanyak 21 peratus.

From the table and diagram above, revenue from wayleave activities in 2018 have significantly increased by nine (9) percent to RM5,760,422 during the current year from RM5,294,982 in 2017.

The higher revenue was boosted by the signing of agreement with several government linked companies and the private sector, such as Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengurusan Aset Air Berhad, Jabatan Perkhidmatan Pembentungan, DBKL, CELCOM, SGP Industry Building System Sdn Bhd, Amona-Murni Lapisan JV and Central Spectrum (M) Sdn Bhd. The diagram also shows revenue generation through wayleave activities, which recorded yearly increases since 2012.

However, the 2018 figures showed rental revenue from titled land and reserve land fell 10 percent and 21 percent respectively.

b) Keuntungan Atas Pelupusan Aset

RAC mencatatkan keuntungan yang tinggi atas pelepasan tanah dan pelupusan kuarters pada 2018 dengan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM65.652 juta. Sebahagian besar keuntungan ini adalah hasil daripada projek pembangunan tanah kereta api secara penswastaan yang melibatkan projek pembinaan Penang Sentral dan KL Eco City yang menyumbang sebanyak RM63.810 juta. Manakala projek pembinaan persimpangan bertingkat di atas tanah hak milik RAC di Tanah Merah, Kelantan memberikan keuntungan sebanyak RM1.842 juta. Pelaksanaan projek ini melibatkan pelepasan secara pengambilan oleh JKR ke atas dua (2) lot tanah hak milik RAC iaitu Lot 154 (2.76 ekar) dan Lot 1057 (0.19 ekar).

Projek pembinaan Penang Sentral memberi keuntungan keseluruhan atas pelupusan aset berjumlah RM34.466 juta kepada Perbadanan ini. Melalui projek tersebut, RAC menerima pulangan dalam bentuk wang tunai sebanyak RM41.081 juta manakala RM4.389 juta pula dalam bentuk persempadanan semula tanah.

Pembangunan di KL Eco City pula memberi keuntungan atas pelupusan aset secara keseluruhan berjumlah RM29.345 juta. Pulangan yang dimuktamadkan oleh RAC melibatkan pemilikan dua unit ruang pejabat yang bernilai RM13.548 juta dan Stesen Keretapi Abdullah Hukum yang bernilai RM30 juta. Selain itu, RAC turut merekodkan persempadanan semula tanah bernilai RM8.709 juta dan pulangan tunai sebanyak RM2.226 juta.

c) Lain-Lain Pendapatan

Komponen utama bagi lain-lain pendapatan untuk RAC adalah hasil daripada faedah tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi iaitu atas baki akaun semasa dan simpanan tetap. Pelaburan yang dilaksanakan oleh RAC adalah dalam

b) Profit from Disposal of Assets

RAC recorded a higher profit from the disposal of land and quarters in 2018 totalling RM65.652 million. The bulk of profit was largely derived from the privatisation of railway land development projects involving Penang Sentral and KL Eco City which contributed RM63.810 million while the Elevated T-Junction construction project on RAC-owned land in Tanah Merah, Kelantan generated a profit of RM1.842 million. The project involved the acquisition of RAC land namely Lot 154 (2.76 acres) and Lot 1057 (0.19 acre) by JKR.

The Penang Sentral construction project contributed a total profit of RM34.466 million from the disposal of assets for the Corporation. Through this project, RAC received cash returns of RM41.081 million while RM4.389 million were generated from land alienation.

While the KL Eco City project generated a total profit of RM29.345 million from the disposal of assets for the RAC. The Corporation's returns on investment were derived from the acquisition of two units of office space valued at RM13.548 million and the Abdullah Hukum Railway Station worth RM30 million. RAC also recorded land alienation worth RM8.709 million and cash returns of RM2.226 million.

c) Other Income

The main components of RAC's other income are from cash or cash equivalents and dividends from remaining balance of RAC Fund's current accounts and fixed deposits. The Corporation invested in non-risk fixed deposits with guaranteed fixed returns. Other income includes receipts from the sale of scrap materials such as metal and wooden sleepers generated from the disposal of used rail infrastructure, demolition of quarters, sales of the tender forms, quotation and sales of copies of plan.

bentuk simpanan tetap yang tidak berisiko dengan jaminan pulangan tetap. Lain-lain pendapatan juga merangkumi komponen terimaan seperti hasil jualan bahan-bahan lusuh seperti besi rel dan kayu-kayu landasan yang diperoleh daripada aktiviti pembongkaran landasan lama dan aktiviti perobohan kuarters, jualan borang tender, sebut harga dan jualan salinan pelan.

Selain itu, RAC turut melaksanakan simpanan deposit tetap atas jumlah hasil yang diterima dengan pulangan keuntungan atau faedah pada kadar 3.90 peratus ke 4.50 peratus. Jumlah hasil yang disimpan melalui deposit tetap ini adalah berdasarkan keperluan aliran tunai pada satu-satu tempoh masa. Faktor kestabilan ekonomi mempengaruhi pihak institusi kewangan untuk menawarkan pulangan bagi menjamin simpanan prinsipal pendeposit. RAC masih memberi fokus untuk meningkatkan hasil utama RAC dan tidak bergantung sepenuhnya kepada lain-lain pendapatan terutama faedah simpanan tetap sebagai pendapatan utama.

PELUNASAN GERAN

Pelunasan geran merupakan Geran Kerajaan Persekutuan yang direkodkan oleh RAC bagi projek-projek pembangunan pengkeretapian yang telah dipermodalkan atau dikategorikan sebagai perbelanjaan penyelenggaraan infrastruktur. Pelunasan geran dilaksanakan selaras dengan piawaian yang digariskan dalam MPSAS 23 perenggan 117 di mana pelunasan geran bagi aset tetap dilunaskan mengikut hayat aset manakala bagi penyelenggaraan infrastruktur, ia dilunaskan apabila kerja-kerja penyelenggaraan dikira sebagai belanja. Pada 2018, RAC merekodkan pelunasan geran berjumlah RM589.858 juta bagi projek KTMB yang, antaranya, adalah pembekalan *floating spareparts for Class 83 EMU and Class 91 ETS* dan kerja-kerja penyelenggaraan pengukuhan jambatan dan trek antara Stesen Keretapi Gua Musang dan Stesen Keretapi Wakaf Bharu.

Apart from that, RAC's fixed deposit's placements offer returns of between 3.90 percent and 4.50 percent. Revenue from the fixed deposits are based on cash flow needs at a given period of time. Economic stability also influences financial institutions to offer returns with guarantees on the principal amount for its depositors. RAC remains focused on improving its primary income and is not fully dependent on other sources especially on dividends from its fixed deposits as the key source of revenue generation.

AMORTISATION OF GRANT

Amortisation of grant is Federal Government Grants recorded by the RAC for railway development projects that have been capitalised or categorised as infrastructure maintenance expenditure. The amortisation of the grant is implemented in accordance with the standards outlined in MPSAS 23 paragraph 117 wherein the grant for fixed assets is amortised over the life of the assets while the grant for infrastructure maintenance is amortised when maintenance works are calculated as expenses. In 2018, RAC recorded a total of RM589.858 million in the amortisation of grants for KTMB projects, which included, the supply of floating spareparts for Class 83 EMU and Class 91 ETS and restoration, strengthening and substructure protection for bridges, trackworks and associated works between Gua Musang and Wakaf Bharu railway stations.

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

PERBELANJAAN


Perbelanjaan di RAC dikategorikan seperti berikut:

EXPENDITURE

RAC's expenditure is categorised as below:



Rajah 26 : Jenis perbelanjaan di RAC
Diagram 26 : Types of RAC's expenditure



Graf 12: Jumlah perbelanjaan di RAC dari 2012 hingga 2018
Graph 12: RAC's total expenditure from 2012 to 2018

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

Mulai 2015, RAC tidak lagi menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan operasi di Perbadanan ini. RAC telah menggunakan sepenuhnya peruntukan dari Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi bagi menampung perbelanjaan pentadbiran dan perbelanjaan pengurusan aset. Pada tahun semasa, sejumlah RM21.130 juta diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan RAC dan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM20.223 juta telah dibelanjakan.

Menyedari hakikat bahawa kesemua perbelanjaan RAC adalah menggunakan sumber peruntukan sendiri, Perbadanan ini meneruskan amalan penjimatan dengan memastikan perbelanjaan yang dibuat adalah mengikut keutamaan dan kepentingan. Hasil penjimatan yang dilakukan itu, RAC berjaya mengurangkan perbelanjaan keseluruhan yang berjumlah 13.7 peratus. Sebahagian besar peruntukan yang dibelanjakan adalah untuk pembayaran emolumen, elaun tetap selain perkhidmatan dan bekalan untuk kegunaan RAC dengan jumlah sebanyak RM11.426 juta berbanding jumlah perbelanjaan untuk pengurusan aset yang mencatatkan jumlah sebanyak RM8,796,715. Selain itu, sebanyak RM390,000 merupakan kerugian atas pelupusan aset.

a) Perbelanjaan Pentadbiran

Bagi menampung perbelanjaan di bawah maksud ini, peruntukan daripada Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi telah digunakan. Perbelanjaan berkenaan merangkumi bayaran emolumen dan elaun kepada 50 pegawai kontrak yang dilantik Perbadanan ini sejak 2017 bagi memastikan fungsi dan peranan RAC dalam melaksanakan tanggungjawab dan penyampaian perkhidmatan serta operasi dengan lebih cekap dan efisien, bayaran bagi pengangkutan dan utiliti, bekalan dan perkhidmatan serta penyelenggaraan pejabat.

Beginning in 2015, RAC no longer received allocation from the Federal Government and has fully utilised allocation from the Railway Assets Corporation Fund to cover its administrative and asset management expenditures. During the current year, a total of RM21.130 million was allocated for RAC's operating and development expenditures and of the total, RM20.223 million had been spent.

Cognisant of the fact that all RAC's expenditures are utilised from its own funds, the Corporation continues to engage in cost-saving practices by ensuring that the expenditures are based on priority and interests. As a result of the exercise, RAC managed to reduce its overall expenditure by 13.7 percent. The bulk of the Corporation's spending was channelled towards payments of emoluments, fixed allowances as well as for services and supplies for RAC's use totalling RM11.426 million as against a total of RM8,796.715 on asset management expenditure. In addition, RAC incurred a loss of RM390,000 on the disposal of assets.

a) Administrative Expenditure

To cover its administrative expenditure, the RAC utilised the allocation from the Railway Assets Corporation Fund. The expenses included payments for emoluments and allowances for 50 contract officers who were appointed by the Corporation since 2017 to strengthen its operations and service delivery in line with the RAC's role, functions and responsibility of ensuring that they are conducted more efficiently and in a competent manner. Other expenses include payments for transportation and utilities, supplies and services as well as office maintenance.

Selain itu, perbelanjaan pentadbiran di RAC melibatkan perkhidmatan yang berkaitan pengurusan projek antaranya perkhidmatan ukur bagi Stesen Komuter Serdang dan Rawang, perkhidmatan caj sambungan elektrik bagi Projek PDZ di Stesen Komuter Serdang dan PDZ di Stesen Komuter Batu Tiga, beberapa kos penyelenggaraan bagi PDZ Batu Tiga, PDZ Dato Harun dan PDZ Serdang serta penganjuran beberapa bengkel pengurusan nilai bagi perancangan projek-projek pembangunan pada masa hadapan.

Pada 2018, sejumlah RM11.426 juta dibelanjakan bagi tujuan di atas yang menyaksikan penurunan sebanyak 35.5 peratus berbanding pada 2017 di mana sejumlah RM17.734 juta dibelanjakan.

b) Perbelanjaan Pengurusan Aset

Sepertimana perbelanjaan pentadbiran, Perbadanan ini turut menggunakan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi bagi menampung sepenuhnya semua perbelanjaan berkaitan pengurusan aset. Perbelanjaan di bawah tajuk ini merangkumi perbelanjaan bagi tujuan pembayaran cukai tanah, cukai taksiran, bayaran bagi penilaian aset serta perbelanjaan penyelenggaraan dan pengurusan aset yang lain seperti pembersihan kawasan dan penyelenggaran kecil. Ia dilaksanakan selaras dengan usaha dan hasrat RAC dalam memastikan bahawa aset (terutamanya tanah) diselenggara dengan baik dan efektif bagi mengelak pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Selain itu, perbelanjaan pengurusan aset adalah termasuk perbelanjaan bagi peruntukan hutang ragu. Peruntukan rosot nilai penghutang adalah selaras dengan MPSAS 26 bagi penghutang sewaan yang dikenal pasti pada kadar empat (4) peratus pada baki akhir penghutang

RAC's administrative expenditure also includes project-related service expenses, such as for the survey service at the Serdang and Rawang Railway Stations, maintenance cost at Batu Tiga PDZ, Dato Harun PDZ and Serdang PDZ, as well as for the organising of value management workshops for RAC future project planning.

In 2018, a total of RM11.426 million was spent for the above purpose which saw a 35.5 percent reduction in expenditure to RM17.734 million from 2017.

b) Asset Management Expenditure


Just like the administrative expenditure, the Corporation also utilised the allocation from the Railway Assets Corporation Fund to fully cover all expenses related to asset management. This expenditure is for the purposes of payment of land tax, assessment tax, evaluation fee as well as the costs for maintenance and management of other assets such as land clearing and minor maintenance work. Such actions are being carried out in line with RAC's aspiration in ensuring that its assets (especially land) are well and effectively maintained to avoid intrusion by irresponsible parties.

Included in the asset management expenditure is the doubtful debt expenses. The provision for dimunition in value of doubtful debt is in accordance with MPSAS 26 of the identifiable rental receivables and at the rate of four (4) percent of the final balance of the RAC's debtors on 31 December of each year. Based on Diagram 12, the RAC's total asset management expenditure recorded a 44.81 percent increase in 2018, bringing the total expenditure to RM8,796,715 compared to RM6,074,399 in 2017. The higher expenditure was mainly for tax payment totalling RM3.9 million, provision for dimunition in value of doubtful debt totalling RM3.5 million and discounts of

pada 31 Disember setiap tahun. Merujuk kepada graf 12, pada 2018, jumlah perbelanjaan pengurusan aset di RAC telah mencatat kenaikan sejumlah 44.81 peratus menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah RM8,796,715 berbanding RM6,074,399 pada 2017. Peningkatan perbelanjaan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pembayaran cukai berjumlah RM3.9 juta, peruntukan rosot nilai penghutang berjumlah RM3.5 juta dan diskaun kepada penyewa sebanyak RM35,000 bagi penghutang ingkar serta penyelenggaraan dan pembersihan aset berjumlah RM624,000.

RM35,000 for errant debtors as well as maintenance and clearance of assets totalling RM624,000.





Graf 13: Jumlah perbelanjaan pengurusan aset di RAC bagi tempoh 2012 hingga 2018
Graph 13: RAC's total expenditure from 2012 to 2018

c) Kerugian Atas Pelupusan Aset

Kerugian atas pelupusan aset berjumlah RM390,000 dicatatkan bagi pelepasan tanah hak milik RAC secara pengambilan oleh JKR bagi Lot 1057 yang terlibat dalam projek pembinaan persimpangan bertingkat di Tanah Merah, Kelantan. Sebanyak dua (2) lot tanah hak milik RAC seluas 2.95 ekar iaitu Lot 154 (2.76 ekar) dan Lot 1057 (0.19 ekar) dilepaskan bagi memberi laluan kepada projek itu yang bertujuan menyuraikan lalu lintas di kawasan tersebut.

c) Loss On Disposal of Assets

The RAC incurred a loss of RM390,000 on the disposal of assets for the release of RAC-owned land through Elevated T-Junction construction project in Tanah Merah, Kelantan. Two (2) lots of RAC land covering 2.95 acres namely Lot 154 (2.76 acres) and Lot 1057 (0.19 acre) had been released to make way for the project to ease traffic congestion in the area.

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

ASET DAN LIABILITI SEMASA RAC


Berdasarkan Penyata Kewangan RAC berakhir 31 Disember 2018, aset semasa RAC adalah melebihi liabiliti semasa dengan jumlah perbezaan sebanyak RM15.475 bilion dan nisbah semasa bagi aset dan liabiliti adalah 1.48 nisbah 1.

Jumlah ini menunjukkan kemampanan kewangan RAC untuk kekal relevan dan terus melestarikan industri perkeretapian negara.

RAC'S CURRENT ASSETS AND LIABILITIES

According to RAC's Financial Statement year ended 31 December 2018, RAC's current assets exceeded its current liabilities with a total difference of RM15.475 billion and the current ratio of assets and liabilities is 1.48 to 1.

This amount reflects RAC's financial sustainability and its ability to remain relevant and continue to ensuring a sustainable railway industry in the country.



Graf 14: Nisbah aset semasa dan liabiti RAC untuk tempoh 2012 hingga 2018
Graph 14: Ratio of RAC's current assets and liabilities for the period 2012 to 2018

ASET BUKAN SEMASA RAC

RAC merupakan pengurus dan pemilik bagi semua aset kereta api sepertimana yang dinyatakan dalam Seksyen 89 Akta Keretapi 1991. Pada 2018, pertambahan aset sebanyak RM550.755 juta dicatatkan dengan sejumlah RM493.842 juta adalah permodalan aset tetap bagi projek pembangunan KTMB termasuk:

RAC'S NON-CURRENT ASSETS


The RAC is the caretaker and owner of all railway assets as stated in Section 89 of the Railways Act 1991. In 2018, a total of RM550.755 million worth of asset additions were recorded and RM493.842 million for capitalisation of fixed assets for KTMB development projects which include:

i. Depoh Penyelenggaraan Stor Kereta di Kempas Baru, Johor;
ii. Mereka bentuk dan membekalkan *New Boogie Ballast Hopper Wagon (BBHW) and Boogie Rail Wagon (BRW)*;
iii. Mereka bentuk dan membekalkan *New On Track Machineries*; dan
iv. Membekalkan 11 unit *Overhead Catenary Maintenance Machine for Electrification System Deparment* untuk KTMB.

Permodalan aset RAC pada 2018 adalah berjumlah RM56.646 juta dengan penerimaan aset baharu bagi projek pembangunan di Penang Sentral dan KL Eco City manakala selebihnya iaitu RM227,000 adalah pembelian harta modal termasuk dua (2) buah kenderaan jabatan. Kerja dalam pelaksanaan terdiri daripada dua (2) projek iaitu projek pembangunan yang dilaksanakan dan dibiayai oleh RAC serta projek yang dilaksanakan oleh KTMB dan dibiayai oleh Kerajaan. Pertambahan sejumlah RM2.487 bilion direkodkan bagi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh KTMB manakala RM21.658 juta bagi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh RAC.

i. Rolling Stock Maintenance Depot in Kempas Baru, Johor;
ii. Design and supply of New Boogie Ballast Hopper Wagon (BBHW) and Boogie Rail Wagon (BRW);
iii. Design and supply of New On Track Machineries; and
iv. Supply of 11 units Overhead Catenary Maintenance Machine for Electrification System Deparment for KTMB.

RAC's asset capitalisation in 2018 is worth RM56.646 million with new asset receipts derived from Penang Sentral and KL Eco City development projects while the balance of RM227,000 is for the purchase of capital assets at RAC including two (2) department vehicles. The current work in progress consisted of two (2) development projects, one of which is implemented and funded by the RAC while the other is implemented by KTMB and funded by the Government. An additional RM2.487 billion was recorded for development projects undertaken by KTMB and RM21.658 million for projects undertaken by the RAC.



Graf 15: Jumlah aset bukan semasa yang dimiliki RAC untuk tempoh 2012 hingga 2018
Graph 15: RAC's non-current assets for the period 2012 to 2018

PEMBAYARAN BALIK HUTANG
REPAYMENT OF DEBTS

Pinjaman Kerajaan Persekutuan (secara terus), Pinjaman *Relending Loan* dan Pinjaman Komersial diambil alih oleh RAC daripada pentadbiran KTM pada tarikh yang sama KTMB diwujudkan iaitu pada Julai 1991. Selain mewarisi kesemua aset-aset kereta api setelah pembubaran pentadbiran KTM, Perbadanan ini juga mengambil alih kesemua liabiliti dan hutang pada ketika itu yang dianggarkan berjumlah RM1.763 bilion.

Pada 31 Disember 2007, RAC selesai membayar sebahagian daripada liabiliti berkenaan. Seterusnya, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) meluluskan permohonan untuk menghapus kira pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi Pinjaman Disusun Semula yang berjumlah RM651.057 juta. Sehubungan itu, tanggungan hutang RAC secara keseluruhannya pada 2018 adalah berjumlah RM420.239 juta.

Federal Government Direct Loans, Relending Loans and Commercial Loans have been taken over by the RAC from the Malayan Railway Administration (KTM) the same day KTMB was established in July 1991. Apart from inheriting all of the railway assets after the dissolution of the KTM, the Corporation also assumed all liabilities and debts, which at that time, were estimated at RM1.763 billion.

On 31 December 2007, RAC has finished paying part of the liabilities. Subsequently, the Ministry of Finance approved the write-off application for Federal Government loans for a Restructured Loan of RM651.057 million. The RAC's total debt in 2018 amounted to RM420.239 million.

JENIS HUTANG *TYPES OF DEBT*	JUMLAH DIAMBIL ALIH (pada 1992) *AMOUNT TAKEN OVER (in 1992) (RM)*	BAKI PADA 31/12/2018 *BALANCE AS AT 31/12/2018 (RM'000)*
Kerajaan/*Government*	1,179,786,127	0
Komersial/*Commercial*	30,101,631	0
UK Malaysia Aids	58,498,000	47,877
Relending Loan	554,021,881	377,762
JUMLAH/*TOTAL*	**1,763,909,639**	**425,639**

Jadual 24 : Baki hutang pinjaman Kerajaan pada 31 Disember 2018
Table 24 : Balance of unpaid Government loans as at 31 December 2018

PEMBAYARAN BALIK HUTANG
REPAYMENT OF DEBTS

Secara dasarnya, mengikut jadual di atas, hutang yang diambil alih daripada Pentadbiran KTM boleh dibahagikan kepada tiga (3) jenis iaitu:

i. Pinjaman Komersial;
ii. Pinjaman Kerajaan Persekutuan secara terus; dan
iii. Pinjaman dari luar yang dipinjamkan semula oleh Kerajaan Persekutuan.

Basically (based on the table above), loans taken over from KTM Administration can be divided into three (3) types:

i. Commercial Loans;
ii. Direct Loans from the Federal Government; and
iii. Relending Loan (External Loans Reallocated by Federal Government).

PINJAMAN KOMERSIAL

Pada asalnya, RAC mengambil alih empat (4) jenis hutang komersial daripada Pentadbiran KTM yang telah dibayar sepenuhnya seperti berikut:

a) Bank Dunia berjumlah RM6,977,680 (selesai dibayar pada 1996);
b) UMBC berjumlah RM25,0000.00 (selesai dibayar pada 1997);
c) Kredit Pembekal Ganz Mavang bernilai RM5,439,501 (selesai dibayar pada 2001); dan
d) RHB Bank (dahulunya Kwong Yik Bank) berjumlah RM15,184,450 (selesai dibayar pada 2006).

COMMERCIAL LOANS

Originally, the RAC has taken over four (4) types of commercial loans from KTM Administration which have been fully settled namely from:

a) World Bank for the amount of RM6,977,680 (fully settled in 1996);
b) UMBC for the amount of RM2,500,000 (fully settled in 1997);
c) Ganz Mavang Supply Credit for the amount of RM5,439,501 (fully settled in 2001); and
d) RHB Bank (formerly Kwong Yik Bank) for the amount of RM15,184,450 (fully settled in 2006).

PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SECARA TERUS

Pinjaman ini adalah pinjaman yang diterima secara terus daripada Kerajaan Persekutuan kepada Pentadbiran KTM. Pada asalnya, RAC mengambil alih 76 pinjaman Kerajaan Persekutuan secara terus berjumlah RM1,249,830,478.71. Pada 1996, Perbendaharaan menyusun semula 75 daripada 76 pinjaman ini (kecuali UK Malaysia Aids) kepada satu pinjaman yang baru di mana jumlah pokok 75 pinjaman berjumlah RM1,221,827,567.15 menjadi satu pinjaman baru berjumlah RM1,508,116,279.54 dengan kadar faedah 0 peratus. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh 19 tahun dengan peruntukan yang akan disediakan oleh Kerajaan.

DIRECT LOANS FROM THE FEDERAL GOVERNMENT

The loans were received directly from the Federal Government by the KTM Administration. Initially, the RAC took over 76 direct loans from the Federal Government amounting to RM1,249,830,478.71. In 1996, the Treasury restructured 75 out of the 76 loans (except UK Malaysia Aids) to a new loan where the total of amount of the 75 loans totalling RM1,221,827,567.15 became a new amount of RM1,508,116,279.54 with 0 percent interest rate. The new loan must be settled within a period of 19 years using the allocation from the Government.

PEMBAYARAN BALIK HUTANG
REPAYMENT OF DEBTS

PINJAMAN DARI LUAR YANG DIPINJAMKAN SEMULA OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN

Mengikut perjanjian ini, Pentadbiran KTM perlu membayar bayar balik apa sahaja yang dibayar oleh Kerajaan kepada pemberi pinjaman termasuk faedah, kawat dan tukaran mata wang asing. Pinjaman ini merupakan pinjaman yang diperoleh Kerajaan dari luar negara khusus untuk sesuatu projek dan ia dipinjamkan semula kepada Pentadbiran KTM dengan cara *back to back*. Pada masa ini, terdapat tujuh (7) pinjaman jenis ini yang dikenal pasti iaitu:

i) *Overseas Economic Corporation Fund-MVIII* - 1, Jepun

ii) *Overseas Economic Corporation Fund-MVIII* - 3, Jepun

iii) *Overseas Economic Corporation Fund-MX* - 4, Jepun

iv) *Overseas Economic Corporation Fund-MX1* - 2, Jepun

v) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 6 juta, Republik Jerman (RS7266026) – Selesai pembayaran pada 2006.

vi) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 4 juta, Republik Jerman (RS7665029) – Selesai pembayaran pada 2006.

vii) Ssang Yong, Korea – Selesai pembayaran pada 2003.

RELENDING LOAN (EXTERNAL LOANS REALLOCATED BY FEDERAL GOVERNMENT)

According to the agreement, the KTM Administration has to reimburse any amount paid by the Government to the lenders, including interests, telegraphic and foreign exchange. These loans, obtained by the Government from foreign sources, were meant for specific projects and reallocated to the KTM Administration on back to back basis. At present, seven (7) of such loans have been identified, namely:

i) Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 1, Japan

ii) Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 3, Japan

iii) Overseas Economic Corporation Fund-MX - 4, Japan

iv) Overseas Economic Corporation Fund-MX1 - 2, Japan

v) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 6 million, Germany (RS7266026) – Fully settled in 2006.


vi) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 4 million, Germany (RS7665029) – Fully settled in 2006.

vii) Ssang Yong, Korea – Fully settled in 2003.



SEKSYEN 9:
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

SECTION 9: AUDITOR-GENERAL'S REPORT ON RAC'S FINANCIAL STATEMENT FOT THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2018



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada akaun termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Aset Keretapi pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Keretapi 1991 (Akta 463) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

Baki Awal Kerja Dalam Pelaksanaan Berjumlah RM17,384,186,000 Tidak Dapat Disahkan

Baki awal Kerja Dalam Pelaksanaan berjumlah RM17,384,186,000 pada Nota 11 di Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 tidak dapat disahkan. Ini disebabkan terdapat perbezaan nama projek, bilangan projek, kos projek dan jumlah bayaran antara rekod Perbadanan Aset Keretapi dengan Agensi Pelaksana dan Agensi Pembayar.

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Aset Keretapi dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Perbadanan Aset Keretapi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Aset Keretapi tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Aset Keretapi yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Keretapi 1991 (Akta 463). Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Aset Keretapi yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Aset Keretapi, Anggota Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Aset Keretapi untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Aset Keretapi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Aset Keretapi, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Aset Keretapi.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Perbadanan.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Aset Keretapi sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Aset Keretapi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Aset Keretapi memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Perbadanan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Keretapi 1991 (Akta 463), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Perbadanan Aset Keretapi telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Hal-hal Lain

a. Saya ingin menarik perhatian terhadap kelemahan dalam penyenggaraan rekod/daftar Kerja Dalam Pelaksanaan Perbadanan Aset Keretapi. Perbadanan Aset Keretapi perlu sentiasa memastikan rekod/daftar Kerja Dalam Pelaksanaan adalah bersesuaian, dikemas kini serta selari dengan rekod kewangan Agensi Pelaksana dan Agensi Pembayar bagi memastikan penyediaan penyata kewangan adalah tepat dan betul.

b. Laporan ini dibuat untuk Anggota Perbadanan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(SWAIBATUL ASLAMIAH BINTI HAJI HUSAIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
16 OGOS 2019

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA PERBADANAN
PERBADANAN ASET KERETAPI

Kami, DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN dan EMELIA TAY LING IMM yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Perbadanan PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PERBADANAN ASET KERETAPI pada 31 DISEMBER 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Perbadanan,

NAMA :DATUK MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN
GELARAN :PENGERUSI
TARIKH : 9/8/2019
TEMPAT :KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
ARAS 9, NO. 26, JALAN TUN HUSSIEN
PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Bagi pihak Anggota Perbadanan,

NAMA :EMELIA TAY LING IMM
GELARAN :AHLI
TARIKH : 9/8/2019
TEMPAT :KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI
UNIT PERANCANG EKONOMI
SEKSYEN INDUSTRI PERKHIDMATAN
ARAS 4, BLOK B6,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
PERBADANAN ASET KERETAPI

Saya, AZHAR BIN AHMAD, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Hentian Kajang Selangor)
pada 9 AUG 2019)

.....

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
B445
SITI FATIMAH BINTI WAHAB@ABDUL WAHAB
01.07.18 - 31.12.20
MALAYSIA
No. 2.74, Tingkat 2,
Kompleks Hentian Kajang,
Jalan Reko, Selangor.

.....

PESURUHJAYA SUMPAH

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
ASET			
Aset Semasa			
Akaun Belum Terima	7	101,497	96,997
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	8	558,460	528,125
Jumlah Aset Semasa		**659,957**	**625,122**
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	9	17,199,081	17,090,884
Aset Tidak Ketara	10	2,032	3,403
Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan	11	19,473,881	17,384,186
Jumlah Aset Bukan Semasa		**36,674,994**	**34,478,473**
Jumlah Aset		**37,334,951**	**35,103,595**
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	12	22,376	26,258
Pinjaman	13	408,818	406,522
Tanggungan Cukai Pendapatan		13,242	11,499
Jumlah Liabiliti Semasa		**444,436**	**444,279**
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman	13	16,821	17,991
Cukai Tertunda	14	(72,313)	83,242
Geran Kerajaan Persekutuan	15	21,470,864	19,449,941
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		**21,415,372**	**19,551,174**
Jumlah Liabiliti		**21,859,808**	**19,995,453**
Aset Bersih		**15,475,143**	**15,108,142**
ASET BERSIH/EKUITI			
Rezab Penilaian Aset		7,964,176	7,987,913
Keuntungan Terkumpul	16	7,510,967	7,120,229
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti		**15,475,143**	**15,108,142**

Nota-nota di halaman 6 hingga 26 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
Hasil			
Sewa Dari Hartanah	17	22,290	25,740
Pelunasan Geran	18	589,858	790,543
Pelbagai Penerimaan	19	100,876	20,145
Jumlah Hasil		**713,024**	**836,428**
Perbelanjaan			
Perbelanjaan Pentadbiran		11,426	17,734
Perbelanjaan Berkaitan Hasil Sewa	20	8,797	6,074
Penyelenggaraan Infrastruktur		95,445	19,619
Peruntukan Susutnilai		304,966	289,589
Penjejasan Aset		73,048	-
Kerugian atas Pelupusan Aset		390	91
Faedah Ke Atas Pinjaman Kerajaan		1,125	1,923
Jumlah Perbelanjaan		**495,197**	**335,030**
